

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

**Bil. 5**

**Isnin**

**23 Februari 2009**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
- *Y.B. Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar)* (Halaman 27)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 53)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 23 Februari 2009**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam usaha mengaktifkan semula anggota bomba sukarela di setiap kawasan Parlimen; dan
- (b) adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi elaun dan insurans perlindungan kepada mereka.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Chuan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Sri Gading.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Bomba Sukarela didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Malaysia. Pasukan ini dikawal selia oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di bawah Seksyen 61(1)(Ca) Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Oleh yang demikian Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada penubuhan Pasukan Bomba Sukarela terutamanya di kawasan luar bandar dan pekan kecil yang tidak mempunyai balai bomba ataupun lokasinya terletak jauh daripada balai bomba.

Semenjak program ini diperkenalkan pada tahun 1987 Pasukan Bomba Sukarela telah banyak memberi sumbangan kepada masyarakat setempat dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di mana banyak kejadian kebakaran dapat dikawal di peringkat awal sebelum ketibaan pasukan bomba.

Bagi memastikan Pasukan Bomba Sukarela terus kekal aktif, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) memberi latihan yang berterusan kepada anggota bomba sukarela supaya mereka berkemahiran dalam menjalankan tugas pemadaman dan pencegahan kebakaran;

- (ii) mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin dan penduduk-penduduk setempat bagi menggalak dan menarik minat mereka bagi menubuh dan menggalakkan penyertaan rakyat tempatan dalam Pasukan Bomba Sukarela di kawasan masing-masing;
- (iii) bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dan syarikat swasta supaya mereka dapat memberi sumbangan bagi meningkatkan kapasiti Pasukan Bomba Sukarela;
- (iv) mengadakan Program Bomba Bersama Rakyat bagi meningkatkan hubungan di antara jabatan dengan masyarakat setempat dan juga meningkatkan kesedaran mereka mengenai bahaya kebakaran dan langkah pencegahan kebakaran;
- (v) memberi bantuan jentera bomba dan peralatan kebombaannya seperti pam, kasut api, jaket serta latihan kebombaannya diberikan dari semasa ke semasa supaya Pasukan Bomba Sukarela dapat memainkan peranan yang lebih cekap dan berkesan;
- (vi) menggalakkan penyertaan golongan muda menyertai Pasukan Bomba Sukarela melalui Program Kadet Bomba di sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi.

Buat masa ini kerajaan tidak memberi apa-apa elaun dan perlindungan insurans kepada ahli-ahli bomba sukarela. Walau bagaimanapun kerajaan sedang mengkaji untuk memperkemas peraturan mengenai perkhidmatan bomba sukarela supaya kebajikan mereka dalam bentuk insurans dan elaun akan dipertimbangkan. Sekian.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah pun menjawab dengan satu jawapan yang benar-benar memenuhi soalan yang saya kemukakan. Namun ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Soalan diizinkan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soalan saya yang pertama. Pasukan Bomba Sukarela ini bukan sahaja membantu pasukan bomba kita menyelamatkan mangsa kebakaran atau memadam api kebakaran malah ia juga sesuatu yang penting. Dalam sesebuah masyarakat Pasukan Bomba Sukarela inilah yang paling penting. Ia juga boleh menzahirkan kerjasama antara kaum. Pasukan Bomba Sukarela ini dianggotai oleh pelbagai kaum dalam masyarakat setempat. Ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu platform bagi memperkukuhkan kerjasama perpaduan antara kaum di situ. Maka itu soal seperti insurans

ataupun elaun yang telah pun diperkatakan – sudah 20 tahun pasukan ini ditubuhkan daripada tahun 1987, sudah sampai masanya ia jangan dikaji lagi. Soal kaji ini tidak tahu bila hendak habis ataupun penghujungnya. Jadi, teruskanlah sahaja.

Saya cadangkan supaya elaun, insurans – memanglah ada kasut melawan api dan baju kalis api sekarang ini diberi. Jadi, lengkapkanlah Pasukan Bomba Sukarela ini supaya ia dapat benar-benar menarik masyarakat setempat untuk menyertai pasukan yang sangat besar keperluannya kepada sesetengah semasa soal kebakaran yang berlaku di tempat-tempat yang kadang-kadang bomba lambat datang kerana dua, tiga puluh kilometer jauhnya. Bukan bomba tidak datang tetapi kadang-kadang lambat. Jadi, kalau ada pasukan sukarela seperti ini adalah satu tenaga yang akan dapat menyelamatkan semasa berlaku kebakaran. Terima kasih, di atas jawapan Yang Berhormat Menteri.

■1010

**Dato' Seri Ong Ka Chuan:** Terima kasih atas soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat Sri Gading. Memang ini adalah satu perkara yang sedang diambil berat oleh kementerian saya ini kerana kita menghadapi masalah pendaftaran dan sebagainya. Buat masa sekarang, kita ada 317 pasukan sukarela bomba dan anggotanya sudah mencapai 12,746 orang tetapi bukan semuanya aktif.

Di antaranya 86 pasukan itu diiktiraf sebagai tidak aktif. Maka kita menghadapi satu masalah di mana kita perlu mendaftar mereka supaya mereka yang aktif sahaja akan diterima perlindungan insurans, elaun dan sebagainya. Begitu juga kita perlu melihat dari segi akta. Ada sedikit perlu penjelasan daripada pihak Peguam Negara. Sekiranya ini dapat dijelaskan, maka kita boleh melaksanakan supaya insurans dan elaun boleh diberi kepada anggota pasukan sukarela bomba itu. Sekian.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Yang Berhormat Sri Gading yang mengemukakan soalan tadi. Saya rasa ini cukup penting kerana kita dapati bomba sukarela ini yang pertama sekali sampai ke tempat kebakaranlah. Macam di tempat saya, sudah tiga atau empat kali berlaku. Bomba sukarelalah yang membantu memadamkan kebakaran. Ini kerana jikalau mengharap kepada bomba biasa, memang kenderaan mereka besar dan juga sukar untuk sampai kerana jauh. Jadi kalau kebakaran sudah habis, barulah bomba yang digaji biasa sampai.

Soalannya, saya hendak bertanya tentang kadet bomba di sekolah ini. Apakah hasrat daripada pihak kementerian supaya mereka-mereka yang telah mendapat latihan dan bimbingan daripada bomba ini, apabila mereka telah tamat ataupun habis pengajian, akan secara automatik diserapkan ke dalam sukarela ataupun bomba biasa dengan insentif-insentif yang diberikan oleh kementerian ini. Misalnya, kerajaan memberikan iaitu tolong membeli polisi untuk insurans kepada mereka ini supaya mereka lebih berhasrat menyertai pasukan bomba. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Chuan:** Terima kasih di atas soalan itu. Sebenarnya tujuan mengadakan kadet bomba di peringkat sekolah dan maktab juga adalah kita hendak kembangkan satu kerjaya di dalam bidang kebombaannya. Di mana sekiranya mereka berminat, apabila tamat pengajian mereka dapat menceburi diri di dalam bidang jawatan tetap dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Ini memang adalah satu galakan. Sekiranya mereka menyertai dalam pasukan kadet di sekolah, kita akan memberi keutamaan kepada mereka untuk diterima ataupun mungkin kita akan memberi biasiswa dan sebagainya. Ini adalah kerana sekarang ini, pasukan bomba kita sudah berkembang kepada aspek forensik. Jika kita perlukan kepakaran dan sebagainya, maka kita juga akan memberi keutamaan kepada mereka yang pernah menyertai kadet bomba ini. Begitu juga sekiranya mereka hendak masuk dalam pasukan bomba sukarela pada masa akan datang, kita juga akan kenal pasti orang ini pernah menyertai dalam pasukan kadet. Maka kita akan *track* perkembangannya, kemudian kita galakkan mereka menyertai pasukan bomba sukarela di tempat yang berhampiran dengan tempat duduk mereka. Itu sememangnya tujuan kita.

**2. Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang meminda Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan dengan memperuntukkan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, termasuk untuk menukar agamanya (kecuali bagi penganut agama Islam yang hendak tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam).

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**  
Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya panjang sedikit hendak bercakap. Sabar ya.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada mana-mana orang untuk menganuti dan mengamalkan agama masing-masing tertakluk kepada fasal 4 yang melarang orang bukan Islam daripada mengembangkan agama bukan Islam kepada orang Islam.

Perkara 11(4), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan Persekutuan boleh digubal untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama yang bukan Islam di kalangan orang-orang yang menganuti agama Islam. Pada masa kini sepuluh buah negeri di Malaysia mempunyai enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam yang dibuat di bawah Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Negeri-negeri tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Terengganu – Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980;
- (ii) Kelantan – Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1981;

- (iii) Selangor – Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988;
- (iv) Perak – Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam 1988;
- (v) Melaka – Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam 1988;
- (vi) Kedah – Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988;
- (vii) Pahang – Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam 1989;
- (viii) Negeri Sembilan – Enakmen Kawalan dan Sekatan (Pengembangan Agama-agama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam) 1991;
- (ix) Johor – Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam 1991; dan
- (x) Perlis - Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Iktikad dan Kepercayaan Agama Yang Bertentangan Dengan Agama Islam (Sunnah wal-Jamaah) 2002.

Tuan Yang di-Pertua, hak kebebasan beragama yang diperuntukkan dalam Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan tidaklah boleh ditafsirkan dengan sebegitu meluas sehingga meliputi hak kebebasan seseorang Islam untuk memilih dan menukar agama pada bila-bila masa dan sesuka hatinya. Bagi orang Islam yang berhasrat untuk keluar daripada agama Islam, orang itu perlulah mendapatkan perintah atau pengisytiharan terlebih dahulu daripada Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa seperti mana yang diperuntukkan di bawah enakmen pentadbiran agama Islam di negeri-negeri.

Mengenai permohonan keluar daripada agama Islam, keputusan Mahkamah Persekutuan Malaysia iaitu mahkamah tertinggi negara dalam kes Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan seorang lagi tahun 2007 3CLJ 55 hendaklah dijadikan sebagai rujukan utama dan mengikut semua pihak yang berkenaan.

Dalam kes ini, pemohon iaitu Azlina Jailani ataupun Lina Joy memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk memadam perkataan Islam dalam kad pengenalnya. Permohonan beliau ditolak kerana dimaklumkan bahawa permohonannya itu tidak sempurna tanpa suatu perintah daripada Mahkamah Syariah yang mengisytiharkan bahawa beliau telah keluar daripada agama Islam. Pemohon kemudiannya membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk beberapa deklarasinya terhadap Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Islam. Deklarasi yang dipohon oleh beliau adalah berasaskan pencabulan hak asasnya untuk kebebasan beragama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam penghakiman majoriti, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dalam kes ini telah memutuskan dalam alasan penghakimannya bahawa Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan tidak wajar dihujahkan sebagai peruntukan yang memberi hak kebebasan untuk menukar agama yang tidak terbatas. Justeru permohonan pemohon telah ditolak kerana gagal mengemukakan perintah atau pengisytiharan daripada Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa.

Dalam kes yang sama Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara memutuskan bahawa Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan tidaklah boleh ditafsirkan sebegitu luas sehingga ia membatalkan semua undang-undang yang menghendaki seseorang Islam itu mengerjakan suatu kewajipan agama Islam atau melarang mereka melakukan suatu perkara yang dilarang agama Islam atau yang menetapkan acara bagi melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Ini kerana kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berlainan daripada kedudukan agama-agama lain.

#### ■ 1020

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dan juga penghakimannya memutuskan bahawa seseorang tidak boleh sesuka hatinya keluar dan masuk agama apabila ia menganuti sesuatu agama, akal budi sendiri memerlukan ia mematuhi amalan-amalan dan undang-undang dalam agama itu. Kes Lina Joy ini jelas menunjukkan bahawa seseorang Islam tidak boleh keluar daripada agama Islam sesuka hatinya. Sekiranya kebebasan sedemikian diberikan, sudah pasti akan huru-haralah keadaan umat Islam dan akan menjejaskan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan di bawah Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan beragama di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki mana-mana pemohon mematuhi amalan-amalan atau undang-undang agama Islam, khususnya mengenai apa-apa permohonan untuk keluar daripada agama Islam di mana pemohon tersebut perlulah mendapat perintah atau pengisytiharan daripada Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa terlebih dahulu. Apabila ketentuan agama Islam dipatuhi oleh pemohon dan Mahkamah Syariah memberikan perintah yang sewajarnya mengenai kemurtadan pemohon, barulah pemohon tersebut diiktiraf secara rasmi keluar daripada Islam.

Tindakan yang diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara apabila mengenakan syarat supaya pemohon mengemukakan sijil pengisytiharan atau perintah daripada Mahkamah Syariah yang memperakukan bahawa beliau telah murtad sebelum perkataan Islam dalam kad pengenalan pemohon dipadamkan adalah wajar dan mengikut peruntukan undang-undang.

Tindakan Jabatan Pendaftaran Negara tidak boleh dikatakan bertentangan dengan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana Perkara 11(1) dengan sendirinya memperuntukkan keperluan mematuhi kehendak agama itu sebelum pemohon boleh keluar daripada agama Islam. Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dalam keputusannya juga berpendapat bahawa menganuti dan mengamalkan agama Islam bererti mengamalkan bukan sahaja aspek geologi dalam agama itu tetapi juga undang-undang agama Islam tersebut.

Maka sebagai kesimpulannya, kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan setelah mengambil kira keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes Lina Joy.

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tuan Speaker, daripada ulasan berkaitan dengan kes Azlina Jelani atau Lina Joy itu jelas menunjukkan bahawa Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan yang agak terang berkaitan dengan kedudukan artikel 11 tetapi masih ada lagi di sana suara-suara sumbang sesetengah pihak yang mempertikaikan keputusan tersebut dan menggunakan keputusan minoriti dalam kes itu untuk meneruskan perjuangan mereka.

Jadi, tidakkah kerajaan merasakan bahawa perlunya artikel 11 dipinda, sesuai dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, pertama iaitu soalnya, tidakkah kerajaan bercadang meminda artikel 11 bersesuaian dengan tafsiran yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Lina Joy.

Kedua, kita juga melihat dalam kes Lina Joy, satu pelanggaran dalam artikel 11(4) iaitu pengeluaran sijil *baptism* terhadap Azlina Jelani untuk mengesahkan status dia sebagai seorang Kristian oleh sebuah gereja iaitu Church of Our Lady of Fatima di Brickfields, Kuala Lumpur dan mereka berbuat perkara ini yang jelas bertentangan dengan artikel 11(4) kerana di Wilayah Persekutuan tidak ada peruntukan sebagaimana yang sepuluh negeri itu ada. Jadi kesempatan diambil untuk memurtadkan orang Melayu di Kuala Lumpur kerana tidak adanya akta tersebut.

Bilakah kerajaan bercadang untuk menggubal dan melaksanakan Akta Pengawasan Iktikad dan Kepercayaan Lain ini terhadap orang Islam di Wilayah Persekutuan kerana jawapan yang diberi kepada saya, draf undang-undang tersebut untuk Wilayah Persekutuan berada di peringkat akhir sedangkan Enakmen Pengawasan Iktikad (Terengganu) 1980 mengguna pakai draf Kuala Lumpur. Bermakna sudah 20 tahun lebih. Jadi kenapa draf yang digunakan oleh Terengganu berdasarkan draf Kuala Lumpur tidak boleh dilaksanakan di Kuala Lumpur sehingga ke hari ini. Jadi itu soalan yang saya kemukakan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita tahu iaitu bahawa keputusan Lina Joy itu sebenarnya ialah mengakuri kehendak artikel 11. Jadi tidak perlulah artikel 11 dipinda untuk ikut keputusan Lina Joy. Jadi sebab itu pada saya tidak perlu kepada pindaan kerana artikel 11 itulah hakim sampai kepada keputusan seperti yang diputuskan dalam mahkamah Lina Joy. Bagi kerajaan, ia cukup terang dan diterangkan lagi dengan kes Lina Joy ini.

Keduanya, berkenaan dengan sama ada mengapa perkara artikel 11 ini tidak dijadikan sebagai undang-undang bagi Wilayah Persekutuan, saya rasa dalam hal ini sememangnya tidak ada halangan untuk kita membawa perkara ini kerana kalau ia merupakan satu perkara yang diterima pakai di 10 daripada beberapa buah negeri di negara Malaysia, saya tidak nampak apa-



apa halangan untuk kita mengadakan rang undang-undang ini di Wilayah Persekutuan dan ianya insya-Allah apabila disediakan akan kita bentang di Dewan Rakyat ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kes Azlina Jelani atau Lina Joy ini telah hampir-hampir mengelirukan rakyat Islam seluruh negara walaupun di kampung-kampung dan tersebar luar melalui SMS. Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan terhadap Lina Joy ini sebab menukar agama dia dan sekali gus telah memporak-perandakan keadaan umat Islam di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menahan seseorang untuk menukar agamanya cuma dalam Islam di negara Malaysia sesiapa yang mahu berbuat demikian perlulah mengikut peraturan-peraturan yang telah disediakan oleh kerajaan kita, undang-undang yang ada 50 tahun lebih dan juga dalam hal ini Islam ada peraturannya tersendiri yang telah pun wujud lebih daripada 1,400 tahun dalam hal-hal keagamaan termasuklah murtad. Jadi, takkanlah kerana satu orang yang melakukan perkara murtad ini pada tahun 2007 ke 2008, maka dia mesti dikecualikan daripada peraturan yang sudah wujud 1,400 tahun.

Sebab itu tidak berbangkit soal untuk kita hendak menahan tetapi sebelumnya pengisytiharan murtad itu dilakukan, maka seseorang itu perlulah melalui proses-proses yang tertentu yang telah ditentukan oleh agama Islam dan juga undang-undang di negara kita.

**3. Tuan Ahmad Maslan [Pontian]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah untuk meramaikan usahawan kecil dan sederhana dalam industri asas tani terutama di kawasan luar bandar serta insentif dan latihan perniagaan yang diberi berserta jumlah usahawan dan peruntukan yang telah dan akan disalurkan.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Pontian. Pada tahun 2004, nama Kementerian Pertanian telah ditukar kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini adalah bertujuan untuk memberi lebih fokus kepada industri asas tani dan juga dalam usaha kerajaan untuk membangunkan lagi ekonomi luar bandar. Ia juga bertepatan hasrat kerajaan untuk menambah aktiviti nilai tambah hasil pertanian termasuklah pertanian perikanan dan juga ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan penekanan baru ini maka untuk tempoh 2005 hingga 2008, kira-kira RM96 juta telah diperuntukkan untuk memajukan industri asas tani di seluruh negara. Ini telah berjaya membantu lebih 11,000 orang usahawan dalam bidang IAT. Manakala untuk tahun ini dan tahun depan, 2009-2010, sebanyak RM160 juta lagi diperuntukkan untuk sektor ini.

Di antara bantuan yang diberikan kepada pengusaha asas tani adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan struktur dan peralatan untuk menaik taraf ruang kerja sedia ada termasuk membina mini kilang;

- (ii) penyelidikan dan pembangunan produk yang sebahagian besarnya dilaksanakan oleh MARDI;
- (iii) memberikan khidmat nasihat, perundingan dan galakan diberikan oleh MARDI, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan dan lain-lain; dan seterusnya
- (iv) mempromosi dan memasarkan produk yang sebahagian besarnya oleh FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bantuan dalam bentuk kewangan, latihan juga diberikan.

■1030

Tahun ini Jabatan Pertanian menjangkakan akan melatih kira-kira 2,000 peserta untuk kursus jangka pendek dan 100 orang peserta kursus jangka panjang selama enam bulan di Pusat Bimbingan Usahawan di bawah Kementerian Pertanian. Manakala MARDI pula dijangka melatih kira-kira 200 orang itu dalam bidang latihan Tuan Yang di-Pertua. Selain itu, khidmat sokongan teknikal juga diberikan termasuklah untuk menaik taraf dan membina bengkel baru pada tahap GMP ataupun *Good Manufacturing Practice*, bantuan peralatan mesin dan lain-lain untuk memajukan usahawan asas tani di luar bandar. Pihak bank termasuklah Agro Bank dan SME Bank serta beberapa agensi kerajaan termasuk MARA dan lain-lain juga menyediakan bantuan kepada pengusaha industri asas tani.

Tuan Yang di-Pertua secara umumnya ada tiga jenis kategori bantuan:-

- (i) bantuan peralatan bernilai RM10 ribu bagi mereka yang baru hendak mulakan perusahaan. Ini telah memberi faedah kepada 8,000 usahawan;
- (ii) bantuan peningkatan premis dan juga pinjaman peralatan bantuan ini nilainya RM50 ribu hingga RM100 ribu dan ia telah memberi faedah kepada 3,000 orang; dan
- (iii) Di daerah Pontian kawasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua beberapa usahawan telah pun dibantu termasuklah usahawan asas tani dalam bidang pembuatan sos, kerepek pisang, kerepek ubi dan lain-lain.

Terima kasih.

**Tuan Ahmad Maslan [Pontian]:** Adakah kementerian bercadang untuk membina pusat pengumpulan dan pemasaran produk industri asas tani di peringkat daerah ataupun Parlimen? Adakah kerajaan menggalakkan penubuhan persatuan industri asas tani sebagai payung kepada pengusaha IKS dan persatuan itu juga boleh mengendalikan pusat pengumpulan tadi. Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua setakat ini ada perancangan untuk membina cuma dua pusat pengumpulan produk industri asas tani. Satu dalam pembinaan di Pagoh melibatkan kos RM1 juta dijangka siap pada bulan Ogos tahun ini. Tujuan penubuhan ini

ialah untuk mengumpul barang-barang keluaran asas tani supaya ia dapat dipasarkan dengan lebih terselaras lagi supaya bantuan yang lebih bersepadu dapat diberikan kepada semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Tani. Berkaitan soalan kedua sama ada pusat-pusat ini boleh diuruskan oleh persatuan-persatuan yang terlibat dalam industri asas tani kita tidak ada halangan untuk melibatkan mereka yang berkenaan.

Pada masa ini ada sebuah persatuan yang bernama KUAT (Kumpulan Usahawan Asas Tani) yang sudah pun beroperasi ataupun sudah pun memulakan kegiatan seluruh negara. Kementerian bersedia untuk berbincang dengan kumpulan-kumpulan ini bagi mengendalikan pusat-pusat yang dijangka ditubuhkan yang pertama di Pagoh insya-Allah lagi dalam tempoh enam bulan akan siap dibina di Pagoh. Pertimbangan untuk kawasan-kawasan lain akan kita buat dalam tempoh terdekat dalam terdekat termasuk Rancangan Malaysia Kesepuluh khususnya di kawasan-kawasan di mana IT dilihat berkembang dengan pesat. Mungkin termasuk di Pontian di mana IT merupakan salah satu daripada kegiatan utama penduduk desa di Pontian.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk mempamerkan peluang-peluang yang boleh diambil oleh petani-petani dalam bidang perniagaan kecil pertanian seperti tanaman serai, ternakan lintah, cacing dan sebagainya yang menjadi *demand* yang cukup tinggi? Cuma maklumat yang disebarkan kepada petani-petani tidak sampai. Adakah kerajaan bercadang untuk maklumat-maklumat seperti ini dimasukkan ke dalam akhbar-akhbar yang dimiliki oleh kerajaan seperti Utusan kah *New Strait Times* kah hari-hari dan mengurangkan sedikit cerita-cerita hiburan yang sensasi tetapi dibanyakkan cerita-cerita pertanian? Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih atas sokongan Sungai Petani kepada usaha-usaha kementerian untuk mempromosikan pertanian supaya berita-berita yang boleh mengisi perut ini lebih diberi perhatian daripada berita-berita yang boleh menimbulkan fitnah dan pelbagai masalah dalam masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, ada dua pendekatan yang boleh digunakan yang pertamanya kerajaan yang keduanya swasta. Kerajaan sedar bahawa ada kumpulan-kumpulan tertentu serta syarikat-syarikat yang telah mengadakan seminar pameran di seluruh negara untuk mempromosikan program-program membangunkan industri serai, lintah dan lain-lain. Kita menggalakkan usaha-usaha ini dan ini telah banyak membantu dalam menyebarkan maklumat.

Kedua kerajaan, kerajaan sebagai fasilitator jadi kerajaan melalui Jabatan Pertanian khususnya dan MARDI bila bercakap tentang serai dan lintah juga menyatakan program-program tetapi saya mengakui bahawa mungkin belum terserlah perlu ditingkatkan lagi pusat-pusat pameran dan program dan seminar. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sektor swasta dan kita tidak boleh mengharap pada kerajaan semata-mata. Perlu sokongan daripada swasta dan kita memantau program ini dan kita akan membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk mempromosikan keluaran pertanian supaya dapat diusahakan oleh masyarakat desa

khususnya dalam keadaan negara menghadapi masalah ekonomi pada masa ini dan pada masa-masa serta di bulan-bulan akan datang. Terima kasih.

**4. Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah keseluruhan perbelanjaan dan peruntukan untuk mengadakan Pilihan Raya Umum 2008 dan Pilihan Raya Kecil (P044) Permatang Pauh dan (P036) Kuala Terengganu yang lalu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**  
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perbelanjaan perjalanan pilihan raya:-

No.	Jenis Pilihan Raya	Peruntukan
1.	Pilihan Raya Umum Ke-12	RM123.7 juta
2.	Pilihan Raya Kecil (P044) Permatang Pauh	RM409,000
3.	Pilihan Raya Kuala Terengganu	RM580,000.00

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita tahu Seksyen 23 dan 27 Akta Kesalahan Pilihan Raya mensyaratkan kepada calon dan parti yang bertanding mesti mengemukakan laporan penyata perbelanjaan untuk sesuatu pilihan raya. Saya merujuk kepada satu laporan juga yang dikeluarkan oleh *National Institute for Electoral Integrity* yang menyatakan perbelanjaan di kedua-dua kawasan tadi P044 dan P036 jauh melebihi angka yang diberi tadi dan juga sekatan yang mengatakan mesti tidak melebihi RM200 ribu untuk satu kawasan pilihan raya.

Rakan-rakan saya di bahagian dan cawangan di Kuala Terengganu yang datangnya daripada rakan-rakan UMNO memberitahu pembahagian wang RM300 seorang seramai 2,011 orang telah pun dikeluarkan RM250 untuk golongan muda seramai 1,265 orang, pengundi Cina sempena perayaan Tahun Baru Cina seramai 720 orang dengan kadar RM300 seorang. Di samping itu, kepada pengamal media di pusat media Barisan Nasional pada 16 Januari 2009 yang lalu berjumlah RM300 kepada 32 orang. Jumlah ini semua ternyata melebihi kepada RM200 ribu yang disyaratkan.

Soalan saya adakah SPR dan SPRM bertekad untuk melaksana atau menguatkuasakan akta ataupun Seksyen 27 seperti mana yang kita amalkan sebelum pada ini memandangkan kita ada dua pilihan raya kecil yang baka kita adakan iaitu di Bukit Selambau dan Bukit Gantang. Kalau sekiranya perkara ini dianggap kurang penting adakah cadangan pihak kerajaan untuk membatalkan terus sekatan ini dan biarlah semua parti yang bertanding tidak ada sekatan dan boleh berbelanja sebanyak yang mereka mampu. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya soalan Yang Berhormat daripada Indera Mahkota ini tanya kepada saya selaku Menteri jaga

Suruhanjaya Pilihan Raya apa perbelanjaan yang dikeluarkan, yang itu yang saya jawab. Yang hak individu dok belanja itu, itu kita tidak boleh hendak kawal. Jadi saya setuju itu bahawa sememangnya di bawah akta ini calon itu tidak dibenarkan untuk belanja lebih daripada RM200 ribu. Akan tetapi kalau calon punya kawan-kawan hendak belanja kita tidak boleh ambil kira itu sebagai perbelanjaan yang dibuat oleh calon.

■ 1040

Jadi, sebab itu memang tidak boleh dinafikan, sebenarnya apabila ada pilihan raya kecil daripada segi yang dibelanjakan oleh SPR itu memang seperti mana yang saya sebut. Akan tetapi, kalau hendak dikirakan wang yang turun, yang dibelanjakan, kalau hendak kira bayar hotel pun sudah berpuluh ribu.

Jadi, kawalan yang kita buat ialah kepada perbelanjaan yang dibuat oleh calon. Itu yang dikehendaki oleh akta tetapi kalau member-member ketat dok belanja duit semua itu kita tidak boleh halanglah. Saya tidak fikir bahawa dalam pilihan raya kecil kita beritahu kepada semua sama ada yang datang ke kawasan pilihan raya atau pun yang duduk di situ beritahu kepada mereka semua kedai kena tutup, hotel kena tutup, jangan belanja, takut mungkin lebih daripada RM200,000. Saya ingat tidak praktikal Yang Berhormat. Cuma yang kita audit, yang kita kawal ialah perbelanjaan yang dibuat oleh calon sahaja.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, sekarang ini ada satu tendensi untuk kita mengosongkan kerusi-kerusi yang diwakili, meletak jawatan, pelbagai kes dan sebagainya. Jadi, untuk menjimatkan wang kerajaan, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk membuat satu peraturan baru bahawa tidak perlu lagi ada pilihan raya kecil ini supaya wang kerajaan dapat diijamatkan kerana adanya tendensi orang hendak meletak jawatan terutamanya pembangkang yang banyak masalah. Kemudian tidak boleh terima pula kerajaan yang ada, hendak buat pilihan raya kecil, hendak bubarkan Dewan Undangan Negeri dan sebagainya kerana ini membazirkan wang. Apakah ini...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Batu, tengok cerminlah, tengok cermin.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...Supaya pilihan raya kecil ini atau pun membubarkan Parlimen ini tidak perlu wujud. Terima kasih

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bubarkan DUN Perak. [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang cuma ada ialah pada *on the completion of the third year*, iaitu apabila sampai tahun ketiga, sekiranya berlaku apa-apa kematian atau pun *bankruptcy* seseorang wakil rakyat, maka, selepas tahun ketiga itu sudah penuh barulah tidak diadakan pilihan raya kecil kerana tiga tahun, selalunya pilihan raya empat tahun, lima tahun. Ini akan membazirkan wang rakyat tetapi bagi kerusi yang dikosongkan bukan kerana kematian atau pun bukan kerana *bankruptcy*, kita

membuat satu halangan daripada perkara ini berlaku sewenang-wenangnya dengan mensyaratkan bahawa siapa melepaskan jawatan yang dipilih sama ada Ahli Dewan Negeri, atau pun Dewan Rakyat, maka dia tidak dibenarkan bertanding untuk lima tahun.

Jadi, ini yang akan menjadi halangan kepada sesiapa yang mahu sewenang-wenangnya untuk meletakkan jawatan. Jadi, dalam hal apa yang berlaku pada hari ini, saya haraplah supaya kalau boleh tidak usahlah ada pilihan raya kecil melainkan kerana kematian. Akan tetapi, kalau sudah tidak dapat hendak elak itu hendak buat macam mana. Akan tetapi, kalau ada cadangan-cadangan yang baik, bermakna kita boleh tentukan bahawa perkara sewenang-wenangnya meletakkan jawatan setelah dipilih oleh rakyat disabitkan oleh kerana perkara-perkara dalaman kah apakah, kita harus fikirkan bagaimana untuk mengatasi perkara ini. Akan tetapi saya nasihatlah kepada kawan-kawan di sana cuba selesaikan masalah, pujuklah balik.

**5. Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan memandangkan negara ini masih belum mencapai matlamat '*the last mile*' yang disasarkan dalam pelaksanaan Dasar Jalur Lebar (Broad Band). Apakah sebabnya dan berapa jumlah syarikat yang diberi lesen untuk jalur lebar sehingga akhir 2008.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Padang Besar atas pertanyaan yang dikemukakan.

Kerajaan sentiasa memantau supaya matlamat akses *last mile* yang telah ditetapkan dalam Pelan Jalur Lebar Nasional bagi meningkatkan penembusan jalur lebar di negara ini tercapai. Selaras dengan itu, Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelan Pelaksanaan Jalur Lebar Nasional telah menetapkan sasaran iaitu untuk mencapai kadar penembusan jalur lebar mengikut isi rumah sebanyak 50% pada akhir tahun 2010.

Sehingga Disember 2008, kadar penembusan jalur lebar isi rumah negara ialah 21.1% iaitu melebihi sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 20% bagi tahun 2008. Akses kepada perkhidmatan jalur lebar ini boleh diperoleh daripada teknologi berwayar seperti *fiber optic*, talian tembaga, dan talian elektrik dan teknologi tanpa wayar seperti *Third Generation* atau 3G, *High Speed Downlink Packet Access* (HSDPA) dan *Worldwide Interoperability for Microwave Access* atau (*WiMAX*).

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 2008, terdapat 52 pemegang lesen yang menawarkan perkhidmatan jalur lebar dengan menggunakan pelbagai teknologi. Bagi teknologi berwayar, syarikat utama yang memberikan perkhidmatan ini ialah Telekom Malaysia Berhad atau TM dan Jaring. Bagi teknologi tanpa wayar pula antara syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan jalur lebar ialah Celcom, Maxis, Digi, U-Mobile, Redtone-CNX, WiMAX, *Packet One* dan Asiaspace, terima kasih.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Jemput Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Padang Besar.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** [*Ketawa*] Minta maaf. Tadi soalan saya sebenarnya, saya hendak tahu berapakah jumlah syarikat yang dikeluarkan lesen dan berapakah yang beroperasi. Yang Berhormat menjawab tadi 52 yang dikeluarkan lesen tetapi jumlah yang sebenar yang beroperasi itu tidak diberi jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sebenarnya ialah berlandaskan kepada pelebaran jalur lebar. Jalur lebar memerlukan infrastruktur. Infrastruktur ini kalau dibandingkan dengan infrastruktur jalan raya. Yang menggunakan jalan raya seperti labuh raya adalah lori-lori yang besar dan pengangkutan yang besar-besar. Itu lebih labuh raya yang besar yang kalau dalam jalur lebar memerlukan teknologi berasaskan kepada *copper wire* atau pun *fiber optic*.

Akan tetapi, kepada jalan-jalan kampung, jalan-jalan luar bandar di mana rakyat juga memerlukan perkhidmatan tetapi hari ini jalur lebar tidak sampai malah di luar-luar bandar hanya pergi kepada *cyber cafe* atau di tempat-tempat tertentu, tempat-tempat seperti Starbucks dan sebagainya. Jadi, kalau kita mahu melebarkan atau dikatakan *last mile, last mile* maknanya di mana sahaja kita berada, di situ kita boleh *connect* kepada komputer kita sama ada *laptop* atau pun apa yang lain.

Jadi, yang saya dimaklumkan, kerajaan membelanjakan berbelas bilion ringgit, bukan sahaja Telekom bahkan syarikat-syarikat yang lain dan banyak di antaranya tidak digunakan. Akan tetapi, akses kepada jalur lebar ini hanya 21% walaupun kerajaan berbangga, tetapi masyarakat kita amat memerlukan perkhidmatan sekarang. Akan tetapi kalau di luar bandar, di tempat lain, dalam bandar pun telefon bimbit pun, kita pegang telefon daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya, tujuh tempat tidak ada *connection*, putus sepanjang jalan.

Jadi, kita sebenarnya adalah *backward*. Jadi, hendak bertanya, kita belanja berbilion ringgit untuk akses labuh raya yang besar-besar untuk kereta besar-besar, ialah untuk data-data yang berat, data-data daripada *engineering, banking* dan sebagainya tetapi untuk *student*, untuk pelajar-pelajar sekolah-sekolah, akses kepada jalur lebar adalah amat berkurangan dalam bandar dan di luar bandar termasuk di universiti-universiti.

Jadi bermakna, saya ingin bertanya kerajaan membelanja berbelas bilion ringgit, adakah kerajaan juga memikirkan memberi dana untuk *the smaller players* menggunakan *wireless*. Sekarang *smaller players* tidak dapat *banking support* daripada bank kerana *banking* memerlukan melihat benda yang besar, yang kecil mereka tidak lihat. Jadi, saya hendak bertanya, adakah kerajaan juga melihat seperti jalan-jalan kampung, kita buat jalan-jalan kampung, begitu juga kepada jalur lebar ini supaya kita cepat sampaikan prasarana ini kepada rakyat keseluruhannya. Adakah dana ini akan difikirkan oleh kerajaan? Terima kasih.

## ■ 1050

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Besar. Yang Berhormat, bagi perangkaan iaitu berkenaan dengan syarikat yang telah menyediakan perkhidmatan jalur lebar mengikut yang sudah ada pelanggan adalah 14 saja daripada 52 dan yang lain sedang menjalankan perkhidmatan tetapi belum ada pelanggan lagi. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu jalur lebar adalah seperti *highway* dan *highway* ini sebenarnya Yang Berhormat bukan hanya ditumpukan untuk kegunaan kereta-kereta berat saja tetapi ia merangkumi juga kegunaan kenderaan yang tidak sebegitu berat. Begitu juga jalur lebar. Ia adalah diperuntukkan bukan hanya untuk syarikat-syarikat besar dan syarikat-syarikat mewah saja tetapi juga diperuntukkan untuk rakyat jelata.

Berkenaan dengan pelaburan yang berbilion ringgit Yang Berhormat sebutkan tadi, kita hanya di peringkat permulaan. Belum lagi dilaburkan. Berkenaan dengan tabung. Tabung Perkhidmatan Sejangat atau *USP Fund* yang ada dan pada pertengahan tahun lepas, kita telah mengubah peraturan berkenaan dengan penggunaan *fund* dari tabung tersebut yang dahulunya kewangan dari tabung tersebut hanya boleh digunakan untuk menyediakan perkhidmatan telefoni. Akan tetapi peraturannya telah diubah dan pada masa sekarang kewangan dari *USP Fund* ataupun Tabung Perkhidmatan Sejangat boleh digunakan untuk menyediakan jalur lebar ataupun *last mile access* dan ini sedang dijalankan oleh SKAMM melalui Program T3. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Yang Berhormat Padang Besar membuat soalan yang baik juga. Baik juga ini. Panjang, memang panjang. Orangnya panjang. Macam itulah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat sebutkan kita sudah mencapai matlamat dan sebagainya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa misalnya di Korea Selatan sekarang mereka mempunyai jalur lebar yang begitu luas sehingga sekarang hendak bayar apa sahaja boleh menggunakan telefon bimbit dan sebagainya dengan mudah. Mungkin satu hari kelak sebahagiannya boleh menggantikan wang kertas mungkin.

Akan tetapi di Malaysia ini, kalau kita bandingkan dengan Korea Selatan, Singapura dan sebagainya, apakah tahap kita di dalam penggunaan pelbagai jenis jalur lebar ini. Bolehkan Yang Berhormat memastikan kemajuan dari segi IT ini?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong yang sentiasa dengan suara yang lantang menyuarakan perbandingan di antara pencapaian kita dengan pencapaian negara-negara lain. Memang diakui kementerian memang tahu bahawa sekiranya kita dibandingkan dengan negara-negara seperti Korea Selatan, Jepun, Singapura dan Hong Kong, memang jauh ke belakang. Namun demikian, kita dengan cara kita sendiri cuba mencapai tahap yang boleh



kita banggakan. Yang saya katakan tadi bahawa kita sekarang telah mencapai 21.1% penebusan. Ini hanya boleh dibanggakan sekiranya dibandingkan dengan tahap yang kita unjurkan. Akan tetapi sekiranya dibandingkan dengan negara-negara yang lebih maju dalam penggunaan jalur lebar, memang kita merasakan kita ini masih rendah lagi.

Apa yang mengekang perkembangan jalur lebar di negara kita Yang Berhormat bukan hanya dari segi penyediaan infrastruktur saja tetapi juga berkenaan dengan perisian atau *the content* yang kita di negara ini belum ada sebegitu tinggi tahap pencapaian kita. Oleh yang demikian, kementerian ini dan SKAMM dan pemain-pemain dalam arena perindustrian telekomunikasi sedang mencari jalan bagaimana kita boleh menambahkan perkembangan dalam penubuhan *content development* di negara kita. Terima kasih.

**6. Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah jaminan kerajaan bahawa agensi dan institusi milik kerajaan yang berkepentingan sosial tidak dijual kepada pihak swasta seperti Institut Jantung Negara (IJN) pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:**

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi prinsip kerajaan untuk menjaga kesejahteraan dan kepentingan rakyat. Dalam konteks IJN, kerajaan mengambil kira pandangan ramai dan juga implikasi ke atas kesejahteraan rakyat dalam membuat keputusan dan pendekatannya akan digunakan pada masa akan datang ke atas semua institusi yang dimiliki oleh kerajaan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan yang ringkas dan mungkin ini bakal Menteri Kewangan selepas bulan tiga ini. Akan tetapi tadi disebut bahawa kerajaan mengambil kira dalam proses membuat keputusan itu iaitu pandangan-pandangan orang ramai. Akan tetapi dalam kes IJN ini, saya lihat bahawa kerajaan telah membuat keputusan. Proses membuat keputusan itu terlebih dahulu tanpa mengambil kira pandangan orang ramai. Lalu akhirnya kita lihat bahawa dalam kes IJN ini berlaku bantahan-bantahan daripada berbagai-bagai pihak terhadap keputusan kerajaan untuk menyerahkan kepada Sime Darby dan akhirnya yang menarik balik dan membatalkan hasrat itu ialah Sime Darby dan bukannya kerajaan.

Jadi sebab itu saya lihat tidak ada satu jaminan yang konkrit untuk kerajaan memastikan institusi-institusi yang saya maksudkan yang berkepentingan sosial ini tidak terlepas kepada pihak-pihak yang lain. Contoh sekarang ini Tuan Yang di-Pertua bahawa hospital-hospital kerajaan juga telah mewujudkan sayap swastanya seperti mana di Hospital Universiti Malaya dan juga di UKM. Ini sudah tentu lama-kelamaan dibimbangkan bahawa fokus doktor-doktor pakar ini yang sepatutnya boleh memberikan khidmat yang lebih baik kepada rakyat untuk mendapatkan akses kesihatan yang baik akhirnya akan tertumpu kepada sayap-sayap swasta. Jadi ini juga dibimbangkan.

Jadi apa salahnya kalau macam Sime Darby ini dia sendiri yang mewujudkan satu institusi yang lain tanpa mengganggu dan tanpa mengambil alih IJN seperti mana yang dicadangkan. Saya percaya Yang Berhormat Sri Gading pun bersetuju.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, semasa isu tersebut disebarikan melalui media, kerajaan belum membuat keputusan. Keputusan hanya dibuat apabila kabinet meluluskannya. Di peringkat itu hanya merupakan satu cadangan daripada Sime Darby supaya 51% daripada saham yang dimiliki oleh MKD dijual kepada pihak berkenaan. Pada masa itu keputusan belum lagi dibuat.

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berdasarkan kepada jawapan tadi, saya berasakan masih lagi kerajaan ini dengan izin *in the state of limbo*. Tidak ada satu ketentuan dan kita keliru. Kepada prinsipnya, kita melihat kerajaan telah bersetuju.

■ 1100

Jadi Yang Berhormat sebut tadi kerajaan tidak bersetuju, jadi saya bimbang dengan sikap yang *flip-flop* begini akan menjejaskan masa depan banyak lagi syarikat-syarikat yang berkepentingan ini dan soalan tambahan saya, boleh Yang Berhormat beritahu pada Dewan ini, adakah ataupun telah terdapat agensi-agensi milik kerajaan yang telah pun terlepas kepada pemilik yang lain dan sekali gus membuktikan bahawa kerajaan telah lari daripada tanggungjawab sosial ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ini jelas Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai struktur. Kerajaan dalam membuat keputusan mesti melalui satu struktur. Pertama, mesti EPU memberi kelulusan dan kelulusan ini hanya boleh dibuat apabila kabinet memberi keputusan. Kabinet belum lagi bermesyuarat untuk membuat keputusan ke atas IJN, jadi, itu dua perkara yang berbeza.

Apa yang dilaporkan dalam akhbar dengan keputusan yang dibuat dalam kerajaan itu dua perkara yang berbeza, itu sebabnya dalam *Hansard*, saya ada baca Tuan Yang di-Pertua, seksyen 23(1)(i) yang menyatakan bahawa satu pernyataan itu tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidaknya, penerangan-penerangan dalam surat khabar, maknanya apa yang dilaporkan dalam surat khabar, tidak boleh dijadikan *evidence* untuk perbincangan di dalam Dewan ini, dan jawapan yang saya beri adalah jawapan yang benar berlaku dalam kerajaan pada masa perbincangan tersebut belum lagi ada keputusan dibuat oleh Kabinet.

Mengenai syarikat-syarikat Yang Berhormat nyatakan, buat masa ini saya tidak mempunyai sebarang maklumat.

7. **Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasionalnya pelaksanaan konsep *private financing initiatives* (PFI) apabila sokongan dan sumbangan kewangan Kerajaan masih diperlukan bagi menjayakan projek swasta seperti pembinaan lapangan terbang baru di Labu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Jerlun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pendekatan inisiatif pembiayaan swasta PFI, kini dikenali sebagai *private public partnership* (PPP) adalah berasaskan kepada prinsip asas iaitu suatu kemudahan awam dibina, diselenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak-pihak swasta tanpa sumbangan kewangan oleh kerajaan.

Sebagai balasan, kerajaan akan membayar *charge unitary*, untuk suatu tempoh konsesi dan penalti akan dikenakan kepada pihak syarikat sekiranya tahap perkhidmatan tidak menepati petunjuk prestasi utama KPI yang ditetapkan. Sebelum ini kerajaan telah menerima cadangan pembinaan kereta api laju Kuala Lumpur – Singapura secara PFI / PPP. Namun demikian, cadangan tersebut tidak diteruskan kerana ia melibatkan sumbangan kewangan oleh kerajaan.

Melalui pelaksanaan PPP, sesuatu kemudahan awam dan infrastruktur dapat disediakan melalui pembiayaan swasta dan seterusnya dapat mengurangkan beban kewangan kepada kerajaan. Konsep PFI / PPP antara lain memberi penekanan kepada dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *value for money* yang dapat dicapai menerusi agihan risiko antara kerajaan dan swasta secara optimum.

Pendapatan *whole life* dengan izin, dan *whole service* dalam penyampaian perkhidmatan serta inovasi dan kecekapan pengurusan sektor swasta bagi menyediakan perkhidmatan selaras dengan KPI. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan projek pembinaan lapangan terbang baru di Labu yang dibangkitkan adalah merupakan satu cadangan projek pelaburan swasta dan kini, Timbalan Perdana Menteri telah pun mengumumkan projek itu mungkin tidak akan dijalankan. Terima kasih.

**Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya harap yang dimaksudkan sebagai PPP itu bukan parti politik ya. Kita sedia maklum bahawa pelaksanaan projek-projek di bawah kaedah PPP seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, mewujudkan satu fleksibiliti seperti yang dijawab tadi, agihan risiko bagi kerajaan di mana operasi-operasi sensitif dilaksanakan oleh kerajaan. Manakala aset-aset serta kos penyelenggaraan mungkin diuruskan oleh sektor swasta .

Apakah dasar kerajaan terhadap tahap fleksibiliti tersebut dan adakah ia aniaya, boleh menjejaskan kepentingan rakyat?

**Tuan S.K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jerlun. Sebelum saya menjawab dengan tepatnya soalan Yang Berhormat Jerlun, saya ingin mengatakan bahawa ada empat jenis projek yang kita buat di bawah naungan kerajaan, selain daripada kerajaan sendiri

membayai kos, projek-projek tertentu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertama adalah penswastaaan. Penswastaaan ini di mana orang awam membayar, kepada contohnya syarikat yang kita bagi pembinaan lebuhraya di mana konsesi diberi untuk rakyat membayar untuk kos itu diagihkan secara satu jangka masa yang panjang.

Kedua adalah *deferred payment* iaitu bayaran tertangguh, di mana bina dengan wang sendiri, lepas itu jual kepada kerajaan secara bayaran ansuran dan nombor tiga, adalah bina, pajak, selenggara, pindah dengan izin, *built, list, maintain, transfer*, beza di antara yang tadi dengan ini hanya pelaksanaan penyelenggaraannya dimasukkan dalam komponen ini dan akhir sekali kita ada PPP.

PPP adalah satu model, mungkin baru diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana kita mengambil konsep ini dari negara-negara 120 buah negara di seluruh dunia dan ini sangat popular di negara Australia, UK, EU dan juga Singapura, di mana kita nak tanggung risiko bersama pihak swasta. Kalau dulu mereka bina dan beri kepada kita, penyelenggaraannya masalah, kualiti binaan bermasalah.

Sekarang PPP adalah satu model di mana kita mengambil kos keseluruhan, *whole life cost*, di mana kita hendak masukkan kos pembinaan, penyelenggaraan, penggantian, pembaikpulihan, pembiayaan, iaitu bunga, *interest rate*, masuk dalam itu dan sektor-sektor yang beri kita kepentingan adalah kesihatan, pendidikan, pengangkutan, pentadbiran dan pertahanan, *long term*.

Ini kerana kita nak melihatnya sebagai pengurusan fizikal jangka panjang, *long term physical policy*, supaya kita tahan kepada impak krisis ekonomi dan ianya berbentuk mikro, berbentuk mikro dan bayarannya 20 tahun, *so risk* itu dengan izin *is shared between the government and the private sector*. Masalah mungkin sekarang adalah bank kita, institusi kewangan kita masih ragu-ragu, nak membiayai projek-projek seperti ini kerana mengambil masa. Akan tetapi ada negara yang ada konsesi ini, yang ada buat PPP yang sekarang boleh *mortgage their agreement* dan jual dia punya *agreement*, sudah ada begitu.

Maka ini adalah lebih selamat untuk negara Malaysia, lebih selamat kerana risikonya dua-dua, bukan berat sebelah, itulah konsep ini. Akan tetapi sekiranya ada cadangan setakat untuk makluman Yang Berhormat projek pembangunan 11 kampus UiTM dan pembangunan MITI Kuala Lumpur, sudah dipersetujui di peringkat Kabinet dan sedang dikaji di EPU dan kita sedia mengkaji balik sebarang projek yang dirasakan akan mempunyai impak jangka panjang, tapi ini tak ada sama dengan *stimulus package*. *Stimulus package* adalah cadangan daripada Majlis Ekonomi untuk menahan impak ekonomi sekarang, itu berbeza dengan ini. So, pakej satu dan pakej dua adalah untuk kaedah serta-merta untuk kerajaan, untuk membantu krisis ekonomi.

Ini adalah projek untuk jangka masa panjang, holistic. *Development for a long period of time* dengan izin, *thank you*.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya mohon untuk Yang Berhormat berikan apakah contoh-contoh *success stories*. Projek-projek dalam sektor pengangkutan dan kesihatan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang dijayakan melalui inisiatif PFI ini, mohon jawapan yang ringkas, tepat dan padat, tak payah panjang berjela, terima kasih.

**Tuan S.K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tadi kerana nada keperluan yang diselitkan di celah-celah ayatnya. Maka saya ingin mengatakan di sini bahawa PPP ini adalah satu kaedah baru dan sekiranya Yang Berhormat ingin tahu apakah projek-projek, saya dah katakan tadi, projek yang dikatakan satu, projek pembangunan 11 kampus UiTM yang dalam proses untuk memutuskan perundingan terakhir dan juga bangunan MITI. Akan tetapi ada juga projek-projek lain yang baru yang sedang dibincang di UIAM di Nilai dan bangunan SPR di Putrajaya. Terima kasih.

■1110

**8. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan pekerjaan hari ini di Malaysia semakin kompetitif, manakala bilangan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian semakin meningkat. Apakah usaha kerajaan agar graduan ini dapat berdikari atau menjadikan dunia global sebagai pentas mereka mencari pekerjaan.

**Timbalan Menteri Pengajian [Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian menyedari pekerjaan pada masa ini semakin kompetitif terutama dalam suasana ekonomi yang tidak menentu dan juga berlaku pertambahan bilangan graduan setiap tahun. Justeru, kementerian telah mengambil langkah bagi melahirkan graduan berkualiti yang dapat memenuhi kehendak pasaran dalam dan luar negara. Antara langkah yang telah dilaksanakan secara berterusan termasuk:

- (i) memastikan modul pembangunan kemahiran insaniah atau *soft skills* dan modul asas pembudayaan keusahawanan diajar di IPTA bagi semua program akademik;
- (ii) menjalankan program penempatan dalam industri bagi tempoh dua hingga enam bulan;
- (iii) membantu siswazah yang telah tamat pengajian untuk mengikuti program latihan kursus dengan kerjasama *government-linked company* dan pihak industri;
- (iv) menawarkan kursus-kursus baru yang bersifat futuristik dan relevan;
- (v) menerapkan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar atau berasaskan masalah;
- (vi) KPT turut memantapkan kajian pengesanan graduan bagi memperkukuhkan lagi perancangan dan pembangunan modal insan di peringkat *tertiary* secara lebih berkesan.

Usaha-usaha lain juga diadakan agar graduan menceburkan diri dalam perniagaan dan menjadi usahawan yang berjaya agar graduan tidak hanya bergantung kerja dengan kerajaan dan swasta. Antara langkah yang diambil ke atas usaha ini termasuk:

- (i) Program SME University Internship iaitu kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dengan SMIDEC yang bertujuan menerapkan nilai keusahawanan di kalangan pelajar universiti; dan
- (ii) kerjasama di antara KPT dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam pembangunan usahawan dan koperasi di kalangan pelajar dan kakitangan institut pengajian tinggi.

**Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, memang apa yang telah diperkatakan ini bagus; tetapi satu masalah yang kita hadapi bagaimana kita mewujudkan sumber manusia daripada universiti-universiti supaya mereka dapat memainkan satu peranan yang besar. Ini boleh jadi tanda tanya. Masalah yang terbesar iaitu bahawa *graduate* yang keluar daripada universiti tidak ada buat secara menyeluruh iaitu *internship* dalam industri-industri. Ini memang pengamatan sayalah bahawa hubungan antara universiti-universiti industri ini cukup lemah di Malaysia.

So, jangan kita dengar ada latihan ini, latihan itu tetapi itu cuma cukup lemah, mungkin daripada pengamatan sayalah. Inilah saya ingat kerajaan memfokuskan supaya di mana kita keluarkan *graduate*, memang sebelum mereka keluar mereka ada pengalaman di industri-industri. Barulah mereka boleh jadi relevan kepada perkembangan industri di mana tenaga mereka boleh digunakan secara menyeluruh di Malaysia. Tolong jelaskan.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya KPT memang mengambil perhatian tentang perkara ini dan memang semua universiti telah dinasihatkan supaya kerja seperti ini dapat dilaksanakan dengan lebih cekap. Kami telah dapat tahu bahawa universiti ini memang telah bekerjasama untuk mengusahakan perkara ini. Sekian.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh saya dapat tahu walaupun perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di Parlimen bahawa pengeluaran graduan-graduan dari universiti nampaknya ada *mismatch* di mana mereka mengambil kursus-kursus yang tidak boleh diguna pakai dalam pasaran. Apakah kesedaran yang telah dibuat oleh kementerian supaya perkara ini dapat dielak dan kita mengeluarkan graduan-graduan yang betul-betul perlu dalam ekonomi negara ini; dan kita semua tahu kebanyakan dari jawapan-jawapan dari Menteri-menteri yang ada graduan-graduan yang tidak fasih menggunakan bahasa Inggeris.

Macam mana mereka boleh dapat pekerjaan dan adakah kerajaan sedar bahawa saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen telah diambil kira dan tindakan telah diambil supaya mengimplementasikan perkara ini?

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang semua nasihat ataupun pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat diambil kira. Pada umumnya pengangguran di kalangan graduan adalah disebabkan oleh dua perkara utama. Pertama ianya disebabkan faktor ketidaksepadanan atau *mismatch* seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat di antara bekalan dan permintaan dalam pasaran pekerjaan bagi sesuatu bidang pengajian.

Keduanya, ianya berpunca dari masalah yang secara langsung berkait rapat dengan kebolehpasaran seseorang individu. Faktor kebolehpasaran ini boleh dilihat dari dua aspek iaitu *hard skills* dan *soft skills*. Aspek *hard skills* menekankan kepada keterampilan teknikal yang sentiasa berubah dengan cepat selaras dengan perubahan teknologi. Aspek *soft skills* pula melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan sikap *interpersonal skills*; kemahiran bahasa, kepekaan kepada perubahan persekitaran serta budaya kerja sesuatu organisasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memandang serius tentang masalah pengangguran di kalangan graduan dan IPTA memang selalu diminta untuk mengubah kursus yang ditawarkan mengikut perkembangan semasa.

**9. Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan berkuasa untuk menetapkan piawai perakaunan yang digunakan oleh syarikat di negara ini dan jelaskan sama ada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah diberikan pengecualian dari melaporkan akaun mereka dari menggunakan piawai antarabangsa terutamanya mengenai nilai aset. Berikan sebabnya, jika ada.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, semua syarikat termasuk GLC yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 adalah diwajibkan untuk menyediakan laporan tahunan berasaskan kepada standard yang ditetapkan oleh *Malaysian Reporting Accounting Standard*. Bagi syarikat-syarikat konvensional, *financial reporting standard* yang mesti digunakan adalah FRS 101 ini Yang Berhormat maklum kerana ia menggunakan sistem '*accrua*'. Manakala bagi institusi kewangan Islam FRSI-1 2004 kerana ia menggunakan sistem *cash flow*.

Ada pengecualian yang diberikan oleh *Malaysian Reporting Accounting Standard* berkenaan dengan instrumen kewangan. Di mana di bawah internasional standard mesti dilaporkan setiap tahun membuat *appraisal* manakala di peringkat negara kita antara tiga hingga lima tahun tetapi dari segi praktisnya hampir semua syarikat melakukan *appraisal* pada setiap tahun.

Kerajaan telah memutuskan bahawa semua syarikat akan melaksanakan sistem seperti mana antarabangsa dari segi instrumen kewangan ini pada tahun 2010 dan pengecualian lain yang telah ditetapkan oleh kerajaan akan dipenuhi pada tahun 2012. Bermakna pada tahun 2012 kita akan menggunakan sistem antarabangsa sepenuhnya.

**Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab saya bertanyakan soalan ini sebenarnya adalah kerana sebagai seorang akauntan, saya sepatutnya boleh mendapat maklumat ini daripada membaca akaun syarikat GLC seperti Khazanah Malaysia.

Akan tetapi Khazanah Malaysia tidak telus dalam melaporkan akaun mereka kepada rakyat seperti apa yang dibuat oleh Temasek Holdings di Singapura. Baru-baru ini Temasek Holdings telah melaporkan susut nilai yang besar dalam portfolio pelaburan mereka sebanyak SGD60 bilion dan CEO nya telah menyatakan hasrat beliau untuk bersara.

Jadi soalan tambahan saya, mengapakah kerajaan tidak mengarahkan syarikat GLC seperti Khazanah Malaysia untuk telus dan melaporkan akaun mereka seperti Temasek Holdings, supaya rakyat akan dapat menilai prestasi pengurusanannya dalam melaburkan wang negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, dari konsep telus sama ada telus rakyat mendapat akses kepada penyata kewangan ataupun telus dari segi *reporting systems*. Kalau dari segi *reporting system*, Khazanah telah menggunakan sistem melaporkan pada setiap tahun berdasarkan kepada kedudukan aset mereka.

■1120

Umpamanya pada 31 Disember 2008, daripada segi aset pelaburan Mei 2008 adalah sebanyak RM88.2 bilion, 31 Disember 2008 sebanyak RM70.4 bilion. Maknanya kemerosotan sebanyak RM18 bilion. Ini ada dibangkitkan oleh seorang Yang Berhormat mengatakan ini merupakan kerugian. Ini bukan kerugian, ia *book value* yang telah dinilai semula dan jadi RM70.4 bilion hanya apabila dijual barulah dia menjadi *realizable profit or loss*. Maknanya pada peringkat ini, ia hanya merupakan satu *reporting* yang telah dinilai semula berdasarkan RM70.4 bilion. Jadi sistem itu adalah telus.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membuat soalan susulan dari Yang Berhormat Pulaui kerana saya rasa apa yang dicadangkan oleh beliau adalah tepat sekali dan ini bukanlah mengenai soalan politik, tetapi kerana saya rasa baik daripada kerajaan mahupun daripada pihak pembangkang, bila kita nak lihat bahawa kerajaan memang mengamalkan sistem akauntabiliti dan ketelusan. Oleh sebab itu saya rasa sistem perakaunan yang diguna pakai, saya rasa ada banyak kekurangannya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pulaui tadi.

Mengapa ia tidak memberikan maklumat yang lebih terperinci, hanya satu angka tetapi daripada segi *detailnya* tidak ada langsung dan tentang apa yang disebutkan oleh Khazanah, sungguhpun dinyatakan ini hanya *book value, paper losses* tetapi kalau kita cakap tentang NRV (*net realizable value*), memang ia merupakan satu kesusutan. Dalam aspek ini bolehkah saya tanya Tuan Yang di-Pertua, adakah satu penjelasan dan akauntabiliti diberikan untuk menunjukkan macam mana kesusutan boleh berlaku dan pada masa yang sama, apakah



tindakan yang diambil untuk membetulkan keadaan ini kerana sungguhpun dalam tempoh enam bulan tidak begitu teruk seperti Temasek Holdings tetapi kemerosotan RM11 bilion, ini adalah sesuatu yang amat menakutkan.

Oleh sebab itu saya rasa bolehkah kita ada satu panel, panel yang mengandungi bukan sahaja daripada pihak kerajaan tetapi pakar-pakar BEBAS dan kalau boleh salah seorang daripada pihak pembangkang supaya kita dapat menilai semua pelaburan. Jangan kita seperti yang berlaku untuk EPF Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkas Yang Berhormat ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, ya. Sekejap saja. Jangan macam EPF, bila kita gunakan dana EPF RM5 bilion untuk menyelamatkan syarikat-syarikat di Bursa Malaysia, gunakan wang rakyat, wang pekerja untuk menyelamatkan satu dua buah syarikat di Bursa Malaysia. Saya rasa memang tidak patut dan memang satu rompakkan ke atas pekerja-pekerja di Malaysia. So sebab itu saya harap satu panel yang bebas untuk memastikan ia betul-betul telus dan bukan telus di bibir saja.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya tak faham apa Yang Berhormat nyatakan. Saya tunjuk Yang Berhormat, *Khazanah Fifth Annual Review 2009*, 19 Januari 2009. Ini dibentangkan kepada media dan ada semua sini. Jadi, perinciannya ada. Kita tahu bursa saham sekarang mengalami kejatuhan, kita kena faham itu dan kita tidak boleh kata kita sebagai *super human* dalam kejatuhan bursa saham, tiba-tiba Khazanah pula naik.

Yang Berhormat jangan ketawa Yang Berhormat, itulah realitinya. Jadi realitinya, kita jangan jual pada masa harga turun, kita jual pada masa harga naik baru kita dapat keuntungan. Ini *paper* dia belum *realizable value* lagi Yang Berhormat. Terima kasih.

1. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah rebat petrol yang telah dibayar kepada pemilik-pemilik kenderaan yang berjaya memperbaharui cukai jalan setakat 31 Januari 2009 yang diuruskan oleh Pos Malaysia Berhad dan berapakah kes penipuan yang dapat dikesan.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Pendang yang diadukan pada 4 Mac 2009. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 14 Jun 2008 hingga 31 Januari 2009, pembayaran rebat berjumlah RM3.6 bilion telah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Selagi saya kata baik, okey Yang Berhormat. Kalau saya kata baik baru Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Okey, okey. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 14 Jun 2008 hingga 31 Januari 2009, sebanyak RM3.6 bilion telah digunakan untuk membayar rebat dan komisen untuk Pos Malaysia dianggarkan sebanyak RM2.8 juta. Kes penipuan melibatkan RM0.0025% iaitu lebih kurang 300 orang daripada sejumlah 8 juta *transaction* keseluruhannya yang telah dilakukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada pertimbangan kerajaan, sehingga bilakah rebat petrol ini akan dibayar kepada pemilik-pemilik kenderaan dan berapakah jumlah yang kerajaan dapat berjimat daripada kos sebenarnya jumlah subsidi asal yang patut dibayar kepada pemilik-pemilik kenderaan dan adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan subsidi petrol bagi menstabilizekan harga runcit minyak, kerana ianya langkah lebih baik berbanding dengan rebat ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat terbabit. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, sistem ini akan dilaksanakan sehingga 31 Mac seperti mana yang dijanjikan oleh kerajaan. Penjimatan dianggarkan lebih kurang RM1 bilion daripada RM5.2 bilion yang telah diluluskan dalam belanjawan tambahan. Daripada segi rebat ini oleh kerana harga minyak telah turun, kita belum membuat satu dasar, belum lagi tapi saya jangka kita tidak akan teruskan rebat tersebut.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rebat ini sebenarnya juga adalah subsidi terutama kepada golongan yang berkereta kecil dan motosikal kecil sebabnya sekarang, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, berapa ramai rakyat Malaysia yang berterima kasih ini di atas subsidi yang saya katakan rebat tadi. Sekiranya mereka tidak berterima kasih, adakah mereka faham bahawa rebat ini adalah subsidi ataupun mereka sengaja tak faham? Kalau mereka tak faham, mengapa? Adakah juga Yang Berhormat Pokok Sena juga berterima kasih di atas subsidi rebat ini? Sekian, terima kasih. [*Dewan riuh*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, kalau saya bagi *figure* mengikut pos, yang akan terima rebat 10.75 juta orang. Jadi kalau cakap pasal terima kasih ini *tangible*, saya tak dapat nak jawab sebab ia *tangible*. Terima kasih. [*Ketawa*]

**11. Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian membuat perancangan dan membina Pusat Latihan Sukan bagi Orang Kurang Upaya di negara ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mempunyai perancangan untuk membina sebuah pusat kecemerlangan sukan orang kurang upaya atau OKU bertempat di Kampung Pandan, Kuala Lumpur dengan anggaran kos sebanyak RM39 juta.

Pembinaan pusat sukan tersebut dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2009. Terima kasih.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dah ditanya cakap jawab “yes”, semua dah dijawabkah Yang Berhormat? Ada soalan lagi ini?

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ha, sila Yang Berhormat. Ringkas saja Yang Berhormat ya, masa kita pun dah singkat.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian juga tentang OKU ini, ahli sukan OKU ini. Kita ada menyediakan hadiah kepada para juara Olimpik kita sampai RM1 juta. Jadi saya nak bertanya kepada kementerian, adakah hadiah yang sama juga ditawarkan kepada para-para atlet daripada OKU ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, ringkas. Sila Yang Berhormat, jawapan ringkas juga Yang Berhormat.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada juga inisiatif yang dicadangkan oleh kerajaan di mana untuk mereka, atlet-atlet kita yang mendapat emas di sukan Olimpik. Bagi yang mendapat emas akan dapat RM300,000, perak - RM200,000 dan gangsa - RM100,000. Sekian.

#### ■1130

**12. Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan sebab syarikat Airport Limo Malaysia menyewakan teksi KLIA dengan harga yang mahal sebanyak RM166 setiap hari. Manakala sewa teksi bandar hanya RM60 setiap hari untuk kenderaan yang sama. Apakah tindakan yang akan diambil supaya nasib pemandu teksi KLIA dapat dipelihara.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini waktu kecederaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa syarikat Airport Limo Malaysia menyewakan teksi KLIA pada kadar RM166 setiap hari adalah tidak tepat. Ini adalah kerana sewa harian yang ditawarkan oleh Airport Limo Malaysia kepada jurupandu-jurupandu kategori perkhidmatan bajet pada masa ini adalah sebanyak RM100 sehari dengan diberikan pengecualian pembayaran sewa harian sebanyak dua hari setiap bulan.

Perbezaan lebih sewa harian sebanyak RM40 dengan teksi bandar adalah kerana Airport Limo Malaysia perlu menyediakan kos-kos lain untuk membolehkan perkhidmatan teksi di KLIA beroperasi secara sistematik supaya pelanggan-pelanggan dapat diuruskan dengan cepat dan efisien. Saya tak fikir saya ada masa untuk memperincikan kenapa ada perbezaan RM40 itu tetapi termasuklah dari segi pembayaran kaunter, kakitangan yang perlu ditanggung oleh Airport

Limo dan sebagainya tetapi ia bukan hanya dinaikkan ditambah sewa harian sahaja tetapi Airport Limo Malaysia juga mengambil beberapa inisiatif untuk memastikan yang pemandu-pemandu ataupun nasib pemandu-pemandu limousin di KLIA itu terpelihara misalnya dengan kemudahan insurans, sumbangan pendidikan, sumbangan kebajikan dan sebagainya. Terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Kedua Belas”. **[19 Februari 2009]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Lanang. Nampaknya tak ada. Yang Berhormat daripada Sri Gading.

**11.32 pg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini Yang Berhormat daripada Sri Gading dia menyambung Yang Berhormat Lanang empat minit pada sesi lepas. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong waktu merasmikan sidang Dewan kita pada 16 hari bulan yang lalu. Mudah-mudahan titah ucapan tersebut akan menjadi panduan kepada kita semua di Dewan ini dan juga kepada rakyat seluruhnya. Mudah-mudahan negara kita akan terus dilimpahkan rahmat oleh Allah SWT. Kita rasa amat berbahagia dan bersyukur ke hadrat Allah dalam suasana dunia yang tidak menentu ini kita masih dapat hidup dalam keadaan aman damai dan makmur.

Nikmat yang tidak dipunyai oleh semua rakyat di negara-negara yang lain wajib kita bersyukur ke hadrat Allah dan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku marilah kita hayati dengan sesungguhnya hati agar apa yang saya utarakan tadi rakyat dan negara akan terus aman, damai dan makmur.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ada negara rakyatnya hari ini sedang berkeliaran menyelamatkan diri dari serangan-serangan bom, dari pembunuhan, dari serangan penyakit, dari serangan kelaparan dan berbagai-bagai. Alhamdulillah kita di negara ini termasuk Yang Berhormat Ketua Pembangkang dengan *tie* yang berjela, berjalan dengan penuh santun begitu damai. Ini nikmat sebenarnya yang memang kita rasai.

Jadi marilah kita pelihara nikmat ini tidak kiralah sama ada kerajaan ataupun pembangkang. Kalau kita kerajaan kita menjalankan tugas kita. Kalau pembangkang pun menjalankan tugas pembangkang seperti Yang Berhormat Tumpat. Dia seorang Ahli Parlimen yang saya hormati. Soal parti lain itu soal lainlah tetapi sebagai kawan saya tetap menghormati beliau.

Saya terperanjat Tuan Yang di-Pertua kerana Yang Berhormat Bukit Gelugor dihantar orang peluru. Saya bimbang ini semasa kawasan-kawasan yang bermula dengan bukit kena pilihan raya kecil. Jadi saya kutuk sebenarnya perbuatan ini. Tak usahlah, politik kita biarlah politik macam ini. Jangan tiru macam politik di India, di Pakistan, di mana lagi? Di Amerika, di Lubnan, tak usahlah. Malaysia politik ala Malaysia.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya sebut India sana, bukan India sini. Jadi Yang Berhormat Padang Serai tak payahlah. Baru ucapan ini. Tak ada apa-apa cuma saya kata begitu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta laluan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hendak laluan kah? Tak ada apa-apa sebenarnya Yang Berhormat Padang Serai hendak bangkit ini. Tak ada apa-apa lagi. Masih dalam...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Pasal Yang Berhormat Bukit Gelugor ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan, saya kata kita mengutuklah kalau ada cara-cara macam itu. Soal kata dia menderhaka itu soal lain tapi pendekatan politik kita dalam negara ini mesti ada adab.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tak ada. Ini bukan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak mahu mengalah dalam pencelahan, janganlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya sebenarnya pun hendak bercakap sedikit sahaja kerana yang pertama saya terpanggil apabila Seri Paduka Baginda

datang bertitah kita membalas dengan menjunjung kasih. Jadi saya mahu direkodkan sebagai Ahli Parlimen yang menjunjung kasih. Maknanya berbudi bahasa sangatlah orang Sri Gading ini. Maknanya hormat kepada Raja. Itu sudah menjadi amalan kepada orang-orang Sri Gading. Orang-orang Sri Gading begitulah. Jadi dicerminkan walaupun hari ini memang ramai puak tertentu mengadakan cermin mengejek. Rakyat ini jadi keliru kerana terpandang cermin-cermin mengejek tapi di Sri Gading mudah-mudahan tidak ada cermin mengejek ini. Jadi apabila dengan Raja kita hormat, kita kasih dan sayang kerana Raja itu payung kepada negara ini yang kita terima dalam Perlembagaan kita.

Yang kedua, saya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tidak menyusahkan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun saya rasa lebih suka agaknya Ahli Parlimen bercakap singkat-singkat, pendek-pendek. Mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua akan terus cerialah sepanjang hari ini kalau kita semua Ahli Parlimen bercakap dengan cara yang Tuan Yang di-Pertua suka.

Yang kedua hendak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya dengar khabar dan kalau ikut proses biasa dia kata hendak meninggalkan kerusi Perdana Menteri. Jadi saya terpanggil Tuan Yang di-Pertua hendak mengucapkan, hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas jasanya. Semua Perdana Menteri di negara ini semua berjasa besar. Berjasa kepada negara dan rakyat yang tidak boleh kita nilai besarnya. Waktu zaman Almarhum Tunku jasanya begini, Almarhum Tun Razak jasanya begini, Almarhum Tun Hussein Onn jasanya begini, Tun Dr. Mahathir jasanya begini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini pun juga berjasa. Banyak jasa.

■ 1140

Jadi saya juga nak merakamkan terima kasih di atas sumbangsiah dia kepada rakyat dan negara keseluruhannya dan juga kepada Parlimen Sri Gading. Yang Berhormat Permatang Pauh ini juga berjasa sewaktu dia menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dia bagi peruntukan untuk masjid di kawasan saya sebanyak RM2.2 juta, antara masjid yang tercantik di Johor di Sri Gading. Itu jasa Yang Berhormat Permatang Pauh waktu itu, waktu itu, dulu lainlah. Saya cuma nak kenang budi orang, waktu itu, waktu sekarang kalau dia dah berbeza, itu soal dialah.

Ini saya hendak ceritakan jasa dia, buat masjid ini, masya-Allah, buat masjid tempat orang sujud sembahyang. Macam mana kita tak kenang budi orang ya, jadi kita kenanglah budi. RM2.2 juta, mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh pun dah lupa, benda banyak bagi masjid. Cuma masa saya minta tu, dia beritahu saya - ini kenanganlah. "*Mat, kau minta RM2.2 juta*", saya kata kerana nak buat kubah. Dia kata mana ada masjid di Malaysia ini yang ada kubah tak bocor, itu ayat dia. Rupanya betul, ada kubah bocor rupanya.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Batu Pahat, ini soal kubah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya, penjelasanlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma nak penjelasan tentang kenang budi ini. Kenang budi ini, sekarang ini kalau setakat sebut kenang budi saja tidak cukup. Setakat kita kata terima kasih pada jasa. Sekarang ini orang kata, *'hutang budi dibalas budi'* juga ini, maksudnya kena bagi sokonganlah. Jangan sebut dikenang budi, ia juga nak sokongan juga, dah diberi budi, sokonglah. Jadi masalah sekarang ini tidak disokong, macam mana ni?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya setuju, budi dikenang budi. Ada juga budi yang dibalas *body*. [Ketawa] Mungkin saya.. Yang Berhormat Batu Pahat.

**Beberapa Ahli:** Perkataan kesat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, kesat ke saya kalau kata budi dibalas *body*, itu boleh? Kalau tak boleh saya tarik balik. Mudah sahaja Sri Gading ini Tuan Yang di-Pertua, boleh, okey, kalau tak boleh, tarik balik. Setujulah Yang Berhormat Batu Pahat, jadi kalau mengenang budi mesti diberi sokongan. Kalau dalam konteks Yang Berhormat Sri Gading memang dah diberi sokongan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sokong PKR lah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan, itu saya menceritakan zaman silam, bukan nak menyokong PKR. PKR, parti yang tidak patut disokong saya rasa, itu pandangan saya, pandangan peribadi dan tidak ada orang boleh marah, kebebasan kita.

Cuma apabila esok ni, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hari ini, dia akan jadi Ahli Parlimen biasa. Kedudukan dia dalam Dewan ini di mana? Di mana? Tak tahu saya, di mana kedudukan dia? Takkanlah nak duduk sebelah Yang Berhormat Kinabatangan, tak patutlah kan. [Ketawa] Agaknya boleh tak kita ikut sedikit macam negara jiran kita, bagi dia kedudukan menteri kanan, yang tak berportfolio ya.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Siapa sokong? Itu tidak tahu, saya tidak tahu. Sebenarnya ini bukan kerja saya, cuma saya ini orang yang berbudi bahasa. Macam mana ya? Macam mana? Yang lepas-lepas, Perdana Menteri dia, dia tidak di tengah jalan. Maknanya dia tidak dalam pertengahan persidangan, pilihan raya berikutnya dia tidak menyandang, tidak bertanding. So macam bekas Perdana Menteri kita, Yang Berbahagia...

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Titiwangsa minta laluan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Titiwangsa pun nak tapi jangan sentuh rokok ya. Sentuh rokok ini saya tak berapa sangat. Okey.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Sri Gading, agak-agaknya kenapalah Perdana Menteri ini di tengah-tengah waktu tidak ada pertukaran di antara Presiden UMNO, terpaksa meletakkan jawatan. Agaknya siapa yang punya angkara? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak ada angkara sesiapa, jadi kita jangan syak wasangka kepada sesiapa. Tidak ada angkara sesiapa, ini takdir Allah SWT.. Jadi kita.. ini takdir Allah SWT, qada dan qadar.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Sikit-sikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Perempuan memang bagi sikit nak banyak.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Kata Yang Berhormat Sri Gading ini orang yang budiman, saya difahamkan berbudi bahasa. Kita ada peribahasa mengatakan '*tak akan pokok bergoyang kalau tidak ada angin*'. Macam mana boleh Yang Berhormat Sri Gading kata tidak ada angkara sesiapa? Jelas, seluruh rakyat negara pun tahu angkara siapa, macam mana Yang Berhormat Sri Gading tak mahu menerangkan sedikit. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak, begini, ia begini. Yang Berhormat Titiwangsa, kalau Yang Berhormat berfikiran seperti itu, terpulanglah, silalah, tidak ada siapa yang marah. Akan tetapi saya punya pendirian, saya masih berpegang qada dan qadar salah satu daripada Rukun Iman. Itu sahajalah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Gading kasi laluan, terpaksa bolehlah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Sri Gading bahawa sebenarnya inilah kehebatan sistem yang ada di dalam UMNO iaitu peralihan kuasa. Peralihan kuasa ini adalah merupakan satu daripada seni yang ada dalam kita melihat kepimpinan itu bertukar. Bukannya melalui satu proses yang mahu dilakukan oleh pihak lain iaitu menikam daripada belakang dan sebagainya. Ini satu kehebatan yang dilakukan untuk menjamin apa yang disebut sebagai keamanan, tidak berlakunya sebarang kekecohan dan sebagainya.

Bagi saya, ini sudah pun berlaku pada zaman Tunku Abdul Rahman pun, dia menyerahkan kepada Tun Abdul Razak melalui satu proses apabila MAGERAN diwujudkan, maka itulah peralihan kuasa. Jadi bukanlah satu perkara yang baru tetapi inilah satu proses yang hebat di dalam UMNO dalam kita menjaga kepentingan ramai. Apa pandangan Yang Berhormat Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, nak meringkaskan masa Tuan Yang di-Pertua, semua ucapan Yang Berhormat Batu Pahat sebahagian daripada ucapan saya, selesailah. Fasal ucapan dia atau celahan dia itu celahan yang baik, tahniah Yang Berhormat Batu Pahat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Sri Gading. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Masalah yang timbul Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Kepala Batas adalah Perdana Menteri untuk semua rakyat Malaysia. Bukankah Yang Berhormat Sri Gading telah menyentuh berkenaan kedudukan Yang



Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah tidak patut rakyat Malaysia diberitahu apakah halangan-halangan yang dialami oleh Yang Amat Berhormat untuk meneruskan tempohnya. Bukankah sebelum ini beliau telah menyatakan bahawa beliau masih berjaya memimpin Barisan Nasional untuk memenangi pilihan raya ke-12 yang lalu.

Jadi Yang Berhormat Sri Gading jangan berselindunglah, jujur. Ia sudah menjadi satu *open secret*. Mungkin Yang Berhormat Sri Gading ada maklumat dalaman, maklumkan kita semua, apakah halangan sebenar yang timbul dalam masa krisis ini? Bukankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut meneruskan pimpinannya? Jadi mohon penjelasan dari Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Batu Gajah, saya hormat Yang Berhormat Batu Gajah ini, semenjak dia dah berkahwin ini kan, saya dah lama dengan dia dari tahun 1999, dia seorang sahabat yang baik, lebih mantap dia punya hujah itu.

Malangnya Yang Berhormat Batu Gajah, saya tidak boleh menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini, saya tidak boleh hendak jawab kerana kita boleh membuat ramalan, persepsi, telahan dan sebagainya tetapi yang sebenarnya dia yang punya diri.

■1150

Jadi apabila proses katalah dia menyerahkan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Timbalannya hari ini. Itu proses yang telah diterima, macam Yang Berhormat Batu Pahat kata tadi jadi kita terima sahajalah, tiada apa masalah. Ini adalah kerana sidang ini merupakan sidang yang dia masih lagi Perdana Menteri saya nak melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kita kepada beliau itu sahaja. Jadi, saya tidak membuat andaian-andaian yang lain nanti kalau dipanjang-panjangkan takut Tuan Yang di-Pertua, takut kita membuat andaian-andaian yang salah. Jadi...

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Sri Gading boleh mencelah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jemputlah.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya tertarik apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Apabila mendengar sahaja Perdana Menteri yang kita kasihi hendak mengundurkan diri dengan ikhlas, dia mengatakan inilah Perdana Menteri untuk seluruh rakyat Malaysia, begitu juga mungkinlah Timbalan Perdana Menteri. Akan tetapi semasa sekarang berada sebagainya kalau kita lihat apa yang dikatakan oleh pembangkang, boleh dikatakan tiap-tiap hari nak mengerjakan Perdana Menteri, mengerjakan Timbalan Perdana Menteri, mengerjakan kerajaan yang ada sekarang. Jadi apa yang sebenarnya kedudukan? Yang Berhormat Sri Gading, saya hendak tanya apa pandangan perkara ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yalah dia dalam dewan ini, dia memang berlaku begitulah. Pembangkang ini waktu berdepan dia kutuklah, dia macam-

macam-macam tetapi bila orang itu tidak ada, dia menyokong pula kerana sebenarnya dalam hati kecil mereka memang Perdana Menteri ini berjasa. Semua Perdana Menteri berjasa, dalam hati mereka memang tergerak rasa kemanusiaan yang luhur bahawa Perdana Menteri mesti diberikan penghargaan tetapi maktumlah kerana dalam kedudukan membangkang, pembangkang dia harus dibangkang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh tak bolehlah Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua nampak senyum-senyum Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah ada sihat sikit nampak. Yang Berhormat Sri Gading rakan saya, selain daripada ketentuan Allah, qada dan qadar ada pepatah Melayu menyatakan "patah tumbuh hilang berganti, pemimpin datang dan pergi" yang pembangkang ini hari-hari tanya *concern* kenapa Perdana Menteri berhenti, apa pasal? Dia betul-betul suka kah Perdana Menteri tidak berhenti? Atau dia ada agenda lain? Sebab saya lihat pula di sebelah sana kalau dia punya pemimpin, wakil rakyat dia mahu berhenti dia kata jangan, biarpun itu orang sudah letak jawatan dia paksa juga jangan. Apa sudah jadi ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Memang betul, patah tumbuh hilang berganti. Tahniah! Yang Berhormat Kinabatangan membuat peribahasa yang memang tepat ialah untuk menjawabnya, memang pembangkang beginilah ada undang di sebalik [*Beberapa ahli menyampuk*] batu. Ini kerja pembangkanglah Yang Berhormat Kinabatangan, kalau tidak dia hendak mencari populariti, hendak mencari sokongan. Itu yang saya kata dia kena *double standard*, kalau begini kita kena lakonkan begini, kalau begini, kita kena berhujah begini, itu lakonan lah .

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya macam misalannya Yang Berhormat Pasir Mas, sahabat saya Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada... sekejap-sekejap. Yang Berhormat Pasir Mas punya pidato dan ucapannya memang diminati oleh semua tetapi bagi sesetengah pihak, Yang Berhormat Pasir Mas ini membuat ucapan-ucapan yang memang menyinggung. Hendak buat macam mana, persepsi manusia Tuan Yang di-Pertua, bagi kita cukup baik, kemudian nak marah, suruh dia letak jawatan. Yang Berhormat Pasir Mas cuma cerita dia sebut daripada filem yang diarahkan dan dilakonkan oleh P. Ramlee, cerita Musang Berjanggung. Musang Berjanggung ini maknanya menteri nikah kahwin bukan menteri *welfare*.

Sehubungan itu, Menteri nikah kahwin berserban, berjanggung rupanya usik bini orang juga, dia bercerita sedutan daripada filem Musang Berjanggung arahan daripada P. Ramlee, satu sindiran yang paling tajam sebab itu dia masuk dalam apa tu, dalam peti itu ya. Jadi Yang

Berhormat Pasir Mas cuma menceritakan adegan dalam sedutan filem Musang Berjanggut dah Yang Berhormat Pasir Mas nak kena...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Letak jawatan

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nak kena letak jawatan. *Double standard* macam ini, sebab itu kata rakyat harus agaknya menyemak secara terperinci, jelas supaya kita tidak termakan benda-benda yang boleh mengelirukan lah. Alhamdulillah lah rakyat Malaysia ini lebih matang, saya rasa dia boleh menilailah mana buruk mana baik.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Jelutong telah berdiri dan Yang Berhormat Titiwangsa telah berdiri..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Siapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah mengamati ucapan itu lebih kurang dalam sekitar 20 minit, cuma dia berkisar dalam soal kenapa Perdana Menteri meletak jawatan dan tidak serta sedemikiannya. Bolehkah saya minta Yang Berhormat untuk meneruskan ucapan itu kepada tajuk lain, kerana saya percaya banyak lagi perkara yang mustahak, yang hendak Yang Berhormat sentuh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun memang hendak noktah tadi itu tetapi oleh sebab kawan-kawan nak bertanya jadi ini saya bagilah peluang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya pun sebenarnya habis dah tadi, terima kasih dan penghargaan *full stop*. Akan tetapi nak masuk, kawan-kawan nak masuk kan macam ni, macam ni sebelah ini. Kalau saya tidak bagi macam mana tadi? Boleh jadi saya tidak dapat minum kopi *free* dia [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masalah saya ialah seperti begini, Yang Berhormat Jelutong berdiri. Saya terbaca dalam satu *blog* yang dimuat oleh Yang Berhormat Jelutong, dia kata "hampir setahun saya duduk sebagai Tuan Yang di-Pertua saya masih *struggling to control timing*" pasal hal seperti sebeginilah. Jadi secara kebetulan saya ingat ini oleh kerana Yang Berhormat Jelutong muatkan dalam *blog* dia, jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat *keep to the point* berbahas jangan lagi berbunga-bunga banyak. Saya rasa saya tidak ada masalah untuk *keep to the time*, Ahli-ahli Yang Berhormat bermasalah untuk *keep to the time*. Mahu beri laluan kepada Yang Berhormat Jelutong atau tidak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak, saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua, jaga masa, masa jangan disia-siakan kerana mensia-siakan masa satu pembaziran, pembaziran syaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan. Ya, teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya saya teruskan, jadi saya ambil *point* yang penghabisan Tuan Yang di-Pertua. Saya harap tidak ada gangguan

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Sri Gading minta laluan, sedikit sahaja sebab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak bagi laluan janganlah paksa

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okey, Jadi Yang Berhormat Jelutong minta maaf...

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara paksa memaksa inilah yang Tuan Yang di-Pertua tidak ada masa untuk mengawal, selepas itu Tuan Yang di-Pertua pula kena bantai lagi.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Ya, okeylah. Cuma nama saya, kawasan saya telah dipanggil, disebut..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong sila duduk Yang Berhormat Jelutong, sila duduk Yang Berhormat Jelutong. Sama kena sebut kawasan atau tidak sila duduk. Teruskan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang akhir Tuan Yang di-Pertua ialah soal rakyat, rakyat di kampung-kampung yang sedang menjurus kepada kesempitan hidup, rakyat yang menjurus kepada kesusahan, rakyat yang menjurus kepada keadaan yang tidak menentu kerana ekonomi dunia yang sama-sama kita faham. Saya nak minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Menteri dia tidak ada, Timbalan Menteri dia. Timbalan Menteri dia seorang yang peka tentang apa, bantuan memang banyak, bantuan memang banyak diberikan kepada petani, nelayan, peladang, banyak dan Yang Berhormat Menteri Pertanian ini salah seorang Menteri yang bekerja keras.

Saya ucap tahniah, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kerana usaha gigih dia yang tidak berhenti-henti turun padang, turun ke air, turun ke ladang, turun ke... macam-macam turun dah [*Ketawa*]. Cuma saya harap undi dia dalam Majlis Tertinggi akan bertambahlah nanti.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak turunlah

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak turunlah. Saya nak minta satu kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Boleh tidak lipat gandakan bantuan kepada petani kita? Kementerian punya bantuan peruntukan boleh tidak dilipat gandakan bantuan kepada petani-petani, pesawah-pesawah, peladang-peladang, penternak-penternak, nelayan-nelayan yang memang terhimpit oleh masalah ekonomi yang sedang berlangsung hari ini. Boleh tak? Boleh tak? Tuan Yang di-Pertua

■1200

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini soal pertanian, boleh? Ini soal pertanian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Apakah

Yang Berhormat melihat bahawa kemelesetan ekonomi global ini, maka wajarlah kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan yang lain-lain, melihat bahawa Malaysia juga tidak terkecuali daripada berhadapan dengan tempias ekonomi yang merudum ini.

Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan bahawa sudah tiba masanya pendekatan baru harus dilaksanakan iaitu peruntukan yang banyak diberi di peringkat akar umbi secara terus dan melupakan projek-projek yang berbilion-bilion.

**Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya setuju, dan sama-sama kita maklum bahawa lubuk kesusahan rakyat di sini, lubuk kesusahan rakyat ialah di pertanian, di nelayan. Ini lubuk kesusahan dan kemiskinan rakyat dalam negara ini, maka saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan berani dan gigih, dengan begitu bersungguh-sungguh, macam mana hendak mencari kewangan bantu secara terus menerus, bantu secara terang-terang bagaimana hendak meningkatkan pendapatan petani-petani, nelayan-nelayan, pesawah-pesawah dan sebagainya.

Mari kita saksikan, agaknya Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang memang terkenal dengan kegigihan membantu rakyat miskin di kampung-kampung ini membuat satu pembaharuan. Macam apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Mudah-mudahan dengan adanya sumbangsih yang besar, kewangan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, rakyat yang agaknya sedang diancam oleh penderitaan ini akan mendapat keringanan dalam menghadapi kehidupan yang seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**12.02 tgh.**

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih kerana mengizinkan saya mewakili warga Lembah Pantai untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan, kita memulakan sesi pada hari ini mengingatkan tentang isu pokok yang berkait rapat dengan realiti Malaysia di mana kita merupakan sebuah negara yang berdaulat, mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan, meletakkan kedudukan Raja-raja Melayu sebagai payung dan penaung bagi semua rakyat Malaysia tidak mengira kaum.

Justeru, sesuai dengan gesaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Malaysia perlu mempergiatkan promosi serta usaha untuk menggalakkan kemasukan lebih banyak pelaburan untuk menjadikan Malaysia ini lebih kompetitif di peringkat serantau dan global. Tumpuan, saya percaya perlu diberikan untuk terus mempercepat sistem penyampaian perkhidmatan yang diakui perlu diperbaiki menerusi kewujudan PEMUDAH dan agensi lain. Mengurangkan kerenah birokrasi ini membantu kepada peningkatan daya saing negara tetapi itu bukanlah sahaja yang menjadi penyelesaian. Kita perlu menyelesaikan masalah-masalah lain.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentang kajian dengan izin, Open Budget Index atau Indeks Keterbukaan Bajet yang dilaporkan dalam akhbar The Edge oleh Washington International Budget Partnership, di mana Malaysia negara kita mendapat markah yang amat teruk. 35 mata daripada 100 mata penuh, meletakkan Malaysia ini di tangga 53 daripada 85 negara-negara yang terlibat, di bawah negara-negara ASEAN lain seperti Sri Lanka yang mendapat 64 mata, Indonesia yang mendapat 54 mata, Filipina 48 mata dan Thailand 40 mata. Jadi bagaimana kita hendak melaksanakan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lainnya jikalau kerajaan di bawah teraju pemerintahan Barisan Nasional tidak telus dengan cara mereka mentadbir negara.

Bajet 2009, tidak ada keterbukaan, terbukti oleh OBI atau Open Budget Index ini yang menyatakan kita mengamalkan bajet tertutup, di mana rakyat, tambahan lagilah Ahli Parlimen pembangkang tidak mampu mengetahui dengan terperinci atau lanjut, apakah dasar-dasar perbelanjaan yang dijalankan seperti yang terkandung dalam pakej rangsangan ekonomi yang pertama. Juga tidak, Dengan izin, *transparent* atau telus untuk kita mengkaji bagaimana kerajaan sedang mengagihkan sistem kewangan negara terutamanya di waktu sekarang di mana keadaan ekonomi dengan krisis yang semakin meruncing. Saya bersyukur dan juga berterima kasih, akhirnya Yang Berhormat Menteri Kewangan mengakui keperluan untuk mengubah unjuran bagi kadar pertumbuhan ekonomi negara yang berulang kali kami tekankan keperluannya.

Akan tetapi, satu adalah pengakuan yang kita tidak mampu mencapai *target* pertumbuhan KDNK sebanyak 3.5% yang diuar-uarkan Tuan Yang di-Pertua, sehinggalah 15 Januari oleh tidak lain tidak bukan, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kita. Diuar-uarkan 15 Januari kita boleh capai. Kedua anggaran, sekarang kata tidak boleh capai tapi anggaran yang terbaru sudah diumumkan oleh banyak badan berkanun antarabangsa termasuklah oleh Malaysian Institute of Economic Research. Akan tetapi kita seluruh negara terpaksa menunggu sehingga pengumuman mini budget yang akan diberikan pada 10 Mac.

Jadi saya tidak lihat bagaimana kerajaan yang sedia ada serius dalam menangani krisis kerana kita perlu mengumumkan secepat mungkin dalam mana-mana kesempatan yang diberikan. Ekonomi dunia berubah dari hari ke hari. Jadi bayangkan apa akan berlaku dalam satu atau dua minggu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tiga perkara yang saya ingin cadangkan dari segi untuk mereformasi sistem pentadbiran yang sedia ada, apa yang kita dapat lakukan untuk memperbaiki keadaan;

- (i) saya kira perlu kalau boleh Malaysia mempergiatkan, memperkukuhkan serta memperkasakan hubungan diplomatik serantau;
- (ii) perlunya kita memperkasakan sistem pendidikan, terutamanya dari peringkat sekolah rendah. Kita mulakan daripada awal lagi; dan

- (iii) perlunya Malaysia mengimbang kepadatan penduduk di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Isu pertama Tuan Yang di-Pertua, dengan Malaysia mempergiatkan, memperkukuhkan ataupun saya sebut tentang pemerksaan diplomatik serantau. Jika kita meneliti negara-negara Asia Tenggara, South East ASEAN Countries terutamanya ahli-ahli anggota ASEAN, kita dapati banyak pelanggaran hak asasi manusia yang sedang berlaku di hadapan mata kita. Myanmar, selatan Thailand, selatan Filipina dan sebagainya telah melahirkan lebih ramai pelarian dan pengungsi di waktu-waktu yang sebelumnya. Akhirnya kita terpaksa berhadapan dengan masalah pelarian ini, dilipatgandakan dengan masyarakat yang tidak berstatus di negeri Sabah atau lebih tepat rakyat tanpa warganegara yang semakin bertambah yang telah memasuki generasi yang kedua dan ketiga.

Alhamdulillah, dengan kurniaan Ilahi, kita merupakan sebuah negara yang bertuah seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Sri Gading tadi, punyai banyak rezeki, kita diberikan khazanah daripada Ilahi dan sebagainya. Akan tetapi tentunya ia juga menjadikan kita destinasi yang menarik kepada pelarian, pendatang tanpa izin dan sasaran utama untuk mereka mencari tempat berteduh atau mencari sumber rezeki. Kita memang mempunyai tanggungjawab sosial tetapi saya kira dengan keadaan ekonomi yang semakin menyempit, kita perlu fikirkan apa yang dapat kita lakukan untuk melindungi warganegara kita, rakyat kita dengan cara penyelesaian yang terbaik, yang *win-win* kalau yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dahulu dapat memastikan kita buat yang terbaik untuk semua pihak.

The *Sabah Times*, saya rujuk pada 25 November 2008 melaporkan, di antara ribuan rakyat tanpa warganegara seramai 17,000 telah memohon MyKad hijau.

■1210

Di mana hanya 1,272 MyKad ini diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Ini petanda yang jelas memang ramai sangat *the demand is too high* dengan izin daripada rakyat tanpa warganegara yang menetap di Malaysia. Masalah yang serius yang kita semua tidak kiralah dari parti mana pun terpaksa terima. Disebabkan status ini mereka tidak mampu menjawat kerja tetap, memiliki aset, menjalankan perniagaan yang sah atau menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Dalam akhbar *The Star*, 22 Februari 2009, Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan bahawa ibu bapa yang salah seorang daripada mereka mempunyai kewarganegaraan Malaysia boleh menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Jadi ia membuktikan dua perkara. Walaupun salah seorang daripada ibu bapa adalah warganegara, anak-anak mereka tidak dibenarkan bersekolah di Sabah. Ini amalan yang akan memberi kesan kepada masalah sosial yang wujud. Anak-anak yang tercicir tidak dapat peluang pendidikan dan sebagainya. Walaupun kerajaan kini membenarkan anak-anak bersekolah tetapi ia tidak menyelesaikan masalah masyarakat yang tidak berstatus untuk meningkatkan taraf hidup mereka ke tahap yang lebih baik kerana anak-

anak tanpa warganegara masih tidak mampu bersekolah akhirnya ia menjadi satu lagi *poverty cycle* dengan izin yang akan mengulangi *cycle* atau satu sistem kemiskinan sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu...

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** [*Bangun*]

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Satu hujah yang cukup baik berkaitan dengan soal pelarian dan juga macam mana kita nak menyelesaikan masalah pelarian. Di kawasan Kuala Kedah alhamdulillah tidak ada banyak pelarian tetapi saya pasti di kawasan Lembah Pantai terutamanya pendatang tanpa izin dan juga pelarian-pelarian yang memasuki negara kita dan bekerja yang secara tidak langsung ia akan menjejaskan sistem pendidikan, sosial, politik dan ekonomi. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, macam mana masalah yang begitu besar ini kita hendak selesaikan dalam konteks kita memberi. Maksud saya ini sempadan negara kita ini mudah dibolosi menyebabkan akhirnya terlalu ramai pendatang tanpa izin memasuki negara kita dan akhirnya mengganggu keselesaan rakyat kita sendiri. Jadi apa penyelesaiannya yang boleh Yang Berhormat Lembah Pantai cadangkan supaya masalah pendatang tanpa izin dan juga pelarian ini diselesaikan dengan lebih tuntas lagi. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya memang baru nak sebut tentang hal tersebut tetapi sudah Yang Berhormat dahulu, saya kira memang ini merupakan permasalahan yang jelas. Sebelum ini, Ketua Pembangkang telah menyatakan keperluan untuk pihak kementerian memberi lebih banyak syarat kepada pekerja asing daripada memasuki negara kita. Kalau kita bezakan sektor-sektor yang wujud sekali pun, akhirnya kita mesti jelas dengan anggaran yang terbaik yang paling jitu dan berapa pekerja asing yang berada di negara kita sama ada mendaftar atau tidak. Bagaimana kita benar-benar dapat mengekang kemasukan mereka kerana saya setuju sempadan kita begitu bolos dan kadang kala tidak ada kata sepakat daripada pihak sama ada pihak Menteri Dalam Negeri ataupun Menteri Sumber Manusia jadi ini akan akhirnya tidak mampu menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa yang terdekat.

Kita punyai lebih ramai tenaga pekerja asing dalam sejarah. Dalam akhbar *The Edge* 16 Februari 2009, lebih kurang 20 peratus atau 2.2 juta daripada 11.3 juta jumlah keseluruhan tenaga kerja di Malaysia ini dikuasai oleh pekerja asing. Ramai rakyat Malaysia menganggur dan ekonomi pun kita agak bermasalah bagaimanakah kerajaan mampu katakan dengan realiti sekarang ini bahawa mereka masih lagi meletakkan kepentingan rakyat sendiri kalau tidak diperincikan apakah langkah-langkah sebenarnya untuk mengatasi masalah pengangguran.

Laporan yang sama juga menyatakan disebabkan ramai pekerja asing sedang mencari rezeki di Malaysia. Jumlah gaji yang keluar dalam bentuk kiriman wang ke negara *remittances*



bersamaan dengan 3.7% GDP. Ini tahun 2006, adakah kerajaan sedar kita punya pakej stimulus lebih kurang 1% GDP tetapi yang keluar melalui pekerja asing ini 3.7 peratus. Jadi maksudnya begitu tidak ada *mismatch* yang jelas, jurang yang begitu besar yang akhirnya akan melibatkan kerugian yang besar kepada negara kita. Inilah yang saya maksudkan apabila kita tidak memikirkan dengan serius, kita akui kepentingan rakyat kita sekarang ini perlu diteliti. Saya juga melihat apabila kita tidak mengamalkan prinsip untuk terbuka, telus, *transparent* maka ramai yang akan menyoalkan apakah langkah-langkah seterusnya yang akan dilakukan oleh kerajaan adakah ianya akan mencapai *target* serta objektif. Soalan ini kira soalan asas. Saya apabila kita tanyakan pihak kerajaan bilakah kali terakhir Kerajaan Malaysia mengkaji dasar pengambilan tenaga kerja asing selepas mereka meneliti kesan-kesan yang akan dihadapi oleh warganegara kita sendiri. Terutamanya setelah kita kupas fakta yang jelas bahawa ramai rakyat Malaysia yang tidak mempunyai kerja dan sebanyak 3.7 peratus KDNK mengalir keluar jadi perlu ada dasar yang jelas *once and for all* dengan izin kerana kalau tidak memang kita akan sentiasa berdolak-dalik dalam hal ini tanpa penyelesaian yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyebut di sini bahawa Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada sidang Parlimen 14 Disember 2006 menyatakan bahawa lebih 25,000 tahanan pendatang tanpa izin ditahan di pusat-pusat tahanan Malaysia dengan jumlah perbelanjaan melebihi RM1.375 juta sehari. Laporan akhbar harian di awal bulan Februari 2009 menyatakan tentang isu Rohingya, pelarian Rohingya dari Myanmar, bagaimana kerajaan Thailand dan Malaysia menolak permohonan pelarian-pelarian ini untuk memasuki negara kita dan juga Thailand termasuklah isu pengabaian hak asasi manusia dan laporan tidak sah yang menyatakan mereka juga dipukul dan disiksa oleh polis Thailand. Ini memang merupakan isu yang serius yang patut kita perjuangkan. Mereka bukan sahaja saudara sesama Islam tetapi juga saudara kita dalam segi *you know* warga manusia di dunia ini dan seperti manusia yang lain mereka juga perlu tempat untuk berlindung. Jadi bagaimanakah kita boleh akhiri isu pelarian sebegini dengan cara yang mutlak.

Saya fikir adakah dengan mengambil mereka masuk ke dalam negara sebagai Indonesia lakukan atau dengan memberi mereka tempat berlindung, makanan atau bahan-bahan asas adakah ianya akan menyelesaikan masalah? Akan tetapi kalau kita tidak alu-alukan mereka datang masuk ke negara seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Thailand, memaksa mereka pulang ke negara asal dengan harapan kononnya negara Myanmar ini sudah tunggu bertahun-tahun akan menjaga hak mereka tidak boleh juga. Jadi apa pun yang kita ingin ambil saya pergi kepada satu dimensi atau *approach* yang lain di mana kita perlu memastikan negara dalam ASEAN ini pada peringkat permulaan menghormati memperkasakan sistem perundangan mereka, sistem ekonomi, sistem pertahanan negara-negara dalam ASEAN ini.

Kita bayangkan masalah di Burma, Myanmar itu dengan tidak menghormati hak asasi manusia, tidak menghormati sistem perundangan dengan rejim yang begitu zalim kita biarkan

kerana kita kata ini merupakan satu prinsip *non-interference* dengan izin dalam ASEAN. Jangan jaga tepi kain orang supaya mereka pun tidak boleh mengkritik apa yang berlaku di negara kita tetapi sehingga kita memaksa atau memastikan ada *constructive intervention* dalam segi menyebut secara terbuka masalah kemanusiaan serantau mereka perlu memperkasakan memperbaiki sistem pentadbiran mereka barulah kita pergi ke pokok pangkal masalah untuk mencari penyelesaian bersama. Saya sedar bahawa *non-intervention* polisi ini termaktub Piagam ASEAN sampai ke akhir ini.

■ 1220

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai, terima kasih. Saya merasakan soal Rohingya ini merupakan satu masalah yang tidak akan berakhir. Mengikut maklumat yang kita terima bahawa Rohingya ini tidak dianggap sebagai Warganegara Myanmar. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita mencadangkan bahawa sebenarnya di dalam soal Rohingya ini kerajaan Malaysia dan kerajaan ASEAN sebenarnya perlu mempunyai satu dasar yang tegas, yang boleh memaksa Myanmar menerima balik Rohingya ini sebagai warganegara mereka. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Memang persoalan ini akhirnya kita tidak boleh lari daripada realiti dan juga mengkritik secara terbuka. Kalau pun kita fikirkan hubungan diplomatik tetapi segala pelanggaran hak asasi manusia itu tidak boleh disenyapkan ataupun kita diam membisu sahaja kerana akhirnya rakyat kita yang akan menghadapi masalah ini. Kita yang akan menghadapi kemasukan pelarian dan kita berhadapan dengan situasi di mana kalau dikatakan semuanya perlu kompromi dan akhirnya membebankan negara kita sendiri.

Justeru itu saya harap pihak kementerian dan kerajaan juga berani di saat ini melakukan anjakan paradigma dari segi Piagam ASEAN. Kita pastikan kita tidak biar sahaja semua ini berlaku tanpa memikirkan bagaimana Malaysia ini. Kita selalu sebut Malaysia boleh, Malaysia ini hebat, Malaysia ini penuh dengan potensi tetapi bagaimana kita melakukan langkah pertama untuk mengajak negara-negara lain dalam ASEAN melakukan satu anjakan paradigma.

Saya pergi dimensi langkah-langkah integrasi ekonomi di mana kita ada persetujuan perdagangan bersepadu, perdagangan bebas untuk mencapai satu penyelarasan bersekutu di sektor-sektor lain seperti kastam untuk pemajuan kadar pertumbuhan negara buruh dan tenaga kerja profesional. Dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggota menjadi pegangan pertumbuhan ASEAN tetapi kita mengambil secara positif sekarang ini. Kita perlu ada sesi dialog yang konstruktif dengan kuasa serantau di samping itu mengadakan sistem kewangan yang menyeluruh untuk rantau dalam *medium term* atau *cohesive financial architecture*, dengan izin untuk ASEAN. Langkah-langkah integrasi ekonomi, persetujuan perdagangan bersepadu, perdagangan bebas untuk mencapai suatu penyelarasan bersekutu ini termasuklah dari segi tarif dagang seperti cukai eksport untuk barang dagangan akan

diselaraskan dan mampu bergerak secara bebas seperti mana rakyat di negara ASEAN sekarang ini memang sudah bergerak secara bebas tetapi kita patut melihat apakah objektif dan hasil yang akhirnya memberi manfaat kepada *every member country*, dengan izin.

Ini merupakan penyelarasan serantau...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Penjelasan.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Silakan. Ada masa kah, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sebenarnya sedang memikirkan sama ada saya menghadkan masa kerana setakat ini cuma 13 Ahli Yang Berhormat dapat turut berbahas dan saya rasa lebih 50 orang lagi yang akan turut berbahas. Hari perbahasan cuma sampai hari Khamis sahaja.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Setengah minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, sekarang ini saya sedang memikirkannya. Jadi, sesiapa Ahli Yang Berhormat yang belum ditegur itu berilah timbang rasa kepada Ahli Yang Berhormat yang belum bercakap. Ini antara Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi kadang-kadang tempiasnya kita juga yang kena oleh kerana kita duduk di atas, tidak pandai mengawal konon masa untuk berbahas. Sebetulnya yang tidak pandai mengawal ialah Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sehingga kita terpaksa untuk menetapkan bahawa 10 minit atau 15 minit. Sila teruskan, kalau boleh pendekkan.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Okey, Yang Berhormat, setengah minit, ya? Saya perlu mengawal masa.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, meminta penjelasan perkara yang ringkas sahaja. Malam tadi kita tengok di siaran berita ada menyebut yang Menteri Kewangan kita memaklumkan bahawa negara kita memberi sumbangan kepada dana Asean berjumlah USD3.4 bilion. Untuk apakah sumbangan modal ini dan bila perkara ini dilaksanakan atau untuk tujuan apa agaknya? Kalau boleh Yang Berhormat Lembah Pantai beri respons sikit perkara ini. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Bagi Menteri jawab.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Indera Mahkota. Ya, betul. Pertama kali saya bersetuju dengan Ahli Parlimen Barisan Nasional, dia kata, bagi menteri jawab. Memang persoalan ini kalau secara khusus mengenai perbelanjaan dan sebagainya saya harap pihak kementerian dapat beri jawapan jelas. Inilah yang menjadi perkiraan dalam keadaan ekonomi yang memastikan setiap sen yang kita belanjakan itu, berapa bilion yang diberikan kepada ASEAN itu perlulah mencapai *targetnya*. Jadi, saya harap kita ada perancangan untuk masa depan bukan sahaja *medium term*. Apa yang kita dapat lakukan sebagai pemimpin dalam ASEAN – dalam salah sebuah negara memimpin kerana kalau tidak

seperti mencurah air di daun keladi, memberi sesuatu tanpa melihat perkembangan ataupun hasil daripada pemberian kita akhirnya.

Jadi, saya ambil contoh *European Union* ataupun Kesatuan Eropah, bukti sah model *economic union* walaupun bukanlah dikira sempurna tetapi ia boleh dijadikan sebuah realiti. Jika mereka boleh sampai ke tahap tersebut mengapa Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand dan negara-negara ASEAN yang lain yang mempunyai jauh lebih banyak sumber hasil bumi daripada negara-negara Eropah tidak mampu melakukan sesuatu yang sama ataupun lebih hebat lagi. Saya maksudkan kita ambil secara positif *ASEAN Charter* tetapi kita mengimarahkan rantau ini secara menyeluruh. Mahu tidak mahu masalah-masalah yang dihadapi oleh negara lain, kita perlu berani kerana akhirnya kita bersetuju berdasarkan prinsip bukannya atas hal-hal lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara kedua. Isu kecil seperti pelarian – isu besarlah sekarang ini tetapi mereka yang tidak berstatus dan keganasan (*terrorism*) tidak akan lagi menjadi isu yang begitu besar jikalau kita semua dapat mencari penyelesaian dan bersatu dalam konteks ini kerana akhirnya mereka terpaksa berubah. Negara Myanmar terpaksa bangun memperbaiki tahap ekonomi pentadbiran untuk sama-sama menjayakan sistem ekonomi serantau ini. Dengan izin, kalau ada insentif kewangan (*monetary incentives*) tidak ada siapa yang akan menolak. Mahu tidak mahu kita memaksa mereka untuk bersama dan memperbaiki diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sentuh adalah isu kepadatan penduduk yang lebih seimbang di antara bandar dan luar bandar. Saya kira sebelum ini ramai Ahli Parlimen telah menyebut masalah yang dihadapi dan saya ingin menyentuh dari segi bandar raya di Malaysia ini. Kita melihat pertambahan kepadatan yang begitu tinggi. Bilangan penduduk Kuala Lumpur sekarang ini sebanyak 1.58 juta mengikut Jabatan Statistik Negara 2006. Perangkaan terbaru pada 2007 menunjukkan bilangan penduduk Kuala Lumpur bertambah menjadi 1.89 juta orang dan akan terus meningkat mengikut Pelan Struktur Kuala Lumpur yang diwartakan pada November 2004. Bila kita mencecah tahun 2020 penduduk akan meningkat seramai 2.2 juta.

Jadi, peningkatan ini sejajar dengan pertumbuhan pesat faktor-faktor kepadatan penduduk bandar yang lain seperti kadar pemilikan perumahan, dan kenderaan yang akhirnya boleh menjejaskan pertumbuhan bandar raya yang sekata dan seimbang. *AC Nielsen and Nielsen Media Research* menyatakan seramai tujuh daripada 10 orang dewasa di Malaysia ini mempunyai kenderaan. Kadar pemilikan perumahan juga meningkat berdasarkan harga rumah yang meningkat sebanyak 6.9% dalam tahun 2006.

Jadi, pertumbuhan *exponential* ini menyebabkan masalah setingan, sosial, pelacuran, sempit, jenayah kecil dan sederhana, ketiadaan sumber daya seperti kekurangan makanan, minyak, pengangkutan dan ketiadaan pekerjaan yang gajinya setimpal dengan kos kehidupan

seseorang individu di bandar. Jadi, mengapa ini berlaku? Kenapakah terus menerus masyarakat luar bandar mencari rezeki di bandar dan memang isu *urbanization* ini seolah-olah tidak dapat ditangani, dikekang lagi oleh kerajaan yang sedia ada. Jadi, isunya memanglah bukannya kita mahu menghalang sesiapa untuk mencari rezeki di bandar tetapi kita juga perlu melihat secara realistik dan efektif bagaimana hendak menjadikan kawasan luar bandar ini sebagai kawasan alternatif untuk mereka mencari rezeki yang nyata, berterusan dan menjadikan kebarangkalian untuk berjaya dari segi ekonomi dan taraf hidup itu sama seperti mereka di kawasan bandar.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, antara penyebab utama masyarakat berhijrah dari kawasan luar bandar ke bandar adalah punca pendapatan dan peluang untuk mereka menjayakan apa-apa industri lebih cerah di kota-kota berbanding dengan luar bandar. Termasuklah juga masalah di FELDA, ramai generasi kedua dan ketiga itu berhijrah juga tidak selari dengan objektif asal.

Jadi kita bayangkan apakah prospek masa hadapan seorang graduan ijazah sarjana muda yang baru untuk menjayakan dirinya di luar bandar. Kesemuanya ini lebih cerah di kota-kota seperti di Kuala Lumpur berbanding dengan di desa. Jadi pemikiran ini perlu kita ubah kerana saya memang akui ada usaha kerajaan, FELDA, FELCRA yang mampu memberikan kejayaan. Akan tetapi ia tidak memberi *multiplier effect* ataupun hasil berganda seperti yang diharapkan. Negara-negara maju contohnya Jepun, Perancis serta Britain, mereka menjayakan negara mereka melalui usaha untuk memajukan industri di luar bandar.

Di Perancis, industri berat seperti stesen jana kuasa nuklear di *Nuclear Power Plant* di bina di kawasan luar bandar seperti di Penly dan Tricastin terletak berjauhan dari mana-mana bandar. Ini menghasilkan peluang pekerjaan untuk ramai rakyatnya daripada pelbagai sektor seperti jurutera, akauntan, *mathematician*, *dietician*, juru nuklear dan juga tenaga sokongan serta sebagainya. Ini adalah contoh terbaik, mungkin bukan terbaik. Akan tetapi salah satu contoh yang dapat kita ambil untuk memajukan sektor di luar bandar. Saya faham kerajaan sibuk melaksanakan koridor-koridor ekonomi. Projek koridor seperti di *Iskandar Economic Region* di Johor, *Northern Economic Corridor* (NCR) di Pulau Pinang.

Akan tetapi ini sebenarnya kurang daripada perancangan yang akhirnya dapat memberi hasil yang jelas, kerana ia masih lagi tidak menyelesaikan masalah penempatan sesak bandar raya. Ini kerana pembinaan kawasan perumahan dari rumah kos rendah sehingga kos tinggi termasuk lagi pembinaan prasarana tidak sehaluan dengan pembinaan koridor ekonomi. Kesemua ini adalah pemangkin yang membolehkan memberi ruang kepada ramai keluarga untuk tidak mempunyai masalah mendirikan penempatan di luar bandar kerana mereka selesa dengan apa yang ada di tempat mereka bekerja.

Mereka yakin ada peluang pendidikan, kualiti kalau kita bangunkan betul-betul konsep di luar bandar ini untuk anak-anak mereka membesar dengan selesa. Justeru, saya melihat dari segi kita ambil contoh bagaimana program-program yang diadakan. Di Thailand, sudah wujud

usaha yang dilakukan oleh PAD, *People's Alliance for Democracy*. Mereka mencari satu kuota yang terletak 240 kilometer dari Kota Bangkok. Di tengah-tengah 'Jin bertendang' itu, kalau dikatakan dalam bahasa orang Melayu. Diletakkan, dimulakan sekolah rendah mempunyai iaitu tentunya ramai di sana menganut agama Buddha.

Jadi, mereka *combined* dengan izin sistem moral Buddha termasuk lagi dengan *Montessori* sistem untuk memastikan anak-anak di kampung ini diambil daripada semua yang duduk di kampung. Bukannya yang pelajar terbaik, tetapi secara rawak serta diajar dan akhirnya menerusi beberapa kajian didapati mereka ini penuh berkeyakinan dapat berbahasa Inggeris jauh lebih baik daripada anak-anak sekolah di Kota Bangkok. Maksudnya ada perancangan yang jelas. Mereka tidak buat secara *ad hoc*. Mereka buat memang sekolah rendah dan selepas berjaya, dalam perancangan seterusnya adalah sekolah menengah dan universiti. Kemudiannya baru wujud semua *facilities* seperti *internet cafe*, restoran dan sebagainya.

Jadi permulaannya adalah sistem pendidikan yang dapat memberi manfaat sepenuhnya yang berkualiti kepada penduduk di kampung. Jadi saya berharap perkara sebegini bukanlah di FELDA-FELDA tidak ada sekolah, tetapi kita pastikan yang terbaik. Kita masukkanlah dengan *Montessori* atau sebagainya. Kita bayar beribu-ribu untuk hantar budak-budak sekolah di Kuala Lumpur ini, kita mulakanlah di FELDA. Oleh itu dengan tenaga guru yang terbaik akan memulakan satu *cycle* diharapkan oleh penduduk yang lebih selesa hidup di tanah FELDA, maksudnya di luar bandar.

Jadi saya berharap isu ini diambil secara serius kerana akhirnya memang tidak boleh larilah daripada isu PPSMI. Saya tidak hendak sebut panjang, tetapi yang penting kita mesti memastikan kalau dahulu kita buat program PPSMI ini tidak ada mana-mana kaji selidik untuk menyokong keputusan tersebut. Sekarang, kita berdebat hebat tentang bagaimana dasar tersebut tidak boleh diguna pakai ataupun ada yang menyokong, kebanyakannya menolak.

Akan tetapi saya mahu menyentuh di sini, memulakan satu lagi dimensi yang perlu kita sentuh; iaitu kita mahu merealisasikan impian negara kita untuk mewujudkan anak-anak Malaysia yang petah dan kukuh menguasai ilmu-ilmu sains, matematik dan teknologi. Dia tahu itu yang kita mahukan, itu objektif kita. Nah, bagaimana hendak lakukan? Apakah mekanisme yang terbaik untuk menghasilkan ataupun merealisasikan objektif ini?

Kita dengar laungan daripada Kementerian Pelajaran menyatakan bahawa keputusan UPSR, PMR itu membanggakan. Ada prestasi yang semakin baik. Saya mahu sentuh penanda aras antarabangsa. Kalau hendak bercakap daripada apa yang berlaku dalam negara Malaysia memanglah tidak habis dengan kebolehan, dengan kehebatan kita.

Akan tetapi apabila kita fikir, bagaimanakah kalau kita gunakan seperti mana keputusan TIMSS 2007, *the trend in international Mathematics and Science study* ataupun *trend pembelajaran Sains dan Matematik antarabangsa* dijalankan sejak 1995 oleh *The International Association for The Evaluation of Educational Achievement* (IEA) untuk menilai, mengkaji

prestasi pendidikan negara-negara di seluruh dunia dan dikeluarkan Disember 2008. Mereka menyatakan bahawa dari segi pemahaman dan amali subjek-subjek seperti biologi, kimia, fizik, pelajar-pelajar sekolah menengah Malaysia pada tahun 2007 berada di bawah negara-negara seperti Armenia, Lithuania, Slovenia dan Republic Chech.

Tahun 2003, kita bandingkan keputusan 2007 ini dengan 2003. Kajian yang sama menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ke sepuluh dalam Matematik lebih baik dibandingkan dengan Australia, Britain, Amerika Syarikat dan New Zealand manakala di dalam subjek Sains, kita di tangga ke dua puluh lebih tinggi daripada negara Itali dan Norway.

Jadi, 2003 ini sebelum pelaksanaan PPSMI. Maksudnya mereka buat ujian di dalam bahasa Melayu kerana mereka akan sesuaikan dengan keadaan di negeri atau negara tersebut. Semua ujian Matematik dan Sains dan semua subjek ini diadakan di dalam bahasa Melayu. Kita tengok prestasinya jauh lebih hebat pada waktu itu daripada tahun 2007. TIMSS 2007, Malaysia di tangga ke dua puluh untuk kesemuanya.

Jadi kita bandingkan, kerana selalunya *the top ten countries* dengan izin, negara-negara yang mendapat tangga tempat yang tertinggi, tidak kisahlah semuanya menggunakan bahasa Ibunda. Ada yang mempersoalkan kata negara Singapura pun terkandung dalam keputusan TIMSS sebagai negara yang terbaik. Saya hendak ulang di sini, yang pentingnya Singapura ini bahasa Inggerisnya itu sudah seperti *mother tongue*. Mereka sebut, cakap di rumah dan ia diajar dengan begitu meluas sekali di Singapura. Jadi kita tidak boleh buat perbandingan bahawa bahasa Inggeris itu bukan bahasa Ibundanya.

Kita lihat negara-negara seperti Cina, Jepun, Jerman, Perancis, Sepanyol dan Korea menjadi negara yang tersohor dalam bidang Matematik dan Sains. Mereka tidak meletakkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara dalam pembelajaran ilmu-ilmu ini. Saya tidak tolak bahawa kita perlu menguasai bahasa Inggeris tetapi adakah ia efektif kalau diajar dalam bahasa-bahasa teknikal, mata-mata pelajaran teknikal? Tidak!

Ini keputusan TIMSS di peringkat antarabangsa. Kita jangan gadaikan masa hadapan generasi kita untuk menguasai mata pelajaran teknikal kerana kita hendak sangat katakan kita ini betul. Saya kira tidak payahlah kita salahkan sesiapa dalam hal ini asalkan kita buat perkara yang sepatutnya kita buat.

#### ■1240

Pembelajaran ilmu kompleks seperti Sains dan Matematik diajar dalam bahasa ibunda, kerana mereka mendapat tahu bahawa melalui dokumentasi informasi UNESCO buat kajian mendalam sistem terbaik untuk mengajar para pelajar dalam bahasa teknikal ini ialah dalam bahasa ibunda. Jadi penguasaan Sains dan Matematik perlu diajar dalam bahasa ibunda.

Saya rasa kita perlu bermula daripada menyedari dan menerima hakikat ini kerana saya tidak mahu kita terus tergelincir dalam mana-mana, tidak kisahlah penanda aras antarabangsa, terutamanya TEAMS kerana generasi yang kita gunakan sejak enam tahun ini untuk program

PPSMI adalah generasi yang tentunya akan memimpin negara akhirnya dan kita tidak mahu mereka tidak mampu untuk membawa Malaysia ini ke era atau masa depan teknologi yang lebih baik. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap inilah merupakan cadangan-cadangan saya dan kalau ada yang terkasar bahasa itu, mohon maaf. Saya mohon menyokong.

**12.41 tgh.**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Speaker, saya bersama-sama rakan seperjuangan ingin menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 16 hari bulan yang lalu.

Tuan Speaker, saya mungkin ingin menyentuh tentang hal Sabah sahaja dan mungkin ada rakan-rakan minta penjelasan, saya boleh jelaskan. Tuan Speaker, yang pertama sekali saya ingin menyentuh tentang kita punya *delivery system*, sistem penyampaian. Kita nampak walaupun ada banyak jawatankuasa pemantau, jawatankuasa tertinggi, pemuda dan lain-lain, sistem ini semakin hari semakin parah. Nanti saya beri contoh-contoh, Tuan Speaker.

Kita punya sistem begitu dahsyat sekali. Kita lambat kerana saya ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberi peruntukan untuk kawasan saya lima masjid, RM500,000 tiap-tiap satu. Tiga tahun dahulu sampai sekarang belum ada pun tanda untuk dimulakan. Macam-macam masalah yang kita hadapi. Jadi kalau inilah berlaku, sampai pilihan raya akan datang kita parah, Barisan Nasional akan parah kerana kita tidak memenuhi hasrat rakyat. Kita lambat, Tuan Speaker, kerana sewaktu Perdana Menteri pergi ke Sabah setahun lalu, dia kata Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPPS), kita mansuh kerana Kerajaan Negeri Sabah mahu menubuhkan satu Jabatan Pembangunan Negeri Sabah diketuai oleh orang Sabah.

Kita fikir kalau keadaan ini berubah, tentu sekali kita punya sistem begitu baik, tetapi saya minta maaf, nampaknya di sini Kuala Lumpur beri kepada rakyat Sabah, pengarah, SDO ini macam layang-layang dilepas, dia pegang tali. Dia pegang tali, Tuan Speaker. Ertinya semua *power, monitoring* daripada ICU atau Jabatan Perdana Menteri. Ini bukan kasi kuasa. Jabatan Pembangunan Negeri Sabah, dia punya pengarah RM50,000 punya projek pun tidak ada kuasa. Sampai bila, Tuan Speaker?

Ini kita dipermainkan. Orang Sabah dipermainkan. Taruk satu Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri, kemudian tidak ada kuasa macam layang-layang dilepas, tali dipegang oleh Kuala Lumpur. Ini menyusahkan rakyat Sabah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Ini menyusahkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Putatan di belakang, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Putatan minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh atau tidak?



**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Ya.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya, Kalabakan. Saya terpanggil untuk minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kalabakan soal yang pegang tali layang-layang ini. Jadi kita sedar bahawa Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri Sabah ini sudah pun diambil alih oleh rakyat Malaysia yang berasal dari negeri Sabah.

Satu lagi, Yang Berhormat, Bendahari Persekutuan, apa pendapat Yang Berhormat soal tali yang dipegang daripada Kuala Lumpur ini? Saya tahu dahulu pelantikan kontraktor-kontraktor, pembayaran semua kontraktor dahulu dibuat, dilaksanakan di negeri Sabah dan pengerusinya adalah Bendahari Persekutuan tetapi sekarang semuanya dihantar ke Putrajaya. Ini seolah-olah menyusahkan rakyat negeri itu.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Saya minta maaf, Tuan Speaker, mungkin saya tidak ada masa. Mungkin kalau yang pendek, boleh saya jawab. Saya sebenarnya ingin menyentuh tentang jawatan-jawatan yang dipegang oleh anak Sabah, bendahari, FFO ini dipegang oleh anak Sabah tetapi apabila anak Sabah pegang makin lambat, kerana mereka tidak ada kuasa. Ini juga macam yang saya katakan tadi, SDO ini.

Tuan Speaker, sekarang saya ingin menyentuh tentang peruntukan khas diumumkan oleh Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, RM1 bilion untuk rakyat Sabah. Mana RM1 bilion itu sekarang? Dalam surat khabar ini, Tuan Speaker, *Daily Express*, 9 hari bulan, "Assurance on Reminder of RM1 Billion Fund". Pengarah ICU kata, "The balance of RM550 million from Federal Government, RM1 billion special fund to Sabah will only be disbursed next year if there is a request for it."

Ini bukan caranya. Itu diumumkan, dibagi patut RM1 bilion, beri kepada Kerajaan Negeri Sabah. RM1 bilion bagi terus dengan projek-projek yang sudah dijalankan. Ini bagi gula-gula sahaja yang kalau perlu, kalau ada tangisan, bagi. Ada tangisan, bagi. Mana boleh? Tuan Speaker, ini bermasalah. Ini kita punya masalah. Bererti, Tuan Speaker, RM1 bilion ini dikumpul dari Rancangan Malaysia Kesembilan, projek yang belum jalan dibagi kepada Sabah RM100 juta. Bererti RM1 bilion ini, Rancangan Malaysia Kesembilan habis, Rancangan Malaysia Kesepuluh pun tidak.

Jadi saya minta RM1 bilion ini berapa bakinya bagi kepada negeri Sabah terus kerana kita ada projek yang kita mahu laksanakan. Kita banyak perancangan untuk pembangunan. Jadi ini satu tipu helah. [Tepuk] Saya kalau bercakap di sini, orang kata, "Ini Datuk Ghapur, Kalabakan mungkin pembangkang." Tidak! Saya mahu cakap apa yang saya fikir baik untuk negeri Sabah. [Tepuk] [Disampuk] Saya mahu fikir apa yang baik untuk negeri Sabah. Bukannya saya mahu puji yang puji-puji.

Kalau macam misalnya Yang Amat Berhormat sudah letak jawatan dibagi kepada Dato' Sri Mohd. Najib, saya boleh bagi dia hadiah seperti pantun yang dikatakan;

*Pisang emas dibawa belayar;  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang emas boleh kami bayar;  
Hutang budi Perdana Menteri, kami bawa mati.*

Itu sahaja yang boleh saya cakap. Bukan? Jadi ini, Tuan Speaker, saya minta supaya mungkin selepas saya berucap ini satu kajian semula RM1 bilion ini kami, rakyat Sabah – saya bercakap di sini untuk rakyat Sabah – kita mahu bagi RM1 bilion ini. Bagi RM1 bilion. Kalau kerajaan boleh bagi Terengganu RM400 juta wang ihsan, kenapa Sabah tidak boleh dibagi. Orang Sabah marah kenapa Terengganu boleh dapat RM400 juta, kita di Sabah satu sen pun tidak ada. Diuar-uarkan bagi tetapi tidak betul-betul dibagi. Tuan Speaker...

**Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Saya tidak ada masa ini.

**Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]:** Tidak ada masa ya? Dari Terengganu ini. Mahu tolong jawab..

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Ha, okey.

**Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Kalabakan.

#### ■1250

Rintihan yang dibuat tadi mengatakan bahawa Terengganu dapat sebahagian daripada janji duit yang hendak diberikan tetapi Sabah tidak diberi. Namun untuk makluman, tahu tidak Yang Berhormat Kalabakan, Terengganu bukan soal dapat sedikit tetapi habis keseluruhan royalti habis dirompak. Apa yang kita dapat? Itu semua penipuan sama sekali. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Itu saya tidak tahu hal Terengganu tetapi saya nampak dalam akhbar dibagi RM400 juta jadi kita pun mahu, orang Sabah pun mahu. Mungkin pemimpin persekutuan boleh datang ke Sabah bagi di mana sejuta inilah wang ihsan daripada royalti minyak ke jadi mungkin itu menyenangkan rakyat Sabah, itu dia. Jadi Terengganu punya hal itu saya tidak tahu dirompak ke, saya tidak boleh komen sebab saya cerita fasal hal Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu saya kata pembangunan di Sabah dan Sarawak di antara bumi dan langit dibanding dengan Semenanjung. Antara bumi dan langit berapa jauh pembangunan kalau kita boleh bezakan. Antara bumi dan langit Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana kalau kita nampak di Sabah kita nampak semua jalan seluruh negeri Sabah daif. Jalan daripada Kota Kinabalu ke Beaufort ke Tenom dan lain-lain semuanya *single lane* sahaja. Kalau kita nampak di sini dia *dual carriage way* dua-dua hala semua. Daripada Sandakan, Kota Kinabalu, Tawau, Tuan Yang di-Pertua ini masalah yang kita hadapi. Saya

mahu tanya ini Kementerian Pelancongan dia *promote* pelancong adakah dia pergi tengok jalan di Sabah? Apa macam pelancong mahu datang kalau Menteri sendiri tidak pernah pergi. Dia tidak pernah pergi *check* tengok jalan boleh tidak kita menarik pelancongan kalau kemudahan asas ini kita tidak buat? Boleh ke? Tentu sama sekali tidak boleh.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong bertitah kita mahu cara menarik pelancong-pelancong dengan mengadakan *medical tourism* dan lain-lain. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua saya bawa satu syarikat besar untuk melabur di Sabah *medical tourism* setahun sudah. Bagi jumpa menteri dua kali sampai sekarang kelulusan yang senang sahaja tidak dapat. Mana ini Menteri? Dia asyik pergi luar negeri adakah dia pernah pergi di pedalaman Sabah dan di tempat-tempat lain? Tidak pernah.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Titiwangsa minta laluan sedikit. Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kalabakan. Saya ada pengalaman pergi ke Kundasang di mana dilihat di situ itu beberapa tahun yang lepas dan baru-baru ini seorang rakan saya juga baru balik dari Kundasang bercuti di sana. Dia mengatakan banyak sangat sumber-sumber alam yang ada di situ buah-buahan, tumbuh-tumbuhan, beras dan sebagainya tetapi gerai-gerai di situ macam orang kata apa gerai-gerai yang sangat daif. Kenapa agaknya tidak ada satu usaha untuk memastikan pusat pelancongan seperti ini diberi satu dana untuk membangunkan gerai yang cantik. Di mana ini ada memberi satu peluang pekerjaan yang sangat baik untuk rakyat. Kalau boleh dapat sedikit penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Itu Titiwangsa saya memang setuju. Itulah saya katakan tadi menteri tidak tahu jaga apa, tidak pernah pun pergi Sabah. Mungkin dia tidak pernah *drive* daripada Kota Kinabalu pergi Tawau. Dia tidak tahu keadaan kemudahan asas ini tidak ada. Dia tidak ada jadi dia sibuk sahaja. Jadi kalau orang seperti begini mungkin majlis tertinggi pun saya tidak undi lagi. Jadi itu kita punya masalah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua memang kalau kita betul-betul lihat kita betul-betul mundur Tuan Yang di-Pertua pun sendiri tahu di Kota Marudu dan di tempat-tempat lain. Banyak tempat-tempat di luar bandar yang kita patut dapat peruntukan besar untuk di bangun tetapi di bangun.

Misalnya dikata kalau di Titiwangsa kita pergi ke Gunung Kinabalu kita lintas jalan yang berliku-liku kenapa kita tidak buat satu jalan yang betul-betul *dual carriage* empat jalan untuk *promote* betul-betul kita punya *tourism* di Sabah. Akan tetapi masalah dia, menteri saya minta maaf mungkin ada dua tiga menteri sahaja yang menjelajah. Macam JKR dia menjelajah tetapi dia pun mungkin dia bermasalah dengan peruntukan yang terhad untuk dia punya kementerian.

Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua saya minta supaya kerajaan di bawah kepimpinan Dato' Najib nanti *make sure* dia punya menteri, menteri yang bekerja. Bukan Menteri yang kasi duduk

di *aircond* dan memanaskan kerusi sahaja. Kita minta menteri yang bekerja, timbalan menteri yang bekerja.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi ...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Saya amat bersetuju dengan kenyataan oleh Yang Berhormat, menteri yang bekerja. Kalau menteri hendak menarik pelancong tidak rela untuk pergi ke kawasan pedalaman apakah Yang Berhormat Kalabakan setuju sekurang-kurangnya boleh hadir dalam Parlimen sebab wakil rakyat sudah turun padang untuk sampaikan. Kalau menteri yang paling minimum ini juga kurang mampu apakah beliau *fit* untuk terus menjadi menteri? Pohon penjelasan Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Itu saya katakan tadi kalau menteri tidak *fit* tidak usah jadi menteri. Kita minta kepimpinan baru supaya menteri-menteri dilantik ini memang betul-betul untuk rakyat. Kalau sekiranya pucuk pimpinan mahu kami kerja menteri pun mesti kerja kerana kalau tidak kita punya masalah Tuan Yang di-Pertua. Kita punya masalah kita kerja menteri tidak kerja apa macam? Apa macam dia mahu buat laporan apa keadaan yang sebenarnya yang ada di Sabah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Maaf Yang Berhormat Kalabakan maksud saya sekurang-kurangnya boleh buat ialah hadir dalam Parlimen mendengar ucapan keluhan apa yang sebenarnya berlaku di kawasan di Sabah. Maksud saya ialah sekurang-kurangnya buat ialah hadir di Parlimen kalau malas untuk turun padang.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Titiwangsa begini eh *sorry, sorry...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kalabakan duduk sekejap.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Saya sebenarnya begini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kalabakan duduk sekejap, duduk sekejap saya mahu cakap. Saya ingin ingatkan kepada Yang Berhormat kalau pun umpamanya ada perasaan sebegitu ingat-ingatlah Peraturan Mesyuarat 36(6) yang mengatakan tidak boleh buat sangkaan jahat. Kalau menteri tiada tidak semestinya dia macam budak nakal tidak hadir kelas dengar kuliah. Mungkin dia ada juga kerja-kerja yang lebih penting kerana untuk rakyat jadi ingat-ingat itu. Sila teruskan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya saya memang akur tetapi takkan semua menteri satu sesi semua sibuk. Itu saya bukan kritik bukan saya sangkaan jahat tetapi takkan semua sibuk. Kalau begini keadaan bererti semua orang mahu jadi menteri kerana tidak perlu datang Dewan. Yang sebenarnya

kalau ikut peraturan semua menteri yang tidak ada tugas di luar mesti hadir dalam Dewan kerana dia orang mesti dengar apa ucapan kita orang. Yang sepatutnya begitu tetapi kalau sekiranya pucuk pimpinan kata, oh tidak apa ada pegawai, ada timbalan menteri, ada yang duduk di luar itu memang tidak sesuai.

Kita mahu menteri duduk dalam Dewan untuk dengar apa yang kita kata kerana Tuan Yang di-Pertua kalau sekiranya menteri baca sahaja dia tidak tahu keluhan kita orang sebagai wakil rakyat. Dia mesti duduk sini nampak apa macam suara kita berdegnung untuk minta. Ini patut begitu sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua kita mempunyai peraturan kalau dahulu dalam akhbar saya ada katakan kalau orang mati dalam saya punya rumah siapa yang bertanggungjawab? Orang mati dalam saya punya rumah saya yang bertanggungjawab. Polis akan cari saya siasat saya kenapa ini orang mati saya punya rumah.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua kalau ada orang mati dalam sel penjara siapa bertanggungjawab? Bukan saya katakan keseluruhan polis tetapi ada polis yang bertanggungjawab. Contoh M. Kugan dia mati dalam penjara. Saya keluar dalam akhbar saya tidak mahu polis yang buat siasat. Kita mahu *independent* yang buat siasat bukan polis. Dalam rumah saya meninggal, saya jadi pengerusi siasatan bolehkah? Tentu tidak boleh. Yang mahu siasat tentu orang luar yang mahu siasat kenapa ini orang mati.

Jadi kita minta ini Kugan ini dia mati dalam penjara kita tidak iktiraf polis siasat, kita tidak iktiraf. Rakyat keseluruhannya tidak iktiraf daripada 25 juta, 20 juta tidak iktiraf polis yang siasat. Kenapa? Takutkah kita yang mana polis menggunakan salah guna yang membunuh hukum dia. Kita tidak boleh bela polis kalau yang penjenayah, kita tidak boleh bela. Jadi kita minta supaya satu *independent committee* siasat kenapa dia mati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kalabakan saya mohon maaf kerana terpaksa minta Yang Berhormat berhenti berucap sebelah tengah hari. Sekarang sudah jam 1.00 Yang Berhormat. Saya minta maaf kerana mengganggu. Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)  
***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Menteri ada usul.

**USUL**  
**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN**  
**DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.32 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 24 Februari 2009.”

**Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Kalabakan.

**2.34 ptg.**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula perbincangan yang saya sampaikan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berapa lama lagi Yang Berhormat Kalabakan ini? Jam tadi sudah lama Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Mengenai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Untuk maklumat Yang Berhormat Kalabakan. Saya sebenarnya berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua tadi untuk mengehendkan masa. Selepas itu, kita sambungkan malam ini. Jadi, kalau ada tolong...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Saya hanya beberapa perkara sahaja. Mungkin 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, baik. Sila, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung kembali mengenai kematian seorang budak India di penjara di mana saya sudah sebutkan panjang lebar tadi di mana kita fikir kita perlu mengadakan satu *inquiry* bebas. Kita tidak mahu Kugan ini dia mati di tangan polis di penjara. Bukan saya kata semua

polis, bukan semua polis. Banyak polis yang prihatin terhadap tugas-tugas tetapi ini memang ada satu dua yang mengakibatkan kematian seorang budak India ini.

Jadi, kita minta satu suruhanjaya atau penyiasat bebas kerana kita tidak boleh biarkan kepada pihak polis kerana mungkin dia orang boleh *cover up*. Kita tidak mahu, kita minta ini. Lagipun Tuan Yang di-Pertua, kita sudah nampak bahawa apabila Kugan ini dibawa keluar ke bilik mayat, ada dua timbalan menteri pergi jumpa. Dua Timbalan Menteri dari Barisan Nasional jumpa...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan. Putatan minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Belum mula lagi, apa macam?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya, penjelasan. Ini soal dua Timbalan Menteri yang, Yang Berhormat sebut itu. Saya hairan, pihak wakil rakyat dari pembangkang tidak timbul perkara ini terutama sekali Yang Berhormat Ipoh Barat tidak timbul pun. Dia perjuang orang-orang India. Minta penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sudah lama, cerita lama ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya pun mahu minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Itu saya tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua tetapi bagi saya...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Bagi saya, tugas saya sebagai wakil rakyat apa yang tidak elok saya pandang mesti saya tegur, mesti saya tegur. Sebab apa saya tidak mahu...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Minta penjelasan.

**Seorang Ahli:** Kiri kanan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sini, sini. Terima kasih. Mengenai Kugan kes, saya hendak kata saya amat kecewa pihak polis sebab selepas Kugan telah mati, pihak polis kata Kugan si mati ini dia terlibat dalam beberapa kes kecurian walhal Kugan belum dituduh di mahkamah. Sekarang dia pun sudah mati, dia tidak ada peluang untuk mempertahankan diri. Akta-akta fitnah di negara ini tidak mengizinkan keluarga Kugan untuk *sue* pihak polis kerana memfitnah Kugan ini.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum selesai lagi. Jadi, jangan komen dahulu, saya mahu komen semua. Tujuan saya bawa ini, saya mahu *independent inquiry*, bukan dijalankan oleh pihak polis. Kita mahu *independent proof* yang mengatakan sama ada dia ini mati biasa atau dia kena dera sebab daripada apa yang kita nampak sekarang dia ini kena dera.

Kita nampak dari cerita, daripada video apa semua, dia punya leher macam kena gantung, kena cekik kita tidak tahu. Jadi, kita minta *independent* punya penyiasatan di lapor dan diambil keputusan. Saya percaya sebab dia mati dalam penjara. Kalau pun dia penjenayah, apa besar pun jenayah yang dia buat, tentu bukan polis yang buat hukuman. Yang buat hukuman mahkamah, mahkamah. Kalau pun dia curi kereta, tak kan dia boleh dihukum gantung bukan? Jadi, ini bermasalah.

Kalau kita tidak selesaikan ini, orang nampak bahawa pihak polis ini betul-betul jelik lah, rendah lah martabat polis ini, jadi orang tidak percaya lagi kepada polis. Saya sudah nyatakan berapa kali, bukan saya salahkan polis keseluruhannya tetapi sebilangan yang buat kerja jahat ini maka terlibatlah semua anggota polis.

Tuan Yang di-Pertua, dua Timbalan Menteri kena panggil. Dua Timbalan Menteri bukan kena panggil, kena siasat. Dalam *paper*, kita cakap dia kena siasat. Mengapa mahu siasat dua Timbalan Menteri sedangkan mereka ini pergi untuk lihat atas peri kemanusiaan, kalau saya pun diberitahu tentu saya pergi juga. Saya diberitahu, saya pun pergi juga kerana kita simpati kepada keluarga kerana ini aniaya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kita minta supaya kalau mahu siasat, kita siasat polis. Mungkin polis ada kes *criminal* di sini, bunuh orang. Jadi, kita minta ini jangan sama sekali kita lupakan, kita *we swept under the carpet* kesalahan seperti ini. Kita mahu disiasat oleh suruhanjaya bebas dan dikemukakan kepada orang ramai, semua laporan ini orang mahu tengok.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Adakah ini bermakna harapkan pagar, pagar makan padi?

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Mungkin juga, mungkin juga harapkan pagar, pagar makan padi tetapi bukan semua makan padi. Bukan semua pagar makan padi. Ada yang pagar mungkin sudah bocor, dia makan padilah, binatang boleh masuk,

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, topik yang lain saya ingin kemukakan di sini ialah berkenaan dengan tali pinggang keledar. Tali pinggang keledar ini Tuan Yang di-Pertua menyusahkan rakyat. Sebab apa saya katakan menyusahkan rakyat sebab tali pinggang keledar ini dalam bandar pun pakai tali pinggang sama ada di belakang atau di depan. Sepatutnya kalau kita mahu adakan tali pinggang keledar ini, dua kilometer di luar bandar, dalam bandar, dua kilometer tidak perlu pakai tali pinggang keledar.

■ 1440

Mengapa saya katakan demikian, Tuan Yang di-Pertua? Kerana ini menggalakkan rasuah. Menggalakkan rasuah. Sebab apa Tuan Yang di-Pertua? Dalam bandar, belum sempat pakai tali pinggang keledar sama ada di belakang atau di depan, depan sudah ada penguat kuasa sama ada JPJ atau polis. Masuk, sudah salah. Mahu kena denda RM300. Dalam bandar. Belum lagi di *highway*. Kemudian, orang tidak ada bawa duit RM300 tetapi boleh



runding. Apa ini boleh runding? Ertinya dari kurang RM300 boleh. Jadi ini kita minta supaya tali pinggang keledar tiga kilometer dalam bandar tidak ada penguatkuasaan. Luar bandar bolehlah kita jalankan di *highway* dan lain-lain. Itu pun kita ada *speed trap*.

Jadi kita minta ini kalau mahu mengelakkan daripada rasuah, jangan buli kita kuatkuasakan dalam bandar. Ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, beberapa sesi yang lalu, Timbalan Menteri Pengangkutan ada kata kita belanja RM400 juta untuk memperbaiki keadaan kereta api di Sabah daripada Tanjung Aru ke Tenom. Sebanyak RM400 juta. Justeru, RM400 juta ini Tuan Yang di-Pertua, di mana ini wang dibelanjakan? Di mana? Tidak nampak pun. Kenapa kementerian, kenapa BPR atau Suruhanjaya Pencegah Rasuah tidak siasat perkara ini? Saya sudah bawa dalam Parlimen.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan? Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat Kalabakan sebab saya pun salah seorang yang membantah pelaksanaan perbelanjaan RM400 juta untuk pembangunan kereta api di Sabah sebab kita lihat tidak ada juga perubahan dan peruntukan yang dibelanjakan. Jadi adakah Yang Berhormat Kalabakan meminta kerajaan dan juga BPR yang sekarang ini sudah dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegah Rasuah yang kita sudah *upgrade* namanya di Dewan Rakyat ini. Buktikanlah bahawa dakwaan kita ini berhubung dengan perbelanjaan yang sebegini, yang berjuta-juta ini mungkin perlu disiasat. Jadi siasatlah. Jangan siasat yang kecil-kecil saja. Minta pandangan Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Itu saya setuju. Seperti mana saya cadangkan, kita siasatlah. Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, daripada Tanjung Maru hingga ke Beaufort 100 kilometer saja. Kita belanja RM400 juta untuk membuat rel. Saya fikir rakyat di Sabah terutama sekali di pedalaman Sabah lagi suka kalau kita buat 100 kilometer kita buat *dual carriageway*, dua hala punya. Kita belanja satu kilometer RM2 juta, baru RM200 juta. Bukan RM300 juta. RM400 juta daripada buat peruntukan RM400 juta yang kita tidak nampak sama sekali.

Ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita minta supaya barang ini disiasat. Kita siasat. Tuan Yang di-Pertua, kereta api negeri Sabah ini memang kita nampak banyak masalah kerana sekarang kita nampak badan-badan kereta api mesti yang buruk-buruk belaka. Mesti yang lama lagi. Dia punya rel pun mesti buruk juga. Jadi di mana kita belanja RM400 juta. Jadi kita mahu penjelasan dan minta BPR atau Suruhanjaya Pencegah Rasuah ini untuk siasat. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya waktu Dato' Syed Hamid Albar melawat kawasan Tawau.

**Seorang Ahli:** Jangan sebut nama.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Menteri Luarlah. Menteri Luar. Minta maaf. Yang Berhormat Menteri Luar melawat Tawau. Dia ada *escort*. *Escort* dia Proton Waja. Masuk dalam kampung punya jalan setengah mati ini kereta. Saya sudah cadangkan dulu di Sabah dan di Sarawak, kita tidak harus pakai kereta Proton Saga,

Proton Wira atau Waja kerana tidak boleh mereka ini ikut gerak perjalanan di luar-luar bandar ini. Mereka harus memakaikan *four-wheel drive*. Kenapa kementerian atau kerajaan tidak ada duit kah untuk membeli ini *four-wheel drive*? Itu persoalan saya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Kalabakan. Ya, saya sehaluan dengan Yang Berhormat Kalabakan Tuan Yang di-Pertua. Pengalaman saya beberapa Menteri datang ke Kinabatangan. Itu bagus. *Escort* polis keretanya Kancil, kesian. Masuk dalam jalan yang begitu sengsara. Jadi kita melihat penjenayah makin meningkat sebab kemampuan polis tidak ada. Penjenayah dia pakai *four-wheel drive* yang laju-laju. Dia sudah rancang macam mana hendak rompak dan macam mana hendak samun. Polis kita, PM umum berbilion-bilion tetapi kemampuan tidak ada. Jadi bilakah Yang Berhormat Kalabakan mencadangkan supaya pihak polis juga di *upgrade* mereka punya kemampuan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, dulu lagi saya sudah katakan. Dulu saya sudah katakan dan saya katakan sekali lagi. Jadi kalau pihak kementerian mungkin tidak mampu, saya harap mungkin mahu cadangkan buat satu tabung. Kita pungut daripada *public* untuk beli beberapa buah kereta untuk bagi kepada polis. Kalau ini dibenarkan. Kalau ini dibenarkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin minta beberapa minit lagi kerana ada beberapa perkara seperti AirAsia dan MAS. AirAsia ini Tuan Yang di-Pertua memang kita tahu, kita tahu bahawa ia tambang murah. Kita ucapkan terima kasih kerana ia dapat menyelesaikan banyak masalah rakyat di Sabah dan Sarawak. Untuk integrasi nasional, mereka banyak menyelesaikan. Akan tetapi saya minta satulah kalau boleh sebab penumpang-penumpang tidak dibenarkan bawa walau air sejuk pun dalam kapal terbang. Satu biji telur pun tidak boleh. Semua mereka kata ada dijual. Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh penumpang apabila orang minta sandwich atau nasi lemak, dia kata sudah habis. Yang tinggal *maggie*. Jadi kita minta kalau boleh sediakan makanan yang berzat. Bukan *maggie*. Ini kita minta. Untuk MAS pula, kita nampak baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, *flight* ke KK, ke Tawau dan ke Kuala Lumpur ini semua bukan lagi *delay* tetapi dia *cancel flight* itu.

Jadi orang yang mempunyai *travel arrangement* untuk *connecting flight* pergi ke lain tempat, dia sudah tergendala. Dia tidak boleh.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [Bangun]

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Jadi kita minta MAS ini buat sesuatu. Kenapa mahu adakan *flight* bukan *delay* tetapi dia *cancel* terus *flight*. Banyak *flight* yang dia *cancel*. Keduanya, dulu Tuan Yang di-Pertua ada *flight* daripada Sarawak ke Kota Kinabalu daripada Sarawak ke KL dan daripada Kota Kinabalu ke KL. Ada tambang murah tengah malam. Sekarang sudah tidak ada. Jadi kita minta mungkin MAS ini adakah satu pakej khas tengah malam daripada Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** RM500 pergi balik. Biar dia pukul tiga pagi pun tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kota Belud, kalau hendak bercakap, bercakap nanti ya. Yang Berhormat Kalabakan sudah panjang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** MAS. MAS saja itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]:** Ya, tidak apa. Saya teruskan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya tambang mungkin tengah malam RM500 pergi balik satu dari Sabah dan satu daripada Sarawak setiap malam. Tiap-tiap malam ada. Jadi rakyat yang tidak mampu, boleh ikut ini kapal terbang walaupun dia pukul tiga pagi. Tidak apa. Jadi dia dapat tambang murah untuk menggalakkan integrasi nasional. Orang dari Semenanjung boleh pergi ke Sabah dan boleh pergi ke Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kalam. Akhir kalam, ini satu perkara yang besar untuk Sabah iaitu *Sabah Development Corridor*. *Sabah Development Corridor* ini dilancarkan sebelum pilihan raya, dua tahun. Cuba Tuan Yang di-Pertua dulu saya tanya Menteri yang menjaga *Development Corridor* ini. Saya mahu tanya sama dia. Dulu saya tanya. Adakah kita nampak satu pasir? *Not even one sand touch* daripada projek *Sabah Development Corridor* ini. Bila dia mahu mula? Mana RM5 bilion yang dijanjikan itu? Adakah dia sudah diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah atau janji tinggal janji Tuan Yang di-Pertua?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang lebih. Sudah pun lebih. Saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Seorang Ahli :** Yang Berhormat Ipoh Barat lagi.

**2.49 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini yang pada masa yang sangat serius di negara ini di mana kita dilanda kegawatan ekonomi.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun ada beberapa cadangan untuk mengatasi masalah yang sedia ada dalam krisis ekonomi ini, tetapi saya rasa dari apa yang kita dengar dan apa yang kita baca dari mereka, satu di antara perkara yang perlu diatasi adalah kelembapan

ekonomi dari segi *housing loan facility* yang sekarang juga akan melanda di negara ini, di mana *non-performing loan* akan menjadi satu masalah yang besar.

Saya berpendapat dari beberapa perbincangan yang saya telah adakan dengan kawan-kawan dalam arena ini yang mengatakan bahawa satu inisiatif yang baru perlu diadakan oleh kerajaan supaya sesiapa yang mendapat pendapatan kurang daripada RM5 ribu dan mereka yang perlu membayar ansuran rumah ini perlu diberi landasan masa yang lebih lama dari yang diberikan sekarang. Bagi mereka yang tidak bayar ansuran-ansuran rumah itu, tindakan mahkamah tidak harus dijalankan.

Dari kajian-kajian yang sedia ada daripada tahun krisis ekonomi pada tahun 1987 dan sebelum itu, kebanyakan kes-kes di mana ansuran-ansuran pembayaran, *non-performing loan*, *housing loan in particular* Tuan Yang di-Pertua, adalah kerap kali kita bawa dan dibenarkan dibawa ke mahkamah. Prosesnya dijalankan tetapi tidak menghiraukan *underlying problem*, *underlying problem* adalah masalah, di mana yang telah meminjam tidak ada situasi kewangan untuk membayar balik ansuran-ansuran.

Ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian dan dari apa yang saya tahu dan telah diberitahu, kita perlu beri kelonggaran masa untuk mereka membayar. Kedua mungkin satu masa di mana untuk tempoh dua tahun tidak ada tindakan apa-apa akan diambil oleh bank-bank di negara ini terhadap sesiapa yang tidak dapat membayar ansuran perumahan mereka. Ini akan memberi satu situasi *win-win* di mana pihak kerajaan boleh menolong bank-bank yang ada situasi kronik *non-performing loan* dan sebaliknya kepada pihak-pihak peminjam yang tidak dapat membayar ansuran ini.

Perkara ini telah dikenal pasti di Amerika, di mana suntikan wang berbilion-bilion ringgit oleh Kerajaan Amerika kepada bank-bank di sana supaya menolong, akhir sekali, *the end-end product* adalah *end result*, *end recipient* adalah peminjam-peminjam dari ansuran *banking loan*, *housing loan* dari bank. Ini akan menolong dan memberi masa kepada pihak-pihak yang terlibat, yang tidak ada wang, telah dibuang kerja atau kerana kegawatan ekonomi. Kebanyakan daripada mereka tidak dapat kerja yang baru atau ada situasi di mana mereka perlu ada apa yang dikatakan *hair-cut* dalam pendapatan mereka, di mana kalau mereka mendapat RM5 ribu sebulan dahulu, sekarang terpaksa dapat gaji yang kurang seperti RM3 ribu, RM2 ribu. Ini menyusahkan keluarga dan mereka, dan ini perlu satu inisiatif yang baru.

Jangan kerajaan juga hanya menolong syarikat-syarikat yang terbesar yang juga akan menghadapi masalah. Apa yang lebih mustahak adalah orang ramai di negara ini, di mana saya difahamkan tak kurang dari lapan juta orang ada membuat pinjaman dari pelbagai bank di mana kalau suntikan wang hanya diberi kepada syarikat-syarikat yang besar tetapi bukan kepada peminjam-peminjam wang diberi masa supaya mereka dapat mengatasi masalah ini.

Kalau kita ada formula seperti ini yang ada di Amerika sekarang, di UK sekarang, saya harap sistem yang sama dapat diimplementasikan di negara ini supaya kita tidak menyusahkan

orang-orang yang akan dibuang kerja atau orang-orang yang akan mendapat pendapatan yang kurang dalam masa kegawatan ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan telah mengatakan bahawa satu 'Kabinet Komiti' akan ditubuhkan untuk menolong masyarakat India yang dikatakan Jawatankuasa Kabinet bagi mengenal pasti dan memantau penyertaan kaum India dalam program dan projek kerajaan. Saya rasa ini adalah satu jawatankuasa yang bagus, tetapi saya ingin tahu kenapa cadangan kami yang telah dibuat pada tahun 2004 dan sebelum itu di mana kami telah cadangkan dari pembangkang iaitu kita perlu adakan satu *Select Committee* ditubuhkan oleh Parlimen untuk mengambil kira semua hal ehwal berkenaan dengan masyarakat yang termiskin di negara ini termasuk masyarakat India, termasuk Orang Asli, Kadazan, Iban, masyarakat Cina dan masyarakat bumiputera yang lain.

Bukankah ini satu *Select Committee* yang mendapat input dari semua masyarakat di negara ini supaya mereka boleh pergi ke seluruh negara, mengetahui apakah situasi yang terkini, apakah *on the ground* perkara yang perlu diambil tindakan supaya kerajaan dapat tahu masalah yang serius yang sedia ada dalam masyarakat. Jangan kita hanya khaskan kepada masyarakat India sahaja walaupun saya rasa kita semua tahu...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Berdiri]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bahawa kerajaan ingin menolong masyarakat India kerana kita semua tahu pada tahun 2008, Kerajaan Barisan Nasional tak sangka langsung bahawa pengundi-pengundi dari masyarakat India yang sebelum ini yang memberi sokongan yang kuat kepada Barisan Nasional dengan sekali gus telah memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat. Lebih dari 80% dikatakan pengundi-pengundi masyarakat India telah memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat. Maka kerajaan, kerajaan bukan dengan niat yang baik tetapi rasa dia nak cari satu jalan supaya mengatasi masalah ini, saya rasa ini semua satu drama.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ipoh Barat, saya dengar bahawa cara Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan bahawa apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk menganjukkan ekuiti-ekuiti ekonomi masyarakat Malaysia yang dijanjikan oleh kerajaan tidak begitu konstruktif. Saya dengar lebih kurang macam itu dan juga pada masa kebelakangan ini, saya pun dengar, melihat dan baca dalam surat khabar bahawa ada beberapa orang yang pergi membuat laporan polis terhadap bekas Menteri, Datuk Seri S. Samy Vellu bahawa terdapat penyelewengan dalam perbelanjaan duit bagi pembinaan kolej universiti di Semeling. Dikatakan bahawa duit yang dikutip, kerajaan memberikan lebih RM300 juta dan keseluruhan duit yang dikutip berjumlah lebih daripada RM600 juta.

Padahal dalam laporan polis dikatakan bahawa hanya sekadar RM200 juta lebih sahaja dibelanjakan, itulah perbelanjaan sebenar, RM200 lebih juta untuk membina universiti itu. Jadi saya hendak tahu ulasan dari Yang Berhormat Ipoh Barat, mungkin kah ada satu rompak yang

besar berlaku dalam kadar ratusan juta ringgit oleh beberapa pemimpin Barisan Nasional dan juga mungkin kah kerajaan UMNO-Barisan Nasional cuba melindungi perbuatan kesalahan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat cakap macam ini, lain kali orang cakap macam itu nanti, jangan bising Yang Berhormat ya? Saya tegur awal-awal Yang Berhormat, saya tegur awal-awal.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta maaf kalau ada kekurangan dari saya tapi saya rasa Dewan ini perlu tahu kebenaran yang berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya mengetahui peraturan Dewan Yang Berhormat, tak payah ajar saya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta maaf tapi saya mahu tahu, adakah ini adalah cubaan untuk melindungi perbuatan perilaku salah ataupun jenayah yang dilakukan oleh beberapa orang yang tertentu.

#### ■1500

Cuma itu saya mahu tahu. Ini berlaku pada satu masa di mana kerajaan telah beberapa kali menjanjikan bahawa anjakan akan berlaku kepada ekuiti ekonomi masyarakat-masyarakat Malaysia tetapi tidak berlaku, dan penyelewengan-penyelewengan ini berlaku.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Betul ada beberapa penyelewengan di mana polis sedang menyiasat. Saya akan ulang mengenai perkara itu pada akhir ucapan saya tetapi yang lebih mustahak adalah bukan kali pertama kita ada penyiasatan seperti ini. Pada tahun 1992 di mana Maika Berhad skandal di mana semasa itu Ketua Pembangkang telah membangkitkan perkara itu di Parlimen. Walaupun perkara itu adalah kepentingan orang ramai akan tetapi dia telah dibuang, telah di *expel* dari Parlimen untuk lapan bulan.

Inilah satu hadiah kepada pembangkang dan saya harap kerajaan akan serius dalam penyiasatan ini dan kalau boleh memberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan dan kepada *donors* yang telah membuat kepada universiti dan kolej-kolej ini di mana penyelewengan kewangan dan kenapa lambat mengambil tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kabinet komiti ini - saya hendak tahu siapakah akan menjadi anggota-anggota kepada komiti ini dan apakah *terms of referencenya*? Saya difahamkan hari ini pukul 3.00 petang, Timbalan Perdana Menteri akan berada di Parlimen *to chair meeting* ini di mana beberapa *of old school thoughts* telah diajak untuk datang untuk memberi pandangan mereka kepada Timbalan Perdana Menteri mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India.

Jangan kita lupa Tuan Yang di-Pertua tahun dulu tahun 2007 bila masalah HINDRAF bermula, selepas itu bila penangkapan kepada lima ketua itu yang sekarang di Kemunting. Selepas itu Perdana Menteri telah mengadakan satu mesyuarat yang tertinggi telah diadakan

dengan NGO-NGO. Apa telah jadi kepada itu? *What is the outcome?* Langsung tidak ada apa-apa, tidak ada tindakan susulan, tidak ada apa-apa diambil oleh kerajaan, hanya setakat publisiti sahaja yang dibuat. Tidak ada sebenarnya turun ke akar umbi untuk menyiasat, untuk mengatasi masalah-masalah yang rumit.

Saya kerap kali telah membangkitkan perkara ini di mana masyarakat India dengan izin, *highest electricity, highest crime rate, highest single mothers, highest unemployment, highest dropout and college university* di masyarakat India, bukan kali pertama.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap lagi. Ini untuk Kadazan pun ada hendak tanya, sekejap lagi. *A few minutes*, sekejap lagi. Ini perkara bukan baru, pada tahun 1997 saya ingat lagi telah bangkitkan perkara ini. Sampai sekarang perkara ini tidak ada satu keseriusan oleh Barisan Nasional.

Akan tetapi yang lebih mustahak, saya ada beritahu kepada Yang Berhormat Putatan sebelum ini semasa makan. Saya katakan, saya hairan kenapa kita *confine* ini hanya untuk masyarakat India? Bukankah ada masalah sedemikian juga dengan masyarakat Kadazan, masyarakat Iban, masyarakat Orang Asli, masyarakat terpinggir, masyarakat orang Melayu, semua ada masalah. Bukankah lebih baik kita ada satu *Select Committee*.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan. Terima kasih kerana menyentuh bangsa saya. Terima kasih sahabat saya dari Ipoh Barat. Saya minta nasihat atau minta pandangan daripada Yang Berhormat. Bangsa Kadazan ini sama Iban *native* di negeri Sabah, semua *natives* lah yang dikatakan terpinggir, yang dikatakan terbiar, tidak mengeluh, tidak marah sama kerajaan.

Walaupun mungkin pada satu ketika Yang Berhormat Ipoh Timur menyatakan orang Kadazan ini makan muntah anjing tetapi tidak apa. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat adakah kalau Kadazan sama Iban semua Dusun, Melanau ini berarak seperti Hindraf itu, adakah itu berkesan atau tidak seperti mana yang *street demonstration* itu supaya kita juga dapat 50% kemudahan daripada kerajaan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Nombor satu adakah kita perlu ada demonstrasi untuk kerajaan sedar? Bukankah tanggungjawab kerajaan untuk mengambil tahu masalah ini tidak perlu kita adakan demonstrasi. Akan tetapi di mana bila kerajaan enggan mendengar, kerajaan tidak ingin dengar, tidak mahu tahu mengenai perkara itu. Itu sebab kita ada demonstrasi. Mengenai masyarakat Kadazan saya kesian, saya rasa satu *denial* yang dibuat oleh Yang Berhormat Putatan kerana kerap kali perkara ini dibangkitkan di Parlimen, ramai di antara Ahli Parlimen mengaku bahawa ada kemiskinan yang paling teruk di negara ini adalah di Sabah.

Takkan perkara ini Yang Berhormat tidak tahu? Adakah Yang Berhormat kerana saya bahas untuk semua masyarakat Yang Berhormat tidak sedia untuk menerima satu *statement of*

*fact*, satu *statement of reality*, but adakah masalah yang sangat serius kepada masyarakat Kadazan, masyarakat Iban, masyarakat Dusun dan sebagainya?

Akan tetapi yang lebih mustahak, saya hendak *confine* saya hendak pergi ke asasnya. Kenapa kita hanya ada satu jawatankuasa untuk masyarakat India, kenapa? Ini kerana senang sahaja, kerana kerajaan sudah tahu *there is a shift of voters*, pengundi-pengundi India. Itu sebab kita kata kita mahu Presiden MIC, kita mahu seumur hidup S. Samy Vellu menjadi presiden dia. Saya sokong kerana dia betul-betul memberi manfaat kepada masyarakat India. Itu pandangan Barisan Nasional, saya sokong.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat dulu mengutuk Presiden MIC dulu semasa sebelum ini, sekarang puji pula, pasal apa?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini kerana saya seronoklah, saya seronok. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua mengenai parti-parti politik Barisan Nasional, kata-kata kasar kepada Presiden MIC ini semua tidak elok. Oleh kerana pada Presiden UMNO dan lain-lain *Cabinet Ministers* semua mengatakan bahawa Presiden MIC itu adalah satu presiden yang perlu; hanya ahli-ahli MIC sahaja akan menukar presiden itu tetapi masa itu belum lagi tiba. Saya rasa itu adalah satu yang betul. Saya sokong, bukan saya sokong kepada Datuk Seri Samy Vellu saya pun sokong Yang Amat Berhormat...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ya, saya sokong.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya rasa saya harap dia akan melanjutkan tugas dia sebagai Perdana Menteri. Dia satu Perdana Menteri yang *open*, yang dapat ambil tahu masalah-masalah di negara ini dan mencari jalan untuk mengatasi masalah ini. Jangan kita ada sistem kekerasan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat, ada perasan atau tidak kita sebagai orang politik sepatutnya kita mahu serius. Akan tetapi saya nampak hari ini, ini sebagai orang politik *you* kasi mainkan semua. Sekejap kata kondem habis-habis Samy Vellu, *sorry* sepatutnya tidak boleh sebut namanya Presiden MIC. Akan tetapi sekejap kata tidak sokong habis-habis. Ini bukankah mengelirukan rakyat?

Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat ada kata kita macam kaum India sudah tinggal jauh, tetapi sampai hari ini kalau tidak salahlah Yang Berhormat Ipoh Barat pun tiga penggal di Dewan yang mulia ini? Apa kita sudah buat untuk kita punya kaum India?

Kita ada buat satu tindakan mendidik kaum India kita macam mana dibangunkan kaum India. Pasal saya ada *confuse* sedikit pasal dalam masa dialog sama kaum India dalam beberapa bulan ini, kaum India kata saya *specifically* saya tanya. Yang Berhormat Ipoh Barat ada India dari Perak tanya, saya kata apa pasal *you* punya wakil rakyat tidak peduli sama kita macam mana mahu bangunkan kita kaum India? Dia kata tidak ada. Ini bukan saya cakap, kalau dia mahu saya boleh bawa dia punya rakyat mari jumpa. Apa *you* sudah buat sebagai



wakil rakyat? Sepatutnya apa patut kita mahu buat sebagai bertanggungjawab sebagai wakil rakyat Malaysia ini. Minta penjelasan.

■ 1510

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua hal, nombor satu mengenai Datuk Seri Samy Vellu. Dulu sebelum dia kalah itu dia angkuh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, mula-mula dia orang buat *standing order*, tidak boleh sebut nama tetapi dia sendiri sebut nama sekarang.

**Beberapa Ahli:** Dia bukan Ahli Parlimen, dia bukan Ahli Parlimen.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Macam mana ada *double standard* ini? Ini Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, baik Yang Berhormat. Duduk, duduk.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tadi saya salah sebut...

**Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]:** Samy Vellu bukan Ahli Parlimen lah...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat dari Ipoh Barat, apa dia sebut semua betul.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bangun hormat sama Speaker lah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Apa macam BBC *Chairman*? Dia bukan Ahli Parlimen lagi. Dulu dia Ahli Parlimen, dulu semasa dia Menteri dia sangat angkuh. Sekarang lepas dia kalah, dia orang baik. Jadi saya rasa, mungkin masa...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Nanti sekejap, biar saya habis.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak baik. Ini sangkaan jahat. Kata dalam Bahasa Inggeris, *don't* perlu *people*, *don't* perlu *the person*. Kalau *you* kata dia tak dapat buat apa-apa perubahan, mintalah, celah dalam Dewan apa patut dia mahu buat. Tak usah dalam Dewan kasi perlu sama orang buat apa.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Siapa punya *floor* ini?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya Yang Berhormat mintalah Yang Berhormat. Tak payah bagi, kalau saya tak bagi jangan bagi Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, saya akan alihkan tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sebab kita ini dah cerita hal politik Yang Berhormat. Siapa nak jadi Presiden MIC kah, masuk MIC jadi Presiden.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap, bukan, bukan. Saya setuju. [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Setuju apa? Jadi Presiden MIC?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *No way.* Bukan, itu nombor satu untuk menjawab soalan. Nombor dua, masalah masyarakat India. Saya rasa saya sangat seronoklah kerana Yang Berhormat Bintulu, di kawasan dia mungkin ada tiga orang masyarakat India tetapi dia berani untuk mengambil tahu mengenai masyarakat India. Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Bintulu, kalau boleh tolong lawat ke kawasan saya lah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ya. [*Tepuk*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap, *don't get excited.* Biar saya habis. Minta maaf, biar saya habis dulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk dulu, biar dia habis Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan, duduk dulu. Yang Berhormat Putatan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Di kawasan saya, ada satu kawasan di mana ada ramai *single mother*, ramai gengster, ada banyak masalah yang berkaitan dengan masyarakat India kerana satu di antara kawasan di negara ini di mana ada satu di antara empat pengundi adalah masyarakat India. *One of the highest Indian populated areas in the country, highest single* tempat di mana masyarakat India adalah di kawasan saya. Jadi saya tahu mengenai perkara itu tetapi orang yang melaporkan kepada Yang Berhormat Bintulu saya tidak hairanlah kerana ada orang baik dan orang jahat. Ada yang orang boleh dengar dan orang yang tak boleh dengar dan juga ada daripada Pakatan Rakyat dan ada yang bukan daripada Pakatan Rakyat seperti UMNO dan MIC.

MIC punya orang jumpa sama Yang Berhormat Bintulu saya tak hairanlah lagipun kita semua tahu Yang Berhormat Bintulu ini orang kaya, dia suka tolong orang. Jadi mereka beri berita-berita buruk mengenai perkara saya, saya tidak hairan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkas, ringkas Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Akan tetapi saya mahu bagi Yang Berhormat Ipoh Barat, *you* patut mahu cakap terima kasih itu orang bagi tahu sama saya punya, dia memang pilihan raya dua penggal sokong Yang Berhormat Ipoh Barat, dia undi Yang Berhormat Ipoh Barat. Itu lima orang daripada kumpulan itu. Dia kata sampai hari ini Yang Berhormat Ipoh Barat belum buat apa-apa cadangan termasuk ibu tunggal.

Sepatutnya kita buat tindakanlah macam mana mahu kasi maju, mahu kasi bangun ibu tunggal. Sepatutnya kerajaan pun ada banyak bantuan daripada Kementerian Kebajikan tapi saya mahu tanya berapa orang susah *you* sudah hantar nama? Apa cadangan sudah? Tadi kalau termasuk *you* cakap itu gengster itu hari, penggal yang lepas saya cerita gengster punya

masalah saya tak nampak *you* masuk sokongan. *You* punya kawasan pun ada masalah, Yang Berhormat Ipoh Barat punya kawasan pun ada masalah. Diam saja, senyap, semua aman. Sekarang jenayahlah, macam-macam cerita.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, terima kasih. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sudah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, senyap-senyap...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tidak faham, saya *confuse*. Saya nak tanya saja.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya akan fahamkan Yang Berhormat. Sekejap, sekejap. Kerana saya senyap tidak bererti saya setuju kepada pandangan Yang Berhormat. Ada laporan polis pun terhadap Ahli-ahli Parlimen. Saya bukan nak katakan perkara itu di sini tetapi yang lebih mustahak adalah ini. Kita ada situasi, masalah. Sebenarnya bila kerajaan Pakatan Rakyat ditubuhkan di Negeri Perak, kalau kita ada lagi tiga tahun, semua masalah dapat diselesaikan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap, sekejap. Belum habis lagi. Baru 1%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tetapi kerana rampas kuasa, rampas kuasa cara yang *illegal*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dengar, dengarlah Yang Berhormat. Kita kena dengarlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan duduk dulu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Immoral*.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini kita sudah mula, kita sudah mula di Negeri Perak untuk menolong mereka. Kita salurkan wang kepada mereka, kita menolong mereka. Semua ini sudah ada prinsip, kita ada polisi-polisi tertentu. Bukan macam Barisan Nasional, cakap tetapi tidak buat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Bagi, bagi laluan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Macam kebajikan. Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat banyak aduan. Kerap kali bila saya pergi ke *market-market* di kawasan saya mengatakan satu tahun dulu sudah buat laporan, sudah membuat permohonan katakan layak tetapi wang kebajikan belum disalurkan kepada mereka. Jadi saya kata kita belum ambil kuasa lagi di Persekutuan, tunggulah sekejap. Bila Barisan Nasional jadi pembangkang, kita boleh

menolong. Ini Barisan Nasional dia pekak, dia tak mahu dengar. Apa kita nak buat? Akan tetapi bila saya dalam proses perbincangan, mereka curi kuasa. Curi kuasa daripada kita. Sekarang negeri pun sudah hilang. Apa kita nak buat? *The will of the people , the will of the people....*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh? Bagi lagi boleh? Yang Berhormat Ipoh Barat boleh bagi lagi?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini kawan saya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Sayalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya kagumlah dengan Yang Berhormat Bintulu yang begitu prihatin tentang Yang Berhormat Ipoh Barat tetapi saya minta Yang Berhormat Bintulu, saya nak ulasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat, yang saya dengar tadi Yang Berhormat Bintulu cerita tentang Yang Berhormat Ipoh Barat itu saya nak nasihat, dekat dengan Bintulu, DAP sudah pun memang. Bila DAP menang di situ, bermakna Yang Berhormat Bintulu sendiri tidak 100% disokong oleh semua orang dan ini satu petanda balik jaga kawasan baik-baik. Jangan kali ini semua hilang.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya belum habis lagi, saya belum habis. Saya ambil daripada Yang Berhormat Ipoh Barat ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Bila boleh bagi laluan? Lama sudah...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Dan seperkara lagi, bila dengar tentang gengster-gengster punya hal, baru seminggu yang lalu, satu pembunuhan yang kejam berlaku di Ipoh. Satu pembunuhan, seorang...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Itu bukan minta penjelasan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta ulasan daripada Ahli Parlimen Ipoh Barat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini gengster mana ada timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Putatan, duduklah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Di Ipoh Barat, bekas Ketua Pemuda MIC,

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Pannirselvam

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Pannirselvam, orang kanan Samy Vellu, orang kanan Samy Vellu. Masa itu saya kanan, dia kirilah. *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ya, ya. Betul, betul tapi saya sudah jumpa dengan Tok Guru Nik Aziz, saya sudah kena tarbiah sekarang. Jadi ini, Yang Berhormat Ipoh Barat, saya minta ulasan, orang kanan kepada Samy Vellu dibunuh dengan kejam di tengah-

tengah jalan raya oleh puluhan orang yang serang dengan parang tetapi sehingga hari ini belum ada apa-apa hasil daripada siasatan polis. Belum ada apa-apa hasil siasatan polis, apa berlaku?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Okey. Yang Berhormat Padang Serai, saya tahu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh sekali gus kah?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini Yang Berhormat Padang Serai pasal apa?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi Yang Berhormat Bintulu, jangan sampai hilang semualah. Balik kerja.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Masalah gengster perlu diambil perhatian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat ini, Yang Berhormat, jangan berucap dalam Dewan lagi. Kita pergi kat luar Yang Berhormat. Kalau tak nak ikut peraturan, kita berucap dekat luar saja Yang Berhormat *then* kita tidak ada aturanlah. Kalau dalam Dewan, minta tolonglah hormat sikit. Yang Berhormat. Kalau nak bercakap lepas ini saya bagi Yang Berhormat. Saya dah janji nak bagi Yang Berhormat Putatan tapi kalau berdiri selalu sangat saya tak jadi bagi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya pergi ke topik yang lain. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang rumit adalah mengenai kehilangan pekerjaan di negara ini dan baru-baru ini satu soalan yang telah saya bangkitkan, saya telah terima jawapan di mana mengatakan bahawa setakat ini hanya 5,829 orang sahaja, pekerja tempatan 13,821 orang telah hilang kerja dan dijangka pada tahun 2009, di antara 40,000 ke 58,000 akan hilang kerja. Akan tetapi saya rasa angka ini mungkin tidak betul kerana kita semua tahu lebih daripada 300,000 orang sedang bekerja di Singapura di mana lebih daripada separuh di antara mereka akan digugurkan kerja mereka dan ini akan menjadi satu masalah yang sangat besar.

Saya harap kerajaan akan mengambil inisiatif yang baik supaya semua orang ini yang akan dibuang kerja bukan saja di Singapura, saya difahamkan setakat ini lebih kurang 50,000 telah diberi notis dan di negara kita sendiri beberapa kilang-kilang telah tutup dan dalam proses penutupan tetapi tidak ada inisiatif-inisiatif yang baru, polisi-polisi yang baru untuk menolong mereka.

#### ■1520

Kerajaan Pulau Pinang telah bercadang supaya sekurang-kurangnya 800 dibayar setiap bulan kepada penganggur-penganggur ini. Ini adalah satu perkara yang patut diambil kira oleh kerajaan dan jangan kita lupa pada akhir tahun dulu kerajaan menyatakan kita ada *full employment*. Bermakna di mana tidak ada orang yang tidak ada kerja di negara ini dan kita ada situasi untuk mengadakan bila mereka dibuang kerja untuk menolong mereka mendapat elaun-elaun bulanan kepada yang telah digugurkan kerja yang menjadi penganggur seperti di negara-negara barat. Kita ada kewangan untuk menolong mereka. Saya harap kerajaan akan ambil kira

kerana ini adalah satu perkara yang sangat serius kalau kita tidak mengatasi masalah ini ia akan menjadi rumit di mana ramai di antara rakyat Malaysia sendiri tidak ada kerja kerana kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan Disember - Kokus pekerja dan pekerja asing telah berjumpa dengan Menteri Dalam Negeri dan telah bertanya dengan dia dan beliau telah memberi aku janji bahawa tidak akan mengambil pekerja-pekerja asing melainkan untuk *plantation* dan sebagainya. Akan tetapi saya difahamkan ada lagi juga setiap hari, baru-baru ini saya di KLIA saya nampak beratus-ratus orang asing datang. Difahamkan permit-permit telah dikeluarkan, *call card* telah dikeluarkan dan mereka akan dibenarkan masuk dan mendapat kerja di negara ini.

Apabila saya berjumpa, saya keluar tetapi saya balik dan tanya kepada pegawai imigresen, dia pun hairan. Dia kata, "Kerajaan kata satu tetapi di dalam realiti lain". Dia kata, dari pengetahuan beliau, sekurang-kurangnya setiap hari tidak kurang 1,000 orang asing datang. Walhal kita ada masalah dengan warganegara kita sendiri. Pekerja-pekerja kita akan dibuang kerja, tidak dapat ruangan untuk kerja.

Saya telah kata beberapa kali di *five star hotel*, saya tidak faham kenapa kita perlu ada pekerja-pekerja asing. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke *five star hotel* di Kuala Lumpur beratus-ratus pekerja asing. Kenapa kita perlu ada pekerja-pekerja asing di sana, walhal kita ada pekerja-pekerja di negara kita sendiri. Warganegara kita sendiri.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ipoh Barat. Saya cuma ingin menyelit di sini bagaimana dengan alasan pengusaha-pengusaha tempatan bahawa mereka terpaksa mengambil buruh dari luar negara kerana pekerja-pekerja kita sendiri tidak komited dan mengadu bahawa bayaran gaji terlalu rendah. Hanya orang dari luar sahaja yang mahu menerima gaji serupa itu. Jadi sekiranya perkara ini tidak diatasi dan tidak ada dasar maka selama-lamanya kita akan menghadapi masalah ini. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Itu soalan yang baik. Perkara ini kita telah timbulkan pada kerajaan. Dia mengalih, memberi alasan-alasan yang lain tetapi secara rasionalnya *argument* mereka yang lemah adalah ini. Tidak ada satu yang rasional kenapa sehingga kini kita tidak ada gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada gaji minimum ia akan mengakibatkan semua majikan memberi gaji minima sebelum satu pekerja diambil. Yang menjadi masalah sekarang adalah keutamaan adalah diberi kepada pekerja-pekerja asing. Pekerja-pekerja asing maklumlah Tuan Yang di-Pertua, mereka jarang jatuh sakit, tidak perlu pergi majlis kahwin, tidak perlu pergi macam-macam majlis. Dia tidak ada kena mengena dengan *social activities* di negara ini tetapi pekerja-pekerja kita lain, mereka perlu faham tetapi kerajaan telah membuat satu dasar yang salah.

Di sesi yang dulu satu pendirian, saya hairan dengan apa yang dikatakan oleh Menteri dalam jawapan beliau menyatakan bahawa pada masa sekarang bukanlah satu masa untuk mengadakan gaji minima kerana kegawatan ekonomi. *What's a laughing stock?* Adakah ini satu alasan. Alasan sebelum itu mengatakan kita bukan lagi akan menjadi kompetitif. Itu yang dikatakan oleh Perdana Menteri yang dahulu, serupa. Itu alasan dia. Ini semua tidak boleh guna pakai. Ini satu alasan-alasan yang tidak boleh diterima. Yang mustahak *bottom line* adalah kita perlu.

**Prof. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ipoh Barat. Isu pekerja asing ini adalah satu isu yang sangat-sangat kompleks dan rumit, sebab kita ada 27% daripada jumlah pekerja Malaysia adalah pekerja asing. Pulau Pinang 23% adalah pekerja asing. Seperti mana yang kita maklum, Malaysia ini adalah negara yang di mana undang-undangnya adalah begitu ketat dan juga undang-undang mengandungi unsur di mana pekerja asing yang datang sini yang kerja tanpa permit boleh dirotan dan boleh dipenjarakan mandatori.

Walaupun bagaimanapun, realitinya pekerja asing ini di tambah. Walaupun dalam situasi kelembapan ekonomi, kita nampak bahawa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat pekerja asing ini bertambah. So ini merupakan satu isu yang kita perlu menghadapi dan saya rasa saya pun tidak setuju dengan Menteri Sumber Manusia dia katakan memang kita mengurangkan. Namun saya tidak nampak satu tindakan yang aktif. Memang ada pekerja asing dikurangkan tetapi ada juga kilang-kilang MNC kurangkan pekerja asing di Pulau Pinang terutamanya tetapi di samping itu pekerja asing ditambahkan. Ini yang akan menjadi masalah kepada penduduk tempatan di mana situasi sekarang ini penganggur ini sangat meningkat.

Inilah satu yang dikatakan dalam bahasa Inggeris satu *conundrum* di mana kita tahu masalah dia tetapi kita tidak ada satu jawapan. Bagaimana kita akan menghadapi krisis kelembapan ekonomi di mana 27%. Cukup besar di dunia, di global standard. Maka Yang Berhormat Ipoh Barat ini kita bagi penjelasan bagaimana kita menjelaskan apa yang disebutkan tadi *conundrum* di mana kita ada undang-undang begitu ketat, begitu kuat sekali tetapi di samping itu pekerja asing meningkat di Malaysia. Terima kasih.

**M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, mengadakan atau ada undang-undang itu tidak cukup. Kita tahu tahun dahulu lebih kurang 226 kroni-kroni Barisan Nasional telah diberi permit untuk mengambil membawa pekerja-pekerja asing. Apa terjadi kepada perkara itu? Tidak ada penafian bila saya bangkitkan perkara itu. Di mana di antaranya telah mendapat pendapatan lumayan, berjuta-juta ringgit, tidak perlu kerja kerana membawa pekerja-pekerja asing. *This is a fantastic trade.* Berjuta-juta ringgit boleh dikaya dan dikayakan. Mana ada rasional, mana ada polisi?

Katakan satu buat yang lain. Itu kita perlu cari tetapi yang lebih asas yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Kawan adalah ini bahawa kita perlu mengambil kira bahawa pekerja-

pekerja yang sedia ada kelonggaran dan kita perlu menolong pekerja-pekerja kita sendiri. Jangan kita...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Just one minute.* Pekerja-pekerja, kita perlu memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja kita memberi *first chance* kepada pekerja-pekerja kita. Dalam proses ini saya juga ingin kata bahawa pekerja-pekerja asing mereka kerap kali dianiaya, tidak dibayar gaji, permit tidak di *renew* dan ini juga kita perlu memberi perlindungan kepada mereka; di mana negara Malaysia adalah satu negara di antara negara yang terbesar dalam import pekerja-pekerja dari luar negara.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Barat. Di negara kita ada banyak restoran India. Memang restoran India berkembang pesat. Pekerja-pekerjanya semua datang daripada India, daripada tukang masak sampai pekerja. Yang kita ketahui ialah orang-orang anak-anak India dalam negara tidak mahu bekerja; sama ada belajar sebagai tukang masak ataupun sebagai pekerja biasa. Kononnya sebab ada sebab-sebab tertentu.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat sendiri sebagai mewakili antara penyokong-penyokong kuat Yang Berhormat adalah orang India. Apakah Yang Berhormat buat untuk memastikan anak-anak India sanggup bekerja di restoran-restoran India ini?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan bekas Menteri, kita mahu jawab dengan betul-betul. Kalau tidak saya pun mungkin akan disingkir.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah setakat masyarakat India yang bekerja di kedai-kedai, kita tahu masalah tersebut. Pertama, gaji-gaji yang dibayar hanya sebanyak...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, gaji tukang masak di restoran India RM2,500 sebulan, adakah itu kecil? Saya sendiri pernah mencari anak-anak India untuk melatih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dengar dulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih kerana memberi input kepada saya. Mungkin Yang Berhormat ada kedai-kedai di mana dibayar RM2,500 tetapi untuk mendapat *cook-cook* yang bagus, yang terkenal, itu susah nak cari di negara ini. Itu perlu satu *skill* yang bagus mengenai perkara tersebut. Akan tetapi yang lebih mustahak adalah di restoran-restoran dan juga di kedai-kedai mamak, kenapa kita ada ramai pekerja asing? Kerana kelonggaran,



kelonggaran diberi oleh kerajaan sendiri. Mungkin semasa Yang Berhormat menjadi Menteri telah memberi kepada 200 lebih syarikat di mana sekarang kita ada masalah tersebut.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin saya bertanya sekali lagi kepada Yang Berhormat. Sebenarnya restoran-restoran sanggup melatih anak-anak India sebagai tukang masak tetapi tidak banyak yang mahu. Dan juga saya difahamkan ada soal yang berkaitan dengan sistem kasta, ramai yang datang daripada India dan datang daripada satu kasta dan anak-anak India tempatan tidak begitu minat kerana berkecimpung dan bekerja dengan kumpulan yang berkasta begini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, saya tahu ada kasta, kasta tidak ada. Akan tetapi lebih mustahak adalah untuk mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Bukit Bintang bisik saja cukup tu.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa salah satu kelemahan kerajaan ialah KDN sering mengeluarkan permit kepada pengimport-pengimport pekerja asing. Saya dapat tahu bahawa setiap permit dikeluarkan berharga RM3,000, ini bermakna ramai pekerja asing akan diimport ke Malaysia walaupun Kementerian Sumber Manusia tidak bercadang mengimport lebih pekerja asing ini. Adakah Yang Berhormat sedar?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya rasa polisi yang sedia ada adalah satu polisi yang tidak serius. Kita ada polisi yang baik tetapi tidak diimplementasikan. Macam kita membawa pekerja, kelonggaran dengan *such ease* boleh membawa pekerja-pekerja asing walaupun kegawatan ekonomi. Macam mana kita boleh rasionalis kita ada ribu-ribu orang, hari-hari datang ke negara kita untuk bekerja, itu satu perkara yang tidak boleh diterima.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Boleh saya tanya soalan? Izinkan saya, saya ingin mencabar Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat sendiri di mana ada restoran India cuba membawa anak-anak India ini bekerja dan saya jamin kalau ini berlaku saya rasa kerajaan tidak akan mengizinkan yang lain dibuat seperti mana yang disebutkan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, saya rasa, Yang Berhormat, senang Yang Berhormat untuk membuat kenyataan tersebut, satu cabaran yang tidak ada asas, itu perlu faham kerana... *[Dewan riuh]*

Saya tahu kawan-kawan saya ada, di kawasan saya mungkin ada lebih kurang 80 kedai India, *no problem*, ramai di antaranya adalah pekerja-pekerja asing. Akan tetapi kenapa mereka ada pekerja-pekerja asing? Kerana gaji yang dibayar oleh majikan, itu masalah nombor satu, *number one factor* kerana mengambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja di sini dengan membayar gaji RM500, RM600, bangun pukul 5 pagi sampai pukul 11 malam. Orang Malaysia

akan kerja kah? Dalam Parlimen pun orang tidak mahu kerja, hingga pukul 10 malam pun orang sangat susah. Takkan dalam situasi sedemikian orang akan bekerja. Yang Berhormat, jangan kita lari dari masalah yang ditimbulkan oleh Barisan Nasional.

Pertama, kalau kita memberi kelonggaran untuk membawa pekerja-pekerja asing ini, itu menjadi masalah. *The 3D's* dan perkara-perkara sedemikian kita boleh elak. Kalau kita tengok di Australia, New Zealand dan negara-negara yang maju, kenapa tidak ada masalah-masalah tersebut, *why they don't have the problem?* Kerana polisi-polisi yang ketat, hanya orang-orang yang betul-betul layak dibenarkan, kenapa kita tidak ada sedemikian? Kenapa kita tidak ada satu polisi yang rasional? Kenapa setakat ini kita tidak ada gaji minimum di negara ini?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik sebab Yang Berhormat sebut berkenaan dengan pekerja asing yang ramai sedangkan kita, sampai kerajaan sendiri beritahu kita ada masalah kemelesetan ekonomi. Saya teringat Menteri Kewangan pada masa itu masih lagi Menteri Pertahanan tetapi dia menyebut, kebimbangan kita pada tahun ini, jumlah wang yang kita bayar dan pekerja-pekerja asing ini akan bawa keluar, *remit* kan duit ke luar negara kita berjumlah sampai RM18 bilion.

Kalaulah kita menghadapi masalah dan kita jangka kita nak buat suntikan *stimulus* dan sebagainya, RM18 bilion ini bukan jumlah yang kecil Yang Berhormat. Kalau katakan perkara ini terus berlaku dan tidak diambil iktibar atau tidak diambil langkah untuk mengatasi masalah ini kita akan lihat, kalau suntikan kedua pun kita buat nanti, akhirnya bocor RM18 bilion ini menjadi masalah besar kepada rakyat seluruh negara. Macam mana Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju pandangan yang sangat ikhlas itu, yang baik. Saya rasa itu adalah satu perkara yang perlu diambil tindakan supaya kita akan...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tunggu Yang Berhormat, yang membenarkan bercakap saya Yang Berhormat, bukan yang berbahas itu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ...yang rasional dan kita ada, seperti yang saya kata, kita ada polisi-polisi yang tertentu. Akan tetapi tidak memberi manfaat kepada warganegara kita sendiri. Saya harap kita ada satu rasional, kita ambil tindakan yang tegas untuk memberhentikan pengambilan pekerja-pekerja asing. Ini sekali gus akan menekan semua majikan untuk meningkatkan gaji dan juga *conditions* kerja supaya pekerja-pekerja di negara ini diberi keutamaan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka beralih kepada perkara yang lain...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Yang Berhormat, boleh saya tanya satu? Yang Berhormat, boleh saya tanya satu soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Siapa yang hendak bagi Yang Berhormat?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Gombak.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Dia bagi kawan dia.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya melihat Yang Berhormat Ipoh Barat menumpukan persoalan pekerja di dalam negara kita bermula daripada masalah pembuangan pekerja yang semakin meningkat. Akhirnya Yang Berhormat menyentuh soal Kerajaan Barisan Nasional ini tidak ada satu dasar yang jelas untuk melindungi pekerja dalam negara mahupun pekerja-pekerja asing.

Cuma saya nak pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat nampak bersungguh-sungguh menyatakan bahawa masalah ini serius, pekerja-pekerja di dalam negara kita dibuang kerja. Akan tetapi hanya beberapa hari yang lalu, Yang Berhormat Menteri daripada Segamat dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, dia kata masalah ini kecil sahaja. Dia kata tak sampai, lebih kurang yang disebut, statistik Kementerian Sumber Manusia melaporkan hanya 7,500 pekerja diberhentikan sejak Oktober 2008.

Jadi apakah ini sekali lagi *denial syndrome* yang menjadi amalan Barisan Nasional, tidak mahu menyatakan data dan statistik yang sebenar dan inilah yang menyebabkan juga ketidakmampuan mereka untuk merangka satu dasar berasaskan fakta yang tepat.

Yang kedua, saya ingin pohon pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, saya terima transkrip yang disediakan oleh Bahagian Penerbitan Dasar Negara Jabatan Penerangan Malaysia yang jelas mempamerkan dialog di antara Yang Berhormat Menteri sendiri dengan Ketua Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) di mana dalam dialog yang dipamerkan sendiri dan direkodkan sendiri oleh kerajaan, MEF melaporkan pada tahun ini sahaja jumlah pekerja Malaysia yang akan dibuang akan mencecah 200,000 orang, tahun ini saja.

Berbanding dengan tahun 1998, hanya 85,000 orang tetapi Yang Berhormat Menteri datang ke dalam Dewan Rakyat mewakili kerajaan tidak mahu menerima hakikat ini. Dan ini menyebabkan ketidakmampuan kita untuk merangka satu dasar yang tepat bagi melindungi pekerja-pekerja dalam negara. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak adalah satu perkara yang serius, saya rasa ada kekeliruan di sini dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Gombak menyatakan ada 7,500 yang telah dibuang kerja dari Oktober ke Februari, betul Yang Berhormat Gombak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Statistik Kementerian Sumber Manusia.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini statistik tipu kerana saya ada jawapan di sini Tuan Yang di-Pertua, dikatakan mulai 1 Oktober 2008 hingga 9 Februari 2009, sebanyak 19,650

orang telah diberhentikan kerja. Jumlah ini meliputi 13,821 orang pekerja tempatan dan 5,829 pekerja asing.

■1540

Ini adalah satu statistik nampaknya diberi dengan *convenience* Menteri yang tidak nampaknya, mungkin pegawai-pegawai dia telah mengelirukan beliau. Mungkin semasa jawapan beliau saya harap dia akan memberi alasan kenapa statistik ini sangat berbeza.

Nombor dua, saya setuju bahawa bukan setakat 200,000...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kota Belud Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejap. Bukan sahaja setakat 200,000 saja akan dibuang kerja. Saya rasa kalau kita tengok dari situasi di Amerika dan China, saya difahamkan kalau kegawatan ekonomi betul-betul serius sebanyak lebih 100 juta orang akan kehilangan kerja dan 200,000 nampaknya ada satu statistik yang sangat kurang walaupun Menteri tidak bersetuju kepada itu.

Akhir sekali yang saya hendak kata keseriusan Menteri tidak ada serius langsung kerana *caucus* pekerja dan pekerja asing telah menulis kepada Menteri pada bulan Disember mengatakan bahawa kita perlu ada satu temu janji. Saya sendiri telah mengatakan kepada beliau kita perlu adakan mesyuarat untuk membincang hal ini. MTUC pun telah menulis perkara itu walaupun ada beberapa Menteri-menteri yang lain telah mengadakan perbincangan dengan *caucus* tetapi nampaknya keengganan beliau menunjukkan tidak ada keseriusan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh barat. Soal tentang statistik yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh barat dan sahabat saya daripada Yang Berhormat Gombak, sebenarnya ini diputar belit. Kalau saya dengar tadi kata, penjelasan yang diminta oleh Gombak *operative word* ialah 'akan', akan dibuang kerja pada tahun 2009. Menteri datang pada awal minggu ini atau minggu lepas memberi statistik pada tahun lepas.

Jadi Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Ipoh barat jangan putar belit statistik dan tadi kalau tengok, kalau ini kita boleh baca Hansard besok. Kedua-duanya ucapan dari Yang Berhormat Ipoh barat dan juga Yang Berhormat Gombak menggunakan perkataan 'akan' dari MEF ini. MEF mengatakan pada tahun 2009 kalau keadaan ekonomi berlaku seperti ini...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...200,000 akan dibuang kerja. Jadi jangan putar belit fakta.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tiada putar belit langsung. Yang Berhormat tidak faham. Sini ada jawapan, kalau mahu Yang Berhormat boleh keluar dapat jawapan yang tertulis di sini, di mana semua ini nampaknya mengelirukan. Saya rasa ia mengelirukan Dewan ini.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Soalan berapa?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Soalan nombor 18 pada 19 Februari. Saya alih kepada perkara yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat pindah ke tempat yang lain. Yang Berhormat berucap hampir satu jam dan jangan bagi peluang banyak sangat. Nanti Yang Berhormat yang lain berucap tidak dapat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tidak kisah kalau Yang Berhormat bercakap tiga hari lagi pun, tidak kisah saya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima Kasih memberi kebenaran. Ini mengenai speaker sendiri, di mana dari satu *website*. Saya nak tanya dan saya nak baca semua ini apa yang telah dikeluarkan dari *website*, laman web yang disokong oleh UMNO. Saya nak tanya ahli-ahli UMNO, ahli-ahli Parlimen UMNO, adakah mereka menyokong apa yang ditulis oleh saudara mereka.

Dengan izin saya baca;

*“Daulat Tuanku, Daulat Tuanku, Daulat Tuanku, ampun Tuanku beribu ampun. Adalah menjadi harapan patik-patik sekian rakyat jelata agar Tuanku Sultan Perak mengambil tindakan segera ke atas Speaker Dewan Undangan Negeri Perak dan mereka yang bersama beliau menggantung Menteri Besar Perak dan barisan Exconya dari menghadiri Sidang ADUN Perak.*

*Tidak pernah dalam sejarah orang Melayu dan manusia bukan Melayu boleh membuat keputusan bahawa barang sesiapa yang hadir Majlis Tuanku Raja Melayu sebagai satu tindakan menghina negeri jajahan takluk Tuanku sendiri. Jika zaman dahulu, orang seperti Sivakumar ini sudah lama dibunuh oleh Laksamana Melayu. Hari ini orang Melayu sudah menjadi bacul sebaculnya.*

*Tidak pernah dalam sejarah Melayu, pembesar Melayu mengangkat sembah kepada bukan Melayu. Hari ini sudah berlaku di Adun Perak dan Selangor. Ampun Tuanku beribu ampun sembah patik harapkan diampun.*

*Sejak April 2008, cacing sudah menjolok mata, apakah Tuanku ingin cacing ini terus bermaharajalela tanpa batasan. Pada hemat patik, pacal yang hina sudah tiba memerintahkan hukuman buang negeri ke atas sekumpulan bukan Melayu yang merasakan mereka sekarang Raja di Perak. Jangan terus berdiam diri, patik khuatir suatu hari nanti ‘nasi sudah menjadi bubur’, tragedi Kuala Sepetang berulang lagi. Nyahkan Sivakumar dan mereka yang terbabit membuat keputusan kononnya menghadiri Majlis Tuanku satu kesalahan keluar dari negeri Perak Darul Ridzuan. Apakah guna seorang rakyat Tuanku, jika*

*Majlis tuanku pun dianggap haram dan hina. Cukuplah orang Melayu menjadi bacul, jangan sampai penaung orang Melayu pun dilihat tidak bertaring.*

*Ampun tuanku sembah patik haraplah diampun. Sembah dari rakyat marhaen editor MYKMU sokong UMNO.”*

Apakah pendirian Ahli-ahli Parlimen UMNO dalam hal ini?

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang Dipertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Pada hari Sabtu, satu laporan polis telah dibuat. Hingga hari ini sudah 80, lebih kurang 40, lebih daripada 48 jam, tidak ada satu Ahli Parlimen di negara ini mengatakan bahawa mereka tidak ada kena-mengena, tidak menghormati. Apa yang ditulis ini tidak benar, *distance away*. Ya, Yang Berhormat Rompin selalu pandai...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan yang Dipertua, Yang Berhormat Ipoh Barat ini mengambil satu pendapat *blogger* dan pendapat itu dijadikan sebagai satu isu menentang UMNO dan sebagainya. Kita sendiri dalam Parti Barisan Nasional tidak *racist* tetapi Yang Berhormat membawa satu isu *racist*. Kalau saya hendak bawa segala apa yang ditulis oleh orang Cina dan orang India lagi teruk dalam Parlimen. *[Tepuk]* Akan tetapi kita tidak bawa sebab kita bukan *racist* dan kita tidak menggalakkan isu *racist* dibawa dalam Dewan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Nombor satu kita perlu faham, *UMNO is a racist party, racial party*. Jangan kita lari dari *racial*...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *Racial* adalah asasnya tapi bukan *racist*, bukan *racist*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ia *racist party*. Itu terpulang kepada...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau UMNO...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *The core of the argument*, adakah Yang Berhormat bersetuju kepada pandangan ini? Adakah Yang Berhormat akan kata ini salah atau Yang Berhormat kata ini saya sokong. Itu soalan saya.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Ini soalan *racist*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Ahli Parlimen UMNO, berani katakan, *you got nothing to do with this*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tak setujuilah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ipoh Barat penjelasan.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Itu tak ada kena mengena dengan Parlimen.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** *Point of order* 36 (10)(b), (10)(c); perkataan yang harus menaikkan perasaan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** *Don't laugh young brother. Please don't laugh* dengan izin. Adakah Yang Berhormat hendak membangkitkan satu huru-hara di negara kita saya boleh baca Yang Berhormat, juga surat-surat yang ditulis oleh bangsa lain. Anda baca surat itu, saya boleh baca juga. Di mana pandangan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen yang tidak ada meletakkan kepentingan negara dari pemikiran yang sempit ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Apa yang *point of order* ?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** *No. Please sit down, brother please sit down* dengan izin. *This is my floor sit down before the approved...*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Point of order, point of order* apa?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Ya dengarlah dulu. Saya dengar di luar saya tidak tahan saya masuk. Saya dengan izin, *I respect for you*. Akan tetapi kita dalam politik mesti ada batasannya, bahawa kita membuat sesuatu *means* hati yang lain untuk membela kaum kita, parti kita di mana kita Ahli Parlimen sekarang ini Yang Berhormat . Saya boleh baca dalam *bloggers* Yang Berhormat, boleh baca tidak. Hendak saya bacakan esok.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Memang banyak.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Namun saya memaksa diri saya tidak bertanggungjawab, macam Yang Berhormat membaca surat layang. Adakah ini suatu perkara.. Saya minta satu *ruling*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dia tidak ada kelas!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Ini menghasut!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dulu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin]:** Mana boleh begini, saya boleh juga. Saya sekarang ini kawasan saya semua orang Melayu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik, sudah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya tidak bergantung kepada pengundi-pengundi Cina dan India, saya pun tidak. Walaupun penghuni di kawasan saya orang Melayu, orang Tionghoanya 2,000, orang Indianya 1,000 tapi saya jaga mereka, hati mereka. Yang Berhormat tidak cuba menjaga hati yang lain kerana kepentingan sempit politik Yang Berhormat. Saya hormat juga Yang Berhormat dari segi parti pembangkang tapi *rise above this all* Yang Berhormat dengan izin.

■1550

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak payah ajar saya dekat sini Yang Berhormat. Saya minta yang saya putuskan secara ringkas sahaja Yang Berhormat berhentikan ceritalah ya. Dan satu lagi

perkataan Yang Berhormat tadi UMNO *racist party* ini salah Yang Berhormat. *Racial* lain *racist* lain.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang ini kena tarik balik ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang ini Yang Berhormat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tafsiran yang sama...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ipoh Barat kena tarik balik.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya telah bukan...

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Yang tuduh UMNO itu Tuan Yang di-Pertua yang itu dia tarik baliklah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** ...10 tahun kalau tengok dalam Hansard dalam perbahasan saya dalam 10 tahun ini saya ada pernah katakan kalau UMNO itu bukan *racist* saya boleh masuk menjadi ahli UMNO boleh kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dia *racial*, *communal* parti Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *There...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dengar cakap saya Yang Berhormat. Jangan cakap Yang Berhormat betul sahaja. *Racist* itu lain Yang Berhormat, *racial* itu lain atau *communal* itu lain. Macam MIC kita bersetuju parti ini dia memang dia *communal* Yang Berhormat tetapi *racist* lain Yang Berhormat makna dia. Okey Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat yang *racist* itu tarik baliklah.

Berhentikan soalan siapa UMNO yang hendak sokong tidak sokong surat itu tadi oleh kerana saya mendengar alasan dia ialah surat-surat blog. Banyak kita sini dituduh bermacam-macam Yang Berhormat. Kalau kita hendak bawa ke sini memang kita sudah gaduh lama Yang Berhormat. Jadi tujuan saya biarlah supaya persoalan benda yang menyakitkan hati ini kita berhentikan Yang Berhormat. Sebut benda-benda yang lebih sesuai dengan Dewan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Nombor satu Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rompin. Dia hari ini dia bangun untuk bahas bukan kerana asas mengenai perkara ini kerana dia telah menarik diri sebagai *Vice President*. Dia...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua boleh bagi laluan? Bagi laluanlah pada saya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekejaplah ini perbahasan saya.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Bagi laluan dahulu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *I can take your call* tidak ada masalah sekejap. Rompin dahulu.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Arahan...



**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tidak ada bagi laluan tentang tadilah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Rompin dahulu saya hendak jawab Rompin dahulu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Lain kali jangan *very selective*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *No problem, no problem...*

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini sebab itu kita kata perkauman dimainkan oleh DAP.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya minta Jempol dengan Batu Pahat duduklah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat pasal *racist* tadi...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya akan alih ke tempat yang lain...

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Yang tuduhan *racist* itu tarik dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *No sekejap.*

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Tuduhan UMNO *racist*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Yang Berhormat saya mintalah Yang Berhormat tarik balik *racist* UMNO.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh, boleh sebelum Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tidak sebut sahaja kalau hendak tarik, tarik sekarang Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua pada 10 tahun di mana saya dari dahulu dan perkara ini telah dibangkitkan saya rasa satu *ruling* yang saya hairan kerana UMNO adalah *racial* dan *racist party*. Itu semua kita tahu saya hairan bahawa *ruling* ini...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua ini memang sahaja...

**Seorang Ahli:** Melampau Tuan Yang di-Pertua ini biadab.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya rasa saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat kalau Yang Berhormat tidak hendak tarik ini saya terpaksa ambil tindakan Yang Berhormat. Saya tidak hendak lagi saya tidak hendak dengar lagi soalan macam ini lagi Yang Berhormat. Pada sesi yang lepas saya sudah sebut soalan *racist* ini adalah *unparliamentary* Yang Berhormat tetapi kalau ditunjukkan kepada - saya sudah sebut juga ada orang mengatakan di Parlimen United Kingdom, *House of Commons* dia menggunakan bahawa parti *level* macam ini pun dianggap *unparliamentary* juga Yang Berhormat. Jadi saya katakan ini *unparliamentary*.

Jadi tolonglah Yang Berhormat , tolong Yang Berhormat kerjasama dengan saya. Sebab semenjak peraturan itu *ruling* itu fatwa. Kalau Yang Berhormat kata ini *communal party* saya bersetuju Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** *Racial party* saya setuju Yang Berhormat tetapi, yang *racist* itu tarik balik dahulu Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua biar saya faham sedikit. Dia *racial party* tetapi bukan *racist party*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bukan *racist party* Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Itu ada *ruling* Tuan Yang di-Pertua mengatakan tetapi oleh kerana...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya akan terima *racial* tetapi tidak terima *racist*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** So, saya hormat pandangan Yang Berhormatlah tetapi saya rasa *racial* dan *racist* itu samalah. Akan tetapi berbalik kepada Rompin, kepada Rompin...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Eh! Tarik dahululah. Kenapa takut hendak tarik balik?

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Tarik balik jangan berpusing-pusing tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ipoh Barat saya dengan *goodwill* bagi Yang Berhormat bercakap tadi dengan harapan Yang Berhormat *reasonable person* dengan izin. Jadi itulah landasan saya tadi. Saya lihat fakta-fakta dekat sini. Ada orang sudah minta surat sudah bertaburan dekat sini cakap tetapi saya bagi dengan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Ipoh Barat tarik dahulu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Parti perkauman sempit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Itu tidak kisah Yang Berhormat tetapi *racist* itu tarik balik.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Itu surat tarik balik boleh *check* Hansard.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Cakap tarik baliklah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tarik balik!

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jempol duduk.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ipoh Barat. Mengenai penulisan dalam blog ini tadi dipertikaikan bahawa Yang Berhormat merujuk kepada tulisan-tulisan dalam blog yang dikatakan orang lain boleh rujuk dalam blog lain pula. Saya rasa dalam titah Tuanku masalah blog ini dibangkitkan, dan diminta supaya dikawal ada pengawalan dan tidak diminta supaya *bloggers* supaya tidak menyampaikan pandangan-pandangan yang boleh menjejaskan keamanan negara. Jadi yang dibaca oleh Ipoh Barat ini adalah satu tulisan blog yang dengan terus terang dan diketahui ramai adalah penyokong UMNO.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Oh tidak mengakulah, oh tidak, tidak mengaku? Jadi isinya adalah sesuatu yang mengajak kepada keganasan jadi tidakkah ini wajar disebut di sini Yang Berhormat?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju kepada Yang Berhormat. Itulah saya kata ini ada satu tulisan dalam blog di mana Ahli Parlimen-Ahli Parlimen perlu mengatakan bahawa parti saya tidak ada kena mengena hingga sekarang sampai saat sekarang tidak ada satu Ahli Parlimen pun berdiri mengatakan saya tidak setuju langsung kepada apa yang tertulis dalam blog tersebut. Bermakna mereka ini semua setuju itu pandangan sayalah. Saya akan alih ke...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Padang Serai beralihlah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya akan alih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bukan Padang Serai, ini Padang Besar.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak sedikit kepada Yang Berhormat Rompin ini. Saya tahu tetapi mungkin dia tarik balik sebagai pertandingan *Vice President* ini semua satu isulah. Jadi dia datang hari ini untuk membuat sesuatu supaya esok Utusan Malaysia akan mengatakan *champion of the Malays*. *You* tengok ini Rompin kita perlu adakan sekurang-kurangnya Majlis Tertinggi UMNO, syabas kepada beliau. Akan tetapi semasa beliau menjadi Menteri, landasan lapangan terbang di Rompin. Saya pergi ke, *what is the island?*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Melayu bahasa Malaysialah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tioman, Tioman di sana Tuan Yang di-Pertua saya sudah kompelin pada masa itu Yang Berhormat Menteri, beliau menjadi Menteri di sana tidak ada benda lain tidak ada untuk membeli belah tetapi hanya ada whisky dan brandy sahaja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang mana satu hendak bagi Yang Berhormat ada dua berdiri itu?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Rompin, terima kasih Rompin lepas itu mungkin Kota Raja. Cukuplah yang PAS bantu. Dia PAS ada dua kumpulan ada yang selalu bantu ada yang tidak membantu.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bukan, ini Pakatan Rakyatlah Pakatan Rakyat. Kita dalam Pakatan Rakyat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Ini parti berdaftar ke Parti Pakatan Rakyat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Padang Serai jangan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Rakyat ini hanya wujud masa pilihan raya, sebelum itu tidak ada pakatan-pakatan pun.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tidak kisah bila wujud tetapi kena...duduklah Rompin cukup.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Apa ini, saya hendak menjawab apa Yang Berhormat yang kawan saya bagi peluang kepada saya. Saya hendak bertanya tadi Yang Berhormat sebut nama saya. Isu sekarang ini apakah pandangan Tuan Yang di-Pertua, DAP baru-baru ini yang tidak bersetuju tentang isu yang *ruling* apa yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negeri. Nampaknya Yang Berhormat tidak membela langsung Pengerusi Yang Berhormat sendiri saya hendak bertanya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini tidak ada asas.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sebab persoalan adalah saya risau betul tidak? Senyap sesenyap-senyapnya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat daripada kaum India dalam DAP tetapi tidak membela pengerusi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Ini kem lain dalam DAP.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh saya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pengerusi pun ada sana pengerusi, ketua pengerusi sana.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk][Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** ...orang mati ..tidak boleh kah saya bertanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Yang kita sudah jadi pasar ikan sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat Rompin duduk sudahlah, sudahlah Yang Berhormat.

■1600

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan *statement* dari *Chairman* kita jelas, kita semua faham.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat ada belakang ini dengar seolah-olah bela pengerusi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tapi Yang Berhormat Rompin perlu faham keputusan Speaker, setuju kah tak setuju mesti ikut, kalau tidak *condemn*. [Ketawa]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Mesti akur... [Ketawa]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Jangan main-main.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bermakna Yang Berhormat tidak bersetuju dengan pengerusi sendiri.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat saya... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Rompin tolong duduk Yang Berhormat. Rompin duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Mungkin ada perkara dasar yang tak bersetuju dengan Yang Berhormat... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Soalan setuju. Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat. Soalan setuju tak setuju tak kira Yang Berhormat, tetapi ikut peraturan Dewan Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** [Bangun]

**Seorang Ahli:** Macam budak-budaklah semua.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua tadi kata saya dulu tadi.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bukan Yang Berhormat Rompin tetapi Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Rompin sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bentara mana satu hendak bagi ni?

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kota Raja dulu. Yang Berhormat Ipoh Timur. Yang Berhormat Ipoh Barat, minta maaf. Saya ingat tadi saya ingat kita ada sedikit persetujuan di sini, Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada sebelah Barisan Nasional telah mengatakan mereka tidak setuju dengan kenyataan yang dikeluarkan dalam blog itu yang berupa hasutan. Jadi bolehkah kita bersetuju Yang Berhormat bahawa sekarang kita minta pihak polis untuk menyiasat blog ini dan mengambil tindakan di bawah akta hasutan? *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sebenarnya, Ketua DAP Perak iaitu YB Wong Kaw War, telah melaporkan perkara ini kepada pihak polis pada hari Sabtu, saya harap tindakan diambil. Bukan sahaja kepada penyokong-penyokong blog-blog macam ini tetapi juga perkara-perkara, pihak-pihak yang terlibat dalam perkara ini. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat. Tadi kita tengok Yang Berhormat Rompin bersungguh-sungguh marah kerana Yang Berhormat Ipoh Barat merujuk kepada satu artikel dalam blog dan didokong oleh penyokong kuat daripada Yang Berhormat Kota Belud. Akan tetapi Yang Berhormat Ipoh Barat tahu atau tidak mengapa agaknya Yang Berhormat Rompin menarik diri daripada bertanding Naib Presiden? *[Ketawa]* Nanti-nanti dulu. Sebab...

**Seorang Ahli:** Ada skandal kan?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak):** Tidak, tidak. *Don't jump to the conclusion* dengan izin. Sebab sebelum ini Yang Berhormat Rompin bersungguh-sungguh dan dia yakin sebab dia duduk di belakang Yang Berhormat Pekan dan dia boleh menang sebagai Naib Presiden. Akan tetapi tiba-tiba dia tarik diri. Apakah kerana ada tulisan-tulisan dalam blog? Kalau betul dia kata itu fitnah, itu tak betul kenapa dia tiba-tiba tarik diri kerana tulisan-tulisan dalam blog dan SMS yang berlegar yang dibuat oleh orang UMNO sendiri. Saya minta penjelasan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini hendak bagi jawapan sangat susah ini, sebab ini saya tidak berapa arif dalam perkara ini. Akan tetapi saya rasa kita semua tahulah kalau ada itu benar atau tidak *I don't know*. Okey saya alih ke lain, Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai kematian-kematian...

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta penjelasan. Bagi jalan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana, di mana ini?

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila-sila.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rompin ada menyatakan kenapa ahli dari Yang Berhormat Ipoh Barat tidak sokong saya. Akan

tetapi sebelum saya jawab itu, saya mahu jawapan daripada Ahli Yang Berhormat dari Rompin. Kenapa sampai hari ini, sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan diambil; ke atas Yang Berhormat itu atas pertuduhan dia ada mencabul kehormatan seorang, [*Ketawa*] seorang wanita? Satu laporan polis ada dibuat oleh wanita itu. Bolehkah saya dapat tahu kenapa ini dinafikan dan dipadamkan oleh Peguam Negara? Selepas itu saya jawab.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Termasuk kes raba-raba.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat, dan Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor saya mohon kerjasama sekali lagi dalam perbahasan yang serius sebegini, tolonglah elakkan perkara-perkara yang agak sensitif. Perkara yang saya rasa tidak perlu untuk dilontarkan dan sedemikianya berbahas secara baik biar agresif saya akan benarkan. Terima kasih, silakan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ini saya minta *ruling* 36 (6) yang dengan apa itu Yang Berhormat Jelutong.

**Beberapa Ahli:** Bukan Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor saya bertanya politik.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bagilah saya masa, saya ingat kalau boleh Yang Berhormat boleh bincang kemudian. Saya tidak ada masalah. Bila cakap politik kalau kita ada standard cerita hal politik. Saya boleh tuduh, hendak bawa saya cerita Ketua Pembangkang? Hendak saya bercerita sebar rahsia affidavit Gombak sendiri? [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Apalah...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya tidak, tidak mahu ini bukan tempatnya. Saya boleh saya cukup fail-fail affidavit. Tapi, *no, no, no. That's too low, is too low* terlalu rendah politik begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin, Rompin sudah, sudahlah.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** *Too low* politiknya. Kalau inilah politik di Malaysia...

**Tuan M.Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua boleh saya...

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya hairan mengapa Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor, kita menghormati *why you stood so low?* Yang ada anak muda satu Malaysia mendengar, kalau inilah politik di negara kita, saya tidak tahu apa jadinya. Kita hendakkan juga Yang Berhormat walaupun kita berbeza dalam politik set *the good example, set the good example*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Adakah ini kita. Semua ada. Saya boleh kata...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, boleh saya, boleh saya mengalih ke...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu, saya tahu, saya tahu Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kita boleh cakap Permatang Pauh kes... Saya malas cakap sebab itu kes tidak manis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu, saya tahu. Yang Berhormat Rompin dah Yang Berhormat Rompin. Boleh tak Yang Berhormat Rompin duduk? Tolonglah, Ahli-Ahli Yang Berhormat...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon kerjasama sangatlah Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau berbahas, bahaslah sepuas hati tetapi dalam ruang lingkup Peraturan Mesyuarat dan elakkan kalau ada perkara-perkara yang agak sensitif itu, tolonglah semua kita harus buat perananlah. Sila Ipoh Barat, Bukit Gelugor terima kasih. Sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini kematian-kematian baru-baru ini di lokap dan kerap kali berlaku di negara ini. Yang Berhormat Kalabakan dan lain-lain Ahli Parlimen telah menimbulkan perkara tersebut, saya rasa perkara ini bukan satu perkara yang baru dan bukan satu perkara yang boleh mendapatkan terus jawapan atau satu pendirian yang serius oleh kerajaan. Ini kerana nampaknya kematian ini berlarutan dan juga di mana baru-baru ini enam orang ditembak mati di Sungai Petani. Semua ini memeranjatkan masyarakat Malaysia.

Saya harap perkara-perkara ini dapat dielakkan di mana tembakan-tembakan itu saya difahamkan adalah satu perkara yang tidak perlu langsung di mana kalau di negara-negara yang lebih maju senang untuk mendapat senapang-senapang nampaknya kematiannya lebih kurang dari ditembak mati oleh polis lebih kurang dari negara ini. Ini perkara yang patut dielakkan. Kematian-kematian dilokap kerap kali berlaku dan ini bukan Kugan kes bukan kali pertama, saya sendiri ada beberapa kes di mahkamah di mana saya telah memfailkan terhadap kerajaan di mana kematian nampaknya kerap kali berlaku, saya ada satu kes di mana dia hanya berumur 23 tahun sahaja dikatakan dia ada *heart attack* dia telah meninggal dunia di lokap. Ini satu perkara yang tidak patut terjadi. Saya akan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Minta laluan, saya minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Barat. Oleh kerana tertimbul ini, dan ini juga adalah dalam kawasan Parlimen bersempadan dengan kawasan Parlimen saya dan juga beberapa yang terbunuh pada malam itu adalah pengundi-pengundi kawasan saya. Keenam-enam mereka yang terbunuh itu kesemuanya ada puluhan peluru di badan mereka khususnya sasaran adalah di dada kiri.



Beberapa mereka ada tembakan di atas kepala di sini, [*sambil menunjukkan kepalanya*] dipercayai mereka itu didudukkan dan di tembak dari atas.

Justeru, ada peluru yang menembusi di sini [*sambil menunjukkan kepalanya*] dan juga apa yang dengar serta apabila saya melawat kawasan itu saya pergi melihat jiran-jiran dan rumah-rumah jiran. Sebelum peristiwa ini berlaku polis telah memasuki rumah-rumah jiran dan katakan, jangan keluar daripada rumah dan ada daripada mereka yang diberi supaya tutup telinga mereka kemudian jiran-jiran rumah mereka dikunci dari luar. Apabila polis memanggil, keluar seorang daripada enam orang itu dan terus dia ditembak mati. Selepas itu, keluar yang lain serah diri, tetapi semuanya mati dan ini adalah satu pembunuhan yang kejam. Akan tetapi kita mesti tahu apakah motif dan kenapa ini di lakukan oleh polis?

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua ini merupakan satu pertuduhan ini. Ini sudah melampau. Mana boleh cakap begitu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ini berucap sudah satu jam lebih Tuan Yang di-Pertua, satu jam lebih sudah berucap, berapa lama lagi.

■1610

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Batu Pahat, tolong hormat sama Speaker. Minta laluan. Kalau tidak tahu, rujuk...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tidak. Saya ingin membetulkan. Itu satu tuduhan yang melampau ini.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kamu boleh bercakap bila kamu dapat peluang. Saya sedang bercakap, tolong jangan menyampuk.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya, tapi *you* jangan cakap macam itu. Itu membohong.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Serai, sudah.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Dia kacau saya! Tuan Yang di-Pertua, saya sakit hati bila dia tidak hormat dengan Speaker. [*Disorak*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Barat, panjang lagi? Sudah lebih sejam.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Batu Pahat mahu minta laluan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Penjelasan. Mahu bagi atau tidak bagi?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada sedikit lagi, sedikit. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat Batu Pahat. Sudah, teruskan Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kepada pandangan Yang Berhormat Padang Serai. Saya harap satu penyasatan... Pada pandangan saya satu siasatan bebas harus dibuat supaya kita semua akan tahu apakah yang benar-benar berlaku dan supaya kita elak perkara-perkara ini terjadi. Satu lagi perkara adalah di mana...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Boleh minta penjelasan sikit, Yang Berhormat Ipoh Barat? Sikit saja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang menjadi masalah. Kita selalu mengambil kes berasaskan kepada selektif. Sebenarnya banyak lagi penjenayah yang mati, baik pun daripada kaum lain. Kenapa tidak dijadikan sebagai isu? Bila kena satu kaum kita jadikan isu. Kemudian, macam tadi, Yang Berhormat Padang Serai...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*] Saya minta maaf. Saya tidak... [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Saya ingat Yang Berhormat Batu Pahat, dia pekaklah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Kalau setakat kata saya pekak tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi itulah saya kata tadi bahawa yang menjadi masalah, kita ini *very selective* terhadap sesuatu isu untuk dijadikan sebagai satu isu kaum. Ini yang menjadi masalah. Bila kita bercakap seolah-olah kita hendak membela kepada satu kaum. Ini masalah, sebenarnya bukan hanya satu kaum sahaja yang mati ditembak oleh polis dan apakah kita hendak polis terkorban ketika menangkap penjenayah-penjenayah seperti ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, terima kasih. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mereka berbahaya dan ada bukti-bukti barang yang dirampas setelah berlaku peristiwa ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ya, terima kasih, Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sebab itu saya hendak tanya tadi pasal...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Tidak apa, masa...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...Sampai ada tembak kepala ini. Ini apa ini, buat satu tuduhan yang melulu? Dia buat siasatan atau apa?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** [*Menyampuk*]

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Jadi, inilah Yang Berhormat Ipoh Barat, lain kali jangan selektif terhadap isu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Teruskan dan *move on to a different point*.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Pandangan Yang Berhormat Batu Pahat itu tidak benar kerana kita tidak menggunakan bangsa langsung. *It is coincident* bahawa enam orang yang ditembak mati itu adalah daripada masyarakat India. Saya tidak pernah menggunakan perkataan tersebut ataupun Yang Berhormat Padang Serai. Saya rasa itulah parti berfikiran sempit. Mungkin dia *on racial ground*. Dia ingat semua perkara *can be solved on racial ground*. Saya mengalih...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Boleh saya menjelaskannya?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *No, I don't have enough time. Sorry.* Saya mengalih ke perkara yang lain iaitu satu di antara yang ditahan ISA ialah Uthayakumar. Saya difahamkan dia perlukan rawatan dengan segera di mana gangren telah mula berlaku pada kaki beliau dan saya difahamkan kalau tindakan susulan tidak diambil mungkin kakinya akan dipotong (*amputated*). Saya difahamkan perkara ini telah pun diberitahu kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sehingga hari ini sudah lebih satu bulan tidak ada apa-apa tindakan diambil. Saya pohon agar kerajaan dapat membenarkan doktor-doktor daripada pihak swasta untuk berjumpa dengan beliau dan memberi ubat-ubatan jika perlu atau dihantar ke hospital swasta untuk dirawat.

Ini kerana ramai di antara masyarakat yang mengatakan jika kerajaan tidak mampu memberi perhatian kepada beliau, mereka rela untuk memberi rawatan percuma di hospital-hospital. Saya juga memohon agar kerajaan mengambil tindakan supaya kelima-lima yang telah ditahan ini termasuk lebih daripada 75 orang lagi dalam tahanan ISA, saya pohon semua ini dikaji balik dan dilepaskan kerana ini adalah sesuatu yang keji, yang tidak munasabah langsung di mana mereka di tahan tanpa di bawa ke mahkamah atas tuduhan-tuduhan. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh diterima dan tidak rasionalnya ISA langsung.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan telah bersetuju menubuhkan satu *task force* untuk mengenal pasti bagaimana mengatasi *stateless people* di negara ini. Saya difahamkan walaupun FOMCA dan organisasi-organisasi yang lain, dan NGO-NGO telah mengatakan di antara lingkungan 50,000 hingga 100,000 orang adalah dalam situasi *stateless* di negara ini. Akan tetapi *task force* yang telah pergi ke seluruh negara ini, saya hendak tahu apakah hasil yang telah mereka capai kerana saya difahamkan di mana sistem yang sama diguna pakai oleh *task force*, di mana mereka ingin dokumentasi-dokumentasi, mereka perlu saksi-saksi yang telah saya katakan setahun dahulu. Cara yang lebih baik, cara yang lebih senang – mereka yang tidak mendapat pertolongan-pertolongan daripada *department-department* kerajaan, lebih baik kerajaan memberi satu *amnesty* kepada mereka supaya mereka juga dapat menikmati semuanya sebagai warganegara di negara ini.

Saya harap kerajaan akan mengambil kira. Kalau di negara-negara lain, *amnesty* adalah satu proses untuk menolong membawa masyarakat ke dalam lapangan yang sama, kenapa pula kita tidak boleh? Lagipun kita tahu mereka telah dilahirkan di negara ini. Ada di antara mereka

yang berumur 50, 60 tahun tidak ada *birth certificate*, tidak ada IC dan perkara ini perlukan tindakan, *task force* yang disediakan, apakah hasilnya? Saya difahamkan apabila mereka pergi ke merata-rata tempat selama dua, tiga hari tetapi tidak ada masa untuk *complainants* untuk datang memberi *follow-up* dalam perkara ini dan banyak di antara kes ini tidak diselesaikan. Apakah cara yang dikenal pasti supaya masalah seperti ini dapat diatasi. Terima kasih.  
*[Bercakap dalam bahasa Tamil]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Putatan. Selepas Putatan, Gombak. Silakan.

4.17 ptg.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ada pantun untuk Ipoh Barat.

*Ipoh Timur, Ipoh Barat,*

*Bila dijemur menjadi coklat,*

*Hujah-hujah yang ditimbulkan sungguh memudar,*

*Hasratnya sangat kotor, Sultan pun tidak dihormat,*

*Selalu bertempur, BN juga jadi penyelamat.*

Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Itu saja? *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk turut serta dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan Perasmian Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas baru-baru ini.

Baginda dengan begitu prihatin telah menggariskan dan menitahkan semua cabaran yang bakal kita tempuhi termasuklah perkara kemelesetan ekonomi, pembangunan infrastruktur, keselamatan dan juga memperkasakan perpaduan dan keharmonian rakyat yang menjadi tunggak kestabilan negara. Kita amat bersyukur kerana mempunyai institusi diraja yang bukan sahaja prihatin akan pembangunan negara tetapi lebih penting lagi kesejahteraan hidup rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan hujah saya dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang amat kita sanjungi dan sayangi, dan yang bakal menyerahkan tampuk kepimpinan negara kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke atas semua khidmat bakti cemerlang serta tenaga yang beliau curahkan kepada negara khususnya dan negeri Sabah amnya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]* Izinkan saya menghadiahkan satu pantun kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Pak Lah:

*Pemimpin yang baik memang disayang,  
Pak Lah ini jumpa pun senang,  
Rakyat pun suka lalu bertenang,  
Kerana orangnya baik tetap dikenang.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong minta penjelasan, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Pantun belum siap. Pantun untuk Kepong pun ada juga.

■1620

*Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.*

Syabas! Tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Ya, Yang Berhormat Kepong. Ini belum lagi apa-apa sudah minta penjelasan. Apa yang minta penjelasan? Pantun? *[Ketawa]* Okey, sila Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Yang Berhormat. Itu Yang Berhormat Ipoh Timur tidak ada, iaitu dengan pantun dia. Betullah.

*Helang pandai menyampuk,  
Linggi sampai ke Tanjung,  
Gelang sebagai dilambuk-lambuk,  
Tinggi sebagai dijunjung.*

Jadi, itulah. Yang pandai-pandai sangat tidak mengetahui, tidak menyedari keadaan yang sebenarnya. Ya, gelang sebagai dilambuk-lambuk, tinggi sebagai dijunjung. *[Ketawa]* Tak tau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah berbalas pantun.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Itu pantun seperti apa itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat Kepong, sudah berbalas pantun ini.

**Seorang Ahli:** Jawab, jawab.

**Seorang Ahli:** Itu, apa itu?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia belum siap lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong belum siap lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memegahkan diri sendiri dengan kelebihan diri sendiri yang sebenarnya tidak ada. *[Ketawa]* *[Duduk]*

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Putatan. Jangan balas dengan pantun lagi. Saya bingung dengar. Sila.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya minta balas pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Singa kejam Bukit Gelugor - tapi Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak ada di sini.  
Ambil telur gaulkan tepung,  
Petikkan sayur campurkan kupang,  
Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Kepong bila tergugur,  
Memang terapung-apung.*

Terima kasih. [Ketawa] Kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, selamat memimpin negara. Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Di bahu Dato' Sri lah kami tempatkan harapan dan impian rakyat negeri Sabah khususnya agar nasib kami terus terpelihara dan terbela. Saya masuk ke soal polarisasi kaum.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan hujah saya dengan perkara pokok yang boleh menentukan kestabilan negara seperti mana yang ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah baginda iaitu keharmonian kaum. Kita sedar bahawa ketegangan kaum merupakan cabaran utama yang harus ditangani oleh kerajaan.

Polarisasi kaum kian menjadi-jadi. Pertubuhan politik yang berpaksikan kaum yang mana dahulunya menjadi tonggak kekuatan dan kestabilan politik negara ini, kini menjadi nadi kepada perpecahan kaum. Ini jelas dapat kita lihat apabila parti politik mencanangkan dan mensensasikan isu perkauman. Hubungan kaum di negara ini menjadi tegang. Ada kaum memperjuangkan Melayu-Melayu. Ada sebilangan yang memperjuangkan Islam-Islam. Ada yang memperjuangkan Tamil-tamil, Tionghoa-tionghoa. Jadi, Kadazan, Iban, Dusun, Dayak, Orang Ulu, Orang Asli, macam mana? Tidak lama, PTI pun menjadi dan mencari isu keistimewaannya. Jadi, saya harap ini Rohingya kalau minta keistimewaan, tidak baiklah bagi kita. Jadi minta jangan timbul pasal ketuanan, isu agama lagi. Kita tumpukan kepada *national unity* dengan izin.

Saya mohon kerajaan sekali lagi mengikut apa yang terkandung di dalam titah ucapan baginda iaitu perpaduan negara. Ini amat penting bagi pembangunan ekonomi kita. Jadi saya mohon semua pihak hentikan semua soal-soal perkauman ini. Ahli politik yang sering kali memperjuangkan nasib politik mereka....

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** ...Dengan mengapi-apikan sentimen perkauman...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** ...Dan sebagainya. Sekejap. Ini sebanyak-sedikit telah menimbulkan rasa kurang selesa di antara kaum di negara ini dan hasil-hasilnya jika sekiranya tidak dapat dibendung akan menimbulkan rasa benci dan ketegangan kaum. Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Putatan memulakan hujah mengenai dengan kerisauan beliau tentang perkembangan politik di tanah air baru-baru ini. Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong baru sahaja telah memberi nasihat kepada rakyat Malaysia pada tanggal 16 hari bulan yang lalu mengenai dengan perlunya rakyat Malaysia untuk menangani dan menyelesaikan masalah ketegangan kaum.

Kita tahu Yang Berhormat bahawa selain daripada menimbulkan soal perkauman ini, isu-isu keagamaan yang ditimbulkan itu adalah amat berbahaya sekali. Jadi dalam soal ini Yang Berhormat, saya terkilan bahawasanya saya lihat dalam Dewan beberapa hari ini, isu-isu perkauman ditimbulkan di kedua-dua belah pihak. Jadi, saya memerhatikan bahawa apa juga nasihat yang diberikan dan disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam titah beliau baru-baru ini sama sekali tidak mendapat di hati masing-masing. Satu perkara lagi ialah mengenai dengan isu keagamaan ini ialah kita memang dari dahulu kala begitu berhati-hati untuk menangani isu sensitiviti keagamaan. Dalam hal ini, saya terkilan baru-baru ini ada rancangan dalam TV1 mengenai dengan satu forum di mana pihak penganjur telah membenarkan ahli panel berhujah di mana ia telah menyerang agama Kristian.

Jadi, saya ingat Tuan Yang di-Pertua ini amat berbahaya sekali. Saya bertanya kepada menteri yang berkenaan kenapa ini dibenarkan kerana seolah-olah undang-undang mencegah untuk menyerang satu-satu kepercayaan itu telah dilanggar dan tidak ada tindakan. Jadi sebagai salah seorang orang Kristian, saya mewakili di sini menyatakan bahawa hati orang-orang Kristian begitu terserang kerana diserang di dalam rancangan televisyen. Jadi ini sama sekali amat berbahaya dan saya meminta kerajaan dan kementerian khususnya supaya perkara ini tidak diulang dan kalau boleh diberhentikan sama sekali. Apabila kita membincangkan tentang perkembangan agama masing-masing...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini pencilahan, Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Ya, ini mengenai dengan sensitiviti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita lihat di dalam Dewan pertelingkahan mengenai dengan isu-isu suku ini amat berbahaya dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa juga yang telah kita buat 50 tahun yang lalu, kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit melalui Kementerian Perpaduan

Negara dan sebagainya seolah-olah semua hasilnya sudah *neglected* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pendapat daripada Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tuaran. Kalau saya tidak bagi laluan dia Tuan Yang di-Pertua, dia saya punya timbalan. Susah juga nanti, takut juga dalam parti ini. Ikut, mesti mahu ikut bos. Jadi, itulah persoalan dia. Persoalan dia Tuan Yang di-Pertua ialah siapa yang *perpetrator*? Kita laung-laungkan, kita adakan perpaduan di negara ini. Perpaduan! Perpaduan! Perpaduan! Akan tetapi, ada juga sebilangan, segelintir daripada *among us* dengan izin memper *petrating this unity*.

Saya puji dengan kawan-kawan saya daripada pihak PAS. Ini saya puji. Walau mahu lompat, saya berjumpa tidak pernah ia mencaci. Mencaci agama-agama yang lain. Dia punya perjuangan agama Islam. Itu dia punya pendakwaan. Memang kita hormati. Akan tetapi itu sahaja satu isu. Jangan mencaci agama yang lain. Jadi saya berharap kerajaan dapat melihat perkara ini dengan serius supaya ini tidak menimbulkan, tidak mencetuskan kebencian daripada pihak agama lain kepada satu agama yang lain.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan sedikit.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini baru balas...*[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini sahabat saya Yang Berhormat Pasir Salak. Susah juga kalau kita tidak bagi jalan Tuan Yang di-Pertua.

#### ■ 1630

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan dan juga Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat memberi pujian kepada parti PAS, pemimpin PAS tidak pernah menghina orang yang bukan Islam. Boleh bagi contoh di mana orang UMNO pula yang mencaci bukan Islam? Satu.

Kedua, Yang Berhormat Putatan. *[Disampuk]* *No, this is a very serious issue. We maybe together in BN but we have differences of opinion*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu, dalam menghadapi isu perkauman ini, jangan kita buat satu. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Putatan, ada orang yang menjadi dalang dan ada orang yang menjadi pejuang. Jangan disamakan pejuang dengan dalang. Apakah salah bagi orang Melayu dan bumiputera untuk mempertahankan hak-hak bumiputeranya sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan? Adakah itu dianggap membangkitkan isu-isu perkauman? Tolong jawab.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya, Pasir Salak. Saya menghormati pendapat daripada Pasir Salak. Saya tidak menyentuh UMNO mencaci. Saya tidak menyentuh, tetapi apa yang disentuh tadi *propitiator* sahaja, sesiapa sahaja. Saya baru memberi satu misalannya memuji pihak sahabat dari sana. Saya belum sampai kepada pihak kerajaan. *[Ketawa]*



Banyak yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ini memang baik. Memang dasar kerajaan ini memang baik tetapi apa yang kita persoalkan di sini, Yang Berhormat Pasir Salak, ada segelintir kecil yang mungkin terlepas pandang. Kesensitifan perasaan antara satu dengan lain. Itu maksud saya. Saya tidak bilang pihak Yang Berhormat yang mencaci, tidak. Itu bukan maksud saya, Yang Berhormat. Jadi saya teruskan.

Pengendali dan mereka yang memberi komen di dalam blog-blog juga sering melakukan perkara atau menulis sentimen yang berbau hasut dengan tanpa memikirkan perpaduan rakyat dan keselamatan negara. Demonstrasi haram jalanan telah sering dianjurkan dan acap kali disertai oleh ahli-ahli politik sama ada dari pihak pemerintah mahupun pembangkang. Ini telah mencemari nama baik Malaysia di kaca mata antarabangsa dan sekali gus telah mencemari budaya rakyat Malaysia yang dikenali penuh dengan kesopanan dan kesusilaan.

Jadi dengan fahaman secara mendalam Rukun Negara kita, Tuan Yang di-Pertua, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Kedaulatan Undang-undang, Keluhuran Perlembagaan dan Kesopanan dan Kesusilaan. Itu harus kita pegang di dalam hidup kita, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian saya menyeru agar pihak kerajaan dan polis hendaklah menggunakan semua kuasa yang ada untuk menangani masalah ini supaya perkara ini dapat dibendung sepenuhnya dan kepercayaan rakyat dapat dipulihkan.

Pengendali-pengendali serta penulis blog, ahli-ahli politik dan setiap orang perseorangan juga haruslah berhati-hati dalam mengutarakan agenda masing-masing dengan menempatkan keselamatan dan keharmonian perpaduan rakyat di tempat yang tertinggi. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah juga...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Putatan, Maran.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Susah juga tidak mahu kasi, Setiausaha BNBBC. Sila.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Putatan. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Putatan tentang demonstrasi jalanan dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Putatan, kita ini pemimpin yang dipanggil dalam Parlimen ini, Ahli Yang Berhormat. Boleh kata di kampung dipanggil Yang Berhormat. Akan tetapi malangnya berlaku sesuatu yang mungkin hendak marah kepada kerajaan, hendak protes sesuatu isu yang berlaku menyebabkan ada antara kita, pemimpin-pemimpin membawa anak-anak muda ini.

Saya rasa kitalah bertanggungjawab, Yang Berhormat Putatan, untuk membina generasi muda untuk menjadi pelapis pemimpin akan datang sebab saya merasa kecewa juga apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah dukacita di atas perilaku Ahli-ahli Parlimen, sifat hasad dengki, fitnah dan sebagainya berlaku. Jadi apa pandangan Yang Berhormat apabila kita sebagai pemimpin, Ahli-ahli Parlimen yang diberi penghormatan sebagai Ahli Yang Berhormat membawa anak-anak muda ini melakukan demonstrasi jalanan seperti yang pernah

berlaku, datang ke Parlimen, tidak hormati Dewan yang mulia ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Kalau ini dibiarkan, saya kira tidak mustahil negara kita akan musnah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya, Maran. Inilah satu sahabat yang prihatin terhadap bagaimana kita menjadi pemimpin yang boleh diteladani. Kalau ada Yang Berhormat seperti misalnya daripada pihak pembangkang tidak menghormati Raja, ini satu tindakan ataupun perbuatan yang biadab terhadap Raja-raja yang terdapat di dalam Perlembagaan kita. Jadi demonstrasi di jalan ini bukan budaya orang-orang yang bersopan, beradab. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Pihak kerajaan memang prihatin dan sungguh mengutuk orang-orang yang selalu berdemonstrasi termasuklah wakil-wakil rakyat yang tersebut.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Putatan, minta penjelasan sedikit sebab dikaitkan dengan orang muda kan? Saya hendak tanya sedikit, penjelasan, jika dibenarkan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Balik Pulau?

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Balik Pulau. Sedikit sahaja mengenai demonstrasi tadi. Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Putatan kerana dibangkitkan tadi oleh Maran tadi bahawa pemimpin yang membawa orang muda, tidak tahulah mungkin orang muda ini tidak faham, tidak baca, saya rasa ada kesedaran daripada orang muda itu sendiri, tetapi itu bukan soalan saya. Soalan saya ialah apa sebabnya orang kena berdemonstrasi ini? Adakah ruang demokratik tidak cukup kah? Sebab saya hendak tahu sebab. Mungkin Putatan mempunyai sebab kenapa berlaku demonstrasi ini. Ruang demokrasi tidak cukup? Sebab saya tengok orang UMNO pun berdemonstrasi juga dalam keadaan tertentu. Itu yang saya hendak tanya itu. Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, kita ada proses yang tertentu. Ini negara demokrasi, kita ada meja perundingan, kita ada mesyuarat dan kita ada tempat di mana kita akan berbincang. Bukan di tepi jalan untuk menyuarakan apa yang hendak disampaikan. Jadi sebagaimana yang dikatakan tadi, ini memang demokrasi di negara kita. Ini *parliamentary democracy*, memang wujud. Semua sedar ini tetapi ada yang berlagak agak keterlaluan supaya ia dapat menonjolkan politiknya, membuat satu promosi, mempromosikan perjuangan-perjuangan pihak yang tertentu.

Jadi saya rasa ini harus kita kurangkan dan lebih penting kalau kita berdialog di atas meja dan menyampaikan apa-apa hujah yang patut disampaikan kepada pihak-pihak yang tertentu, ya. Jadi saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan juga haruslah mengkaji peranan yang dimainkan oleh badan-badan keagamaan, badan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan sukarela dalam membentuk dan mengekalkan keharmonian dan perpaduan rakyat. Kerajaan hendaklah juga mempertimbangkan untuk memberikan kerajaan lebih banyak dana bagi tujuan

ini. Jabatan Perkhidmatan Awam dan swasta juga boleh memainkan peranan dalam hal ini dengan pengisian dan pengagihan tenaga kerja yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada mini bajet seperti yang direncanakan pada 10 Mac minggu hadapan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan akan membentangkan mini bajet di Dewan yang mulia ini. Kita amat mengalu-alukan mini bajet ini dan berharap ianya akan benar-benar akan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang kian malap. Persoalannya adalah adakah pakej mini bajet ini akan berhasil dan mencapai matlamatnya? Adakah pakej stimulus ini sampai kepada golongan sasaran?

Selain daripada perbelanjaan berjimat cermat, kita mesti hentikan perbelanjaan secara boros yang tidak berhemah dan cara membazir seperti majlis makan besar-besaran, berlebihan sampai makanan yang terlebih dibuang ke tong sampah.

■1640

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Di sini saya ingin menghuraikan beberapa cabaran...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Batu Gajah minta penjelasan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Beberapa cadangan yang saya rasa kerajaan perlu pertimbangkan bagi menjayakan matlamat pembentangan bajet mini ini. Saya belum habis. Okey, sila.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Kita telah dimaklumkan berkenaan pembentangan mini bajet yang kedua. Tapi hendak tahu apakah Yang Berhormat Putatan akan meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau kerajaan untuk menjalankan satu konsultasi dengan sekurang-kurangnya Ahli Parlimen dan NGO-NGO. Buat masa ini walaupun dimaklumkan 10 Mac akan dibentangkan dalam dewan ini, kita hanya dapat maklumat bahawa mini bajet ini adalah bersaiz lebih besar, lebih kompetitif untuk kebajikan rakyat.

Apakah Yang Berhormat Putatan tidak ingin tahu, lebih maklumat terperinci. Yang Berhormat daripada barisan kerajaan. Mengapa tidak mengambil peluang untuk meminta kerajaan menjalankan konsultasi, memberi tahu apakah yang diperlukan oleh pengundi-pengundi kawasan masing-masing untuk menjayakan mini pakej yang akan datang ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat Yang Berhormat Batu Gajah. Pandangan daripada semua golongan termasuklah semua kementerian dalam peringkat eksekutif telah pun dan sedang dilaksanakan. Kita pun tidak ada maklum. Jadi di sini, Dewan yang mulia ini kita cadangkan kepada Yang Amat Berhormat apa yang perlu dibuat, apa yang akan terkandung dalam mini bajet ini. Tugas Yang Berhormat juga, mencadangkan cadangan yang baik. Bukan cara membantah sahaja. Di sini saya sedang mencadangkan...

**Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini saya belum melihat lagi apa dalam mini bajet itu dan Yang Berhormat pun ada tanggungjawab yang sama. Tanggungjawab kepada rakyat di wakili oleh Ahli Yang Berhormat. Buatlah cadangan ya?

**Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Sikit sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Maran.

**Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya tertarik apa pandangan apa yang diberi oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi. Akan tetapi saya minta pandangan Yang Berhormat, selama ini kita bentangkan bajet umpannya bajet yang 2009 yang dahulu. Kita kerajaan telah sebarkan seluruh masyarakat, NGO dipanggil, pakar-pakar dan sebagainya dipanggil.

Akan tetapi apabila kita bentangkan bajet dalam Parlimen ini, maka pembangkang telah mencadangkan bajet yang baru yang menyebabkan kita terpaksa berbincang, membuang masa dan sebagainya. Akhirnya pakai juga, elaun kita bayar juga kepada dia. Jadi ini kadang-kadang mengecewakan kita. Apa salahnya beri pandangan kepada kerajaan. Saya rasa keikhlasan mungkin tidak ada Yang Berhormat. Kita pandangan Yang Berhormat, sebab selama ini tidak ada masalah kepada kita. Kerajaan boleh tambahan bajet, bajet pun kembali kepada kita kembali kepada mana? Jadi minta Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya sengaja benarkan tadi...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Setuju Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sengaja benarkan tadi kelonggaran untuk beberapa persoalan dikemukakan mengenai mini bajet. Dalam peraturan mesyuarat Yang Berhormat, tidak boleh dibahas perkara yang akan datang. So, tumpukan kepada Titah Ucapan Diraja. Biar nanti kamu bahas yang mini bajet itu sewaktu mini bajet telah dibentangkan dan ada sesi ruang untuk berbahas.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini belum dibentangkan ini termasuk juga ekonomi negara, termasuk, terkandung dalam titah ucapan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi jangan kaitkan secara *direct* dengan mini bajet kena khusus.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua saya setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kerana dalam ucapan...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya boleh buat cadangan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Titah Ucapan Diraja pun dia sebut juga ekonomi.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Jadi saya buat cadangan Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sentuh dalam perbahasan dan usul saya di Dewan yang mulia ini pada mesyuarat yang lalu. Rakyat terutama sekali di negeri Sabah terpaksa membayar 25%, 30% lebih bagi semua jenis barangan diimport di sebabkan oleh *cabotage policy*. Saya sudah sentuh ini beberapa kali dan walaupun pengusaha-pengusaha kapal ini mempertahankan polisi yang sering menyatakan *trade in balance*, dengan izin *between* Port Klang dengan Kota Kinabalu.

Jadi ini saya telah ulas jadi polisi ini memang ramai yang membantah terutama sekali peniaga-peniaga di negeri tersebut. Jadi ini telah membebankan juga rakyat di peringkat akar umbi dan sekali gus telah menyumbang kepada kadar kemiskinan di negeri itu. Saya ingin menyarankan sekali lagi supaya kerajaan menghapuskan polisi ini dan yang membebankan rakyat di Sabah khususnya.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, rasuah dan ketirisan. Memerangi rasuah merupakan satu cabaran yang paling besar yang dihadapi oleh kerajaan hari ini. Keadaan diburukkan lagi dengan penurunan *corruption perceptions index* CPI dengan izin dalam lima tahun berturut-turut. Rasuah bukan sahaja merugikan kerajaan tetapi juga rakyat.

Di mana mutu kerajaan atau bekalan yang diterima oleh rakyat bermutu rendah malah dalam setengah kes projek pembangunan yang dirancang lambat dilaksanakan kerana ganjaran tidak cukup. Oleh yang demikian, dengan penambahan lima ribu orang anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau SPRM, dan penubuhan Lembaga Penasihat Pencegah Rasuah, Penubuhan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah serta Pelan Integriti Nasional dan Asuhan Integriti Nasional amatlah diharapkan agar pembanterasan gejala rasuah ini dapat diperhebatkan dan diperkasakan lagi. Dalam hal yang demikian, kerajaan juga haruslah melihat akan dakwaan bahawa pekerja di negara ini dibayar gaji yang rendah berbanding gandingan kerja di Singapura dan ini menjadi salah satu penyebab mengapa gejala rasuah terus berleluasa.

Satu mekanisme haruslah dirangka bagi menaikkan lagi kadar minima gaji pekerja di negara ini sama ada di dalam sektor awam atau dalam sektor swasta sementara ketirisan pula berkait rapat dengan rasuah. Sebagai contoh berikutan adalah ketirisan yang diberi maksudkan seperti mana yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. 164 set *screwdriver* dibeli pada harga RM224 setiap set, sedangkan harga di pasaran cuma RM40 setiap satu set. 90 set pen teknikal jenama *Faber Castell* di beli pada harga RM1,147 setiap set sedangkan di pasaran cuma RM160 sahaja. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua yang saya tidak sempat saya menyenaraikan di sini. Ini semua terkandung dalam laporan Ketua Audit.

Satu lagi contoh yang kita semua maklum bahawa ada juga kes yang sudah mati bertahun-tahun. Bangkai pun sudah tidak ada, tapi masih menerima bantuan kerajaan pada tiap-tiap bulan. Ketirisan seperti ini sebenarnya lebih serius daripada perbuatan rasuah dan bolehlah dianggap sebagai pecah amanah daripada pihak yang berkaitan.

Ketirisan seperti inilah yang bukan sahaja membebankan kewangan negara malah akan merugikan rakyat kerana rakyat sebagai kumpulan sasar menerima ada bekalan yang rendah mutunya ataupun kurang daripada apa yang sepatutnya. Oleh yang demikian bajet ini hendaklah juga menyediakan dana yang secukup bagi urusan pencegahan, pendakwaan serta pendidikan mengenai pembanteras rasuah dan ketirisan ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Ahli Parlimen. Bagi menggalakkan kelewatan implementasi sesuatu program yang dirancang oleh kerajaan mahupun oleh wakil rakyat kerajaan. Kerajaan hendaklah melibatkan wakil rakyat secara langsung dalam memantau serta mengimplementasikan semua program serta projek kerajaan. Peranan yang dimainkan oleh wakil rakyat kerajaan pada hari ini amatlah kritikal demi untuk memastikan wakil rakyat kerajaan tetap relevan di hari rakyat.

Memandangkan wakil rakyatlah yang lebih dekat dengan rakyat, serta memahami masalah rakyat berbanding dengan kakitangan kerajaan dan wakil rakyat juga menjadi buruan rakyat sekiranya mana-mana program tidak dilaksanakan. Maka adalah wajar wakil rakyat terlibat secara langsung dalam hal pelaksanaan program pembangunan rakyat.

Oleh yang demikian, kerajaan hendaklah memperkasakan kedudukan wakil rakyat kerajaan di samping memberikan mereka *empowerment* dengan izin untuk bergerak secara cergas dalam mengimplementasikan semua rancangan pembangunan kerajaan. Kerajaan juga hendaklah mempertimbangkan untuk menaikkan lagi siling peruntukkan khas kepada setiap wakil rakyat kerajaan supaya banyak lagi program penyelesaian rakyat di buat dan dirasai oleh rakyat secara serta merta.

#### ■1650

Keempat, golongan sasar. Setiap bajet yang dibentangkan kita sering mendengar bahawa ianya akan menguntungkan semua lapisan masyarakat yang mana hakikatnya, keberkesanannya adalah kurang dirasai atau terhad. Soalnya bagaimana kita dapat membantu rakyat untuk mengisi saku mereka.

Dalam hal ini, rakyat hendaklah benar-benar merasakan bahawa maksud bajet tersebut adalah untuk mereka dan sampai kepada mereka. Misalnya kita menjangkakan bahawa dalam masa enam bulan yang akan datang kadar pengangguran negara akan meningkat dengan mendadak sekali dan ini akan menyebabkan rakyat tidak mampu berbelanja.

Begitu juga bagi golongan petani. Selain mendapat subsidi pertanian mereka memerlukan rangkaian infrastruktur yang baik dan industri hiliran agar mereka dapat memasarkan keluaran mereka. Sementara golongan nelayan pula, selain subsidi dan program untuk meningkatkan pendapatan nelayan, mereka memerlukan sokongan dari segi keselamatan dan industri hiliran bagi mereka menjaga pendapatan.

Golongan peniaga pula, mereka memerlukan suasana yang mesra peniaga untuk maju dalam perniagaan mereka. Oleh yang demikian, dalam bajet ini kerajaan hendaklah menumpukan perhatian kepada perkara-perkara berikut:-

- (i) menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan melalui program-program pelaburan asing, melalui MITI dan badan-badan kerajaan yang lain;
- (ii) menyediakan program baru yang mengeluarkan makanan negara melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya pergantungan negara kita kepada import bahan makanan berkurangan sementara pendapatan petani dan nelayan dapat ditingkatkan;
- (iii) menyeru dan mensyaratkan bank-bank perniagaan untuk menstrukturkan semula dan menurunkan kadar faedah pinjaman oleh golongan peniaga;

Di samping itu, bank berkaitan kerajaan seperti Agro Bank, SME Bank terus memperhebatkan lagi aktiviti SMI dan juga golongan perniagaan.

- (iv) rakyat haruslah diberikan penerangan yang jelas mengenai dengan kedudukan ekonomi negara dari semasa ke semasa agar rakyat dapat berbelanja dengan lebih berhemah;
- (v) penglibatan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak;

Ketika menghadiri satu perjumpaan dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Dayak (DCCI) di Kuching Sarawak baru-baru ini. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memberi jaminan kepada DCCI bahawa kerajaan bersedia untuk membantu mereka dengan diberikan peluang-peluang perniagaan dalam bajet ini kelak. Ini amatlah kita alu-alukan dan telah lama kita tunggu-tunggu.

Dalam hal yang berkaitan, kerajaan juga hendaklah tidak terlepas pandang dengan keperluan, kehendak Ahli-ahli Dewan Perniagaan, Perindustrian Kadazan Dusun (KCCI) di Sabah. Selaku ahli dan mantan Presiden KCCI, saya telah banyak menerima keluhan daripada ahli-ahli KCCI yang kebanyakannya memiliki lesen yang diperlukan, tetapi telah bertahun-tahun tidak mendapat peluang untuk mendapat sebarang tawaran kerja daripada kerajaan.

Dalam kesempatan ini, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya juga mengambil kira keperluan ahli-ahli KCCI yang juga dapat menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara ini.

- (vi) pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga haruslah mengkaji semula kebergantungan negara kepada sumber tenaga buruh asing. Seperti yang kita sedia maklum, negara bergantung hampir 80% tenaga buruh asing dalam sektor pembinaan, perladangan, pertanian, pembuatan, perkhidmatan dan lain-lain lagi. Dengan kebanjiran pekerja asing di Malaysia maka mata wang

Malaysia juga membanjiri negara asing melalui pengiriman mereka. Hasilnya Malaysia akan kerugian dari segi tukaran wang asing.

Jadi, saya ada satu catatan surat khabar keluaran *Daily Express* pada 10 Februari yang telah memaparkan bahawa negara Filipina sendiri pekerja asing mereka. Pada tahun yang lalu, mereka telah mengirim wang kepada negaranya berjumlah USD14.45 bilion dan pada tahun yang lalu USD15.02 bilion kepada negara Filipina. Jadi, kebanyakan pekerja-pekerja ini adalah bertempat di negara kita. Jadi, kalau kita lihat agak berapa banyak wang kita telah keluar ke negara jiran kita. Ini belum termasuk negara Indonesia, negara Myanmar, Bangladesh, dan banyak lagi negara-negara jiran kita yang ada pekerja-pekerjanya, orang-orangnya, rakyat-rakyatnya bekerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini serius. Kalau bilion-bilion ini, kena hantar ke luar negeri alangkah baik kalau duit ini, wang ini dibelanjakan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini kerajaan hendaklah memandang serius masalah kebergantungan negara dan kebanjiran buruh asing. Dewan ini juga sedia maklum bahawa terdapat seramai 350,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura sahaja. Bayangkan sekiranya 200 daripada mereka ini kehilangan pekerjaan ditambah pula dengan kehilangan pekerjaan domestik, negara akan dilanda fenomena pengangguran yang paling teruk. Tentu sekali impak kepada ekonomi negara kita akan lebih dahsyat lagi.

Justeru itu, dalam bajet ini kerajaan hendaklah bersedia untuk menangani masalah pengangguran yang bakal melanda negara kita secara besar-besaran dan secara mendadak. Oleh itu, saya harap bajet ini haruslah menyediakan dana yang cukup bagi menyediakan latihan kemahiran bagi mereka ini supaya mereka menjadi sumber tenaga yang sedia dipakai apabila ekonomi pulih kelak, malah boleh dieksport pula sumber tenaga manusia tersebut dan secara tidak langsung dapat menjana pendapatan negara kita dalam segi tukaran negara asing. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Tawau.

**4.57 ptg.**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan pimpinan, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tampil untuk turut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah Tuanku di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mukadimah saya pada petang ini bertajuk siapa penderhaka. Tuan Yang di-Pertua, tidak sukar untuk kita mencari jawapan kepada perbahasan ini. Tanpa perlu perbahasan yang lanjut. Rakyat telah pun mengambil pendirian bahawa UMNO



mempunyai saham yang terbesar dalam mengkhianati amanah anak bangsa dan mencabul prinsip Perlembagaan Negara.

Yang Berhormat Permatang Pauh telah pun mencerakinkan beberapa insiden untuk menyokong pernyataan rakyat ini dan saya tampil pada petang ini untuk mengukuhkan lagi hujah bahawa sebenarnya pemimpin UMNOlah pengkhianat kepada bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Titah Ucapan Tuanku Sultan Perak pada 3 Februari yang lalu sebelum berlaku rampasan kuasa oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Di mana Tuanku Sultan Perak bertitah ketika Istiadat Menghadap Sembah Taat Setia dan Penganugerahan Khas Darjah Kebesaran Sempena Jubli Perak di Istana Iskandariah.

Perkara ini dilaporkan bukan oleh suara keadilan atau Harakah tetapi dilaporkan oleh si kitul yang bernama Anuar Zaini daripada Bernama. Apa kata titah Tuanku pada ketika itu?

#### ■1700

Takhta boleh beralih dari istana ke muzium sejarah. Jika ia tidak diurus tadbir secara bijaksana dan adil. Sejarah menunjukkan bahawa kejatuhan sistem beraja. Bukanlah kerana sistem itu tidak baik, tetapi kerana berlakunya perilaku salah. Titah Tuanku lagi, persengketaan sesama sendiri dan juga berpunca daripada raja salah disembah nasihat oleh barisan pembesar dan pegawai istana yang memiliki kepentingan peribadi untuk menghimpun kekayaan atau mendapat pengaruh.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu pun perkataan dalam titah ucapan Tuanku ini merujuk kepada Pakatan Rakyat. Malahan UMNOlah lebih tepat memenuhi ciri-ciri yang dinyatakan dalam titah Tuanku itu iaitu watak-watak Raja Mandeliar. Konspirator, perancang, menghimpun kekayaan, rasuah dan cuba mendapatkan pengaruh. Ini semua watak-watak jelas dimiliki oleh pemimpin-pemimpin elit UMNO dan watak si Kitul yang dimainkan oleh *Utusan Malaysia*, TV3, Anuar Zaini dan *Bernama* mengeruhkan lagi keadaan dan membuktikan kepada kita bahawa Pakatan Rakyatlah yang akan mempertahankan Institusi Raja Berperlembagaan dan sistem demokrasi berparlimen dalam negara kita.

Saya boleh merumuskan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa UMNO tidak perlu lagi berselindung di sebalik tembok istana. UMNO tahu bahawa orang Melayu sudah hilang keyakinan kepada mereka. UMNO juga sedar bahawa mereka kalah dalam setiap kali pilihan raya kecil yang belum pernah berlaku selama ini. Bermula di Permatang Pauh dan Kuala Terengganu. Benar mereka menang sebentar di Perak dan saya telah nyatakan beberapa kali sebelum ini mereka menang secupak, kalah segantang. Insya-Allah mereka akan tewas sekali lagi di Bukit Gantang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya berharap perkara ini akan dihentikan. Kita juga bertanggungjawab untuk memberi maklum dan menasihati Raja-Raja Melayu supaya tidak lagi terperangkap dengan permainan politik dan propaganda UMNO dan Barisan Nasional. Mereka telah berulang kali menghina Institusi Raja-Raja Melayu seperti yang dicerakinkan oleh Yang

Berhormat Permatang Pauh dan hari ini mereka hendak menjadi jaguh bahawa merekalah yang mempertahankan Raja-Raja Melayu sedangkan orang-orang Melayu sedar dengan jelas bukti-bukti telah pun dipamerkan bahawa pengkhianat dan penderhaka adalah pemimpin-pemimpin elit UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan perbahasan tentang satu lagi perkara yang juga membuktikan bahawa UMNO, pemimpin-pemimpin elit UMNO khususnya telah mencabul prinsip Perlembagaan Negara. Hari ini kita mendengar perdebatan yang begitu hangat tentang isu bahasa kerana kegagalan UMNO mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Semalam kita lihat Gerakan Mansuhkan PPSMI dengan tegas mengeluarkan kenyataan bahawa mereka bimbang suasana hari ini menyaksikan bahawa pelaksanaan program PPSMI ini dianggap menghina bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kerana UMNO tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Yang menyebut ini bukan ahli-ahli politik. Ini adalah tokoh-tokoh akademik yang tersohor termasuk Sasterawan Negara, Datuk Ahmad Said atau A. Samad Said.

Mereka juga bertanya mengapa UMNO hari ini sendiri meragui kemampuan bahasa mereka sendiri. Mereka masuk ke kampung, mereka mendabik dada merekalah jaguh orang Melayu dan umat Islam. Akan tetapi ini bukti yang jelas yang telah disahkan sendiri oleh tokoh-tokoh akademik bahawa pemimpin UMNO hari ini meragui kemampuan bahasa Melayu yang sudah diangkat bukan sahaja menjadi bahasa kebangsaan tetapi telah menjadi bahasa ilmu dan bahasa dunia pada ketika ini. Pada malam ini Tuan Yang di-Pertua, ada satu perhimpunan besar-besaran yang akan dianjurkan oleh tokoh-tokoh akademik dan pejuang-pejuang bahasa. Mereka tidak lagi meletakkan harapan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Pada malam ini tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang bahasa mengundang Ketua Pembangkang iaitu Ahli Parlimen Permatang Pauh untuk bersama-sama mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Namun kita dengar juga suara-suara daripada Kementerian Pelajaran khususnya menterinya sendiri yang menyatakan mengapa hari ini baru kita hendak bahaskan soal PPSMI ini. Ini satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua. Setelah apabila enam tahun yang lalu program ini dilaksanakan, saya dan teman-teman daripada PAS dan DAP antara pimpinan yang terawal menegur kerajaan UMNO dan Barisan Nasional untuk tidak meneruskan dengan program ini. Malahan pada satu ketika di peringkat awal seramai 60 orang tokoh akademik termasuk profesor dan pejuang-pejuang bahasa berjuang bersama-sama untuk tidak membenarkan program PPSMI ini dijalankan.

Namun semua bantahan ini telah dipadamkan oleh media yang dikuasai oleh UMNO dan Barisan Nasional. Media digunakan bukan untuk menyampaikan maklumat, tetapi digunakan untuk membentuk pemikiran rakyat tentang apa yang perlu difikirkan. Inilah yang sedang berlaku, Tuan Yang di-Pertua sehingga rakyat dimomokkan bahawa program PPSMI ini telah

berjaya. Yang lebih malang sekali, Menteri Pelajaran baru-baru ini membuat pengumuman bahawa program ini berjaya kerana sekian peratus dalam mata pelajaran Matematik telah berjaya mencatatkan pertumbuhan yang jauh lebih besar. Ini pembohongan yang luar biasa, Tuan Yang di-Pertua kerana kajian telah membuktikan kenyataan Menteri Pelajaran itu berdasarkan kertas matematik yang kita juga sedia maklum Matematik ini ada kertas satu dan kertas dua. Kertas satu adalah kertas objektif. Sudah tentulah jawapannya sama ada pilih A, B, C atau D. Buat dalam bahasa Inggeris pun pelajar boleh jawab, buat dalam bahasa Melayu pun boleh jawab.

Apakah ini penanda aras Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk memutarbelitkan peratus pencapaian anak-anak Melayu di sekolah-sekolah tentang Program PPSMI ini. Inilah yang harus kita dedahkan kepada rakyat bahawa mata pelajaran matematik dan sains ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebut sebelum ini bukan bahasa pertuturan setiap hari yang membolehkan anak-anak kita menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Saya tidak menentang penggunaan bahasa Inggeris. Kita mahu anak-anak kita sama ada orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Iban dan orang Kadazan dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik tetapi janganlah kita pemimpin-pemimpin ini korbankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang telah dibangunkan oleh bapa-bapa dan pejuang-pejuang bahasa kita sebelum ini.

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]:** [Bangun]

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan isu pengajaran dan pendidikan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Gombak kerana saya turut bertanya di dalam Parlimen ini tetapi tidak dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan isu ada syarikat-syarikat tertentu yang mendapat tender atau kontrak untuk membekalkan *software* pendidikan Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris.

Oleh kerana tandatangan yang melibatkan jumlah berbilion ringgit, akhirnya pihak kementerian tidak mahu kompromi walaupun desakan demi desakan daripada pelbagai pertubuhan NGO dan termasuk ahli-ahli politik sama ada di dalam Parlimen sama ada di sebelah Pakatan Rakyat ataupun di sebelah kerajaan sendiri.

■ 1710

Akan tetapi, *ignore*, dengan izin, tidak dihiraukan oleh pihak kementerian semata-mata kerana hendak mempertahankan faktor ekonomi, jadi apa yang saya ingin minta penjelasan, adakah di dalam membuat keputusan-keputusan besar dalam bidang pendidikan ini, faktor ekonomi ataupun mempertahankan kroni-kroni tertentu dijadikan sandaran yang kukuh, apa pandangan dari Gombak?

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Gombak, kalau boleh sambung? Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya minta pandangan Gombak, sebenarnya bagi saya PPSMI ini

sebenarnya benar-benar telah gagal, kalau kita pergi ke sekolah-sekolah hari ini, untuk Tahun 5 dan 6, guru-guru akan bertanya kepada murid, awak esok nak jawab dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu? Boleh dikatakan sekolah-sekolah luar bandar pelajar akan berkata “Kami akan menjawab dalam bahasa Melayu”. Jadi guru terus mengajar dalam masa setahun atau dua tahun tadi, Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Ini saya rasa menunjukkan bahawa PPSMI itu benar-benar gagal dan hanya kesombongan dan kebongkakan sahaja menyebabkan PPSMI ini masih belum mahu dimansuhkan, apa pandangan Gombak?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih teman-teman daripada Sik dan juga Kuala Kedah, saya nak respons kepada sahabat saya daripada Sik terlebih dahulu. Tuan Yang di-Pertua, memang benar sebab terdapat kajian yang telah dilakukan yang mengesahkan bahawa subjek Matematik dan Sains lebih mudah dikuasai jika diajar menggunakan bahasa ibunda, dan semua tokoh akademik, tolak Menteri Pelajaran seorang sahaja, semua tokoh akademik yang telah puluhan tahun berjuang untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Bersependapat bahawa tidak ada tamadun yang boleh dibangunkan tanpa menggunakan bahasa ibundanya dan kepentingan bahasa ibunda kepada sesebuah negara itu penting untuk mencapai kemajuan, sebagai contoh Profesor Dr. Shahril seorang tokoh akademik dalam bidang Matematik. Dia belajar di luar negara dalam bahasa Inggeris tetapi dia mampu balik ke tempat tanah tumpah darahnya untuk mengajar anak bangsa kita Matematik dalam bahasa ibunda kita dengan cukup baik dan puluhan tahun kita telah terjemahkan bahasa-bahasa, istilah-istilah Sains dan Matematik ini dalam bahasa kebangsaan.

Kenapa hari ini dengan sewenang-wenangnya dimusnahkan dan dikorbankan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya telah nyatakan sebelum ini, siapa sebenarnya pengkhianat, sebab itu Tuan Yang di-Pertua, tajuk saya mungkin agak gempar. “Siapa Penderhaka”? Siapa yang membunuh Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Laluan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Bukan Ketua Menteri Pulau Pinang, bukan teman-teman daripada HINDRAF, bukan orang-orang India, bukan orang-orang Melayu daripada PAS dan Keadilan, tetapi yang membunuh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah pemimpin elit UMNO itu sendiri yang tidak mampu berdepan dengan orang-orang Melayu pada ketika ini. Silakan Titiwangsa.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak, adakah Yang Berhormat menyedari apa yang dikatakan oleh pihak Barisan Nasional mengatakan baru kenapa sekarang setelah enam tahun, adakah Yang

Berhormat menyedari bahawa seorang daripada salah seorang pejuang dari segi anti kepada PPSMI, beliau adalah seorang profesor Matematik yang berjaya sudah pastinya daripada sebuah universiti tempatan baru-baru ini, bukanlah tahun lepas, dia telah pun ditamatkan kontraknya walaupun dia memang masih aktif lagi mengajar dan sebagainya, tetapi telah ditamatkan kontraknya kerana dia dilihat memperjuangkan PPSMI ini.

Jadi kalau boleh bagi komen sikit. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Titiwangsa, saya tidak terkejut dengan tindakan-tindakan seperti ini yang sering kali diambil oleh UMNO dan Barisan Nasional, tapi sebelum itu saya nak merujuk kepada teman saya di Kuala Kedah, soal pertimbangan ekonomi ini memang telah disahkan dalam Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lima tahun pelaksanaan PPSMI.

Kementerian pelajaran telah membelanjakan lebih RM2.7 bilion, apa kesannya? Tidak ada! Akan tetapi yang menjadi *laughing stock* ataupun bahan ketawa, beberapa hari yang lepas, Menteri Pelajaran timbul dalam Dewan Rakyat menyatakan mengapa kita harus tergesa-gesa nak pinda semula dan berpatah balik kepada bahasa Melayu dan sebagai bahasa kebangsaan dalam pengajaran Matematik dan Sains.

Alasan Menteri Pelajaran, benda ini telah dilaksanakan enam tahun, kalau perlu dipinda, berilah sedikit masa untuk kita teliti dulu, saya lihat ini permainan politik Menteri Pelajaran, mengapa sebelum ini, sebelum tahun 2003, setelah kita laksanakan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan boleh dirombak tanpa rujuk kepada tokoh-tokoh akademik, tidak ada *round table*, tidak ada perbincangan, tidak ada *consultation*.

Sekarang, baru Menteri Pelajaran nak fikir soal *consultation*. Sebab itu saya setuju pertimbangan mereka bukan kepentingan anak bangsa, bukan kepentingan Perlembagaan Persekutuan yang telah dipersetujui bersama, tetapi kepentingan mereka adalah untuk mewujudkan kontrak-kontrak ini bagi kepentingan kroni-kroni mereka di dalam UMNO dan Barisan Nasional.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak Kementerian Pelajaran dan Menteri Pelajaran supaya tidak perlu lagi melengah-lengahkan desakan, kalau tak mahu dengar kami dari Pakatan Rakyat, dengarlah keluhan tokoh-tokoh akademik dan pejuang-pejuang bahasa ini yang lebih arif tentang soal bahasa dan kemampuan bahasa itu sendiri untuk membangunkan anak bangsa kita dan saya berharap supaya Menteri Pelajaran segera melaksanakan desakan ini supaya kembalikan pembelajaran dan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda masing-masing.

Kalau kerajaan ingin anak-anak kita menguasai bahasa Inggeris dengan baik, yang perlu dilakukan ialah untuk meneliti semula dan meningkatkan mutu dan kaedah pengajaran bahasa Inggeris itu yang pernah pun dilakukan oleh Ketua Pembangkang ketika menjadi Menteri

Pendidikan iaitu mewujudkan, meneliti semula kurikulum pelajaran dengan memasukkan satu lagi subjek Sastera Inggeris supaya anak-anak kita dapat menguasai bahasanya dan ayat-ayatnya dan istilahnya dengan lebih baik dan lebih tepat untuk maksud yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara yang cukup penting yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang masalah krisis ekonomi global yang hari ini yang sudah pun melanda negara kita. Walaupun sebelum ini Menteri Pelajaran berhempas pulas, maaf, Menteri Kewangan yang baru berhempas pulas tidak mahu mengaku bahawa Malaysia juga akan terkesan daripada krisis ini tetapi akhirnya setelah beberapa bulan Menteri Kewangan terpaksa tunduk bahawa Malaysia sudah pun terkesan daripada krisis yang melanda seluruh dunia.

Maka sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar cadangan kerajaan khususnya Menteri Kewangan mengemukakan pakej rangsangan ekonomi. Saya nak nyatakan di sini, dalam menangani krisis ini, pakej rangsangan ekonomi ini penting tetapi ada beberapa perkara yang harus kita fikirkan bersama dalam perbahasan kali ini. Ini soal pakej rangsangan ekonomi yang telah pun dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua, apakah jumlah yang sebenarnya mencukupi untuk respons kepada krisis ekonomi global ini, ada yang mengatakan RM7 bilion sebelum ini, pada 10 Mac Menteri Kewangan menyatakan mungkin jumlahnya lebih besar, tetapi kalau kita lihat di Australia Tuan Yang di-Pertua, rakyat dia ada 21 juta orang.

Pakej pertama rangsangan ekonomi yang diluluskan oleh kerajaan Australia berjumlah AUD\$ 42 bilion.

#### ■1720

Maknanya setiap rakyat Australia itu dapat USD2 ribu masuk ke dalam poket rakyat di sana. Kita ada 25 juta, yang dibawakan oleh Menteri Kewangan, RM7 bilion. Sudah tentulah soal angka ini juga kita pertikaikan. Akan tetapi yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua ialah dalam kebijaksanaan kita sebenarnya, prinsip pertanggungjawaban itu penting. Apabila kita membicarakan pendekatan yang terbaik, persoalannya ialah kebijaksanaan kita untuk respons terhadap krisis ekonomi global ini. Memanglah umumnya menerima bahawa defisit *funded fiscal* stimulus ini antara pendekatan yang terbaik.

Cuma ada dua perkara yang harus kita bahaskan secara bertanggungjawab. Apakah pilihan kita yang pertama soal perbelanjaan kerajaan iaitu ataupun *government spending* dengan izin, ataupun dengan pemotongan cukai? Ini dua perkara yang masih diperdebatkan. Namun, kita harus ingat bahawa untuk menguruskan bajet defisit ini memang mudah dan Kerajaan Barisan Nasional memang suka menguruskan bajet yang defisit ini mudah. Tidak ada sikap pertanggungjawaban, tidak fikirkan apa dan bila defisit ini dapat dikembalikan, soal belanja siapa pun boleh belanja tetapi prinsip pertanggungjawaban itu tidak ada.

Saya bagi contoh RM7 bilion yang diumumkan oleh Menteri Kewangan pada tahun lalu. Kita minta supaya perincian apakah keutamaannya, apakah bidang yang akan diberikan

perhatian, berapa banyak Kementerian akan belanjakan mengikut kepentingan masing-masing? Tidak dipedulikan, tidak ada perincian. Kita pun tidak tahu malahan masyarakat pelabur dan industri juga bertanya-tanya di mana keutamaan kerajaan letakkan dalam pakej rangsangan yang pertama sejumlah RM7 bilion itu. Berbeza dengan Presiden Obama yang baru diberikan mandat oleh rakyat Amerika Tuan Yang di-Pertua.

Semalam dalam *New York Times* melaporkan, Presiden Obama memberikan pengakuan kepada seluruh rakyat Amerika. Dalam penggal pertama ini beliau akan mengurangkan defisit kerajaan kepada 50%. Bukan setakat itu, Presiden Obama mencerakinkan strategi yang akan diguna pakai dengan cukup *detail* supaya pelabur-pelabur dan masyarakat tahu di mana *emphasis* yang diletakkan oleh pentadbiran yang baru ini. Akan tetapi kita masih gagal untuk berkongsi maklumat ini dan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin mencadangkan supaya dua pilihan yang kita ada tadi sama ada *government spending* ataupun *tax cut* dengan izin. Saya kira dalam konteks pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional dan Malaysia hari ini, saya lebih berminat untuk *tax cut* daripada *government spending*.

Hujah saya mudah sahaja Tuan Yang di-Pertua, *government spending* ini terlalu banyak ketirisan, terlalu banyak kebocoran, kita pun tidak tahu siapa yang dia hendak bagi, kontrak dirunding secara terus, margin terlalu tinggi, komisen terlalu tinggi, berlaku penyelewengan dan rasuah, akhirnya gagal untuk *create* ataupun mewujudkan *economic activities* di peringkat bawahan. Ini yang berlaku RM7 bilion. Perdana Menteri mengakui baru-baru ini bahawa dia kata yang dibelanjakan hanya RM3 bilion, beberapa bilion lagi masih ada, yang RM3 bilion itu pun masih di awang-awangan di Kementerian-kementerian.

Kita tidak tahu siapa yang dapat kontrak, kita tidak tahu apakah sasaran dan matlamatnya, dan inilah yang menyebabkan *government spending policy* di Malaysia memang tidak sesuai kerana tidak ada sikap pertanggungjawaban di kalangan Menteri-menteri dan pimpinan. Bagi saya, dalam konteks hari ini Tuan Yang di-Pertua, krisis makin parah, negara-negara lain sudah terima hakikat ini Malaysia baru sedar, baru terjaga dari tidur beberapa hari yang lalu, baru hendak bentangkan mini bajet kononnya. Akan tetapi bagi saya pendekatan yang terbaik di antara dua pilihan ini ialah dengan *tax cut* iaitu pemotongan cukai.

Ini kerana dengan pemotongan cukai sebagai contoh, sekarang ini personel *tax* saya ingat dalam 28%. Kalau kita boleh turunkan kepada 23% atau 25%, sudah tentulah pemotongan *tax* ini akan terus masuk dalam poket setiap rakyat. Dia tidak masuk dalam poket menantu, dia tidak masuk dalam poket isteri Menteri. *Tax cut* ini pastinya akan masuk dalam poket setiap rakyat secara tetap dan kalau rakyat itu tahu bahawa dia ada kekuatan ekonomi hari ini, maknanya pendapatannya lebih, cukainya berkurangan, pastinya dia akan lebih yakin untuk membelanjakan wang tersebut untuk meningkatkan lagi kitaran ekonomi dalam negara kita.

Dengan cara ini kita boleh *encourage* ataupun menggalakkan *spending* di kalangan rakyat dengan lebih bertanggungjawab lagi dan ini pastinya akan dapat membantu dalam krisis yang kita hadapi hari ini.

**Tuan Chua Tee Yong [Labis]:** Ahli Parlimen Gombak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Labis dan Yang Berhormat Mambong, berdiri minta penjelasan yang mana satu?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Labis dan Yang Berhormat Mambong, saya bagi Yang Berhormat Labis dulu sebab dia selalu tidak bercakap.

**Tuan Chua Tee Yong [Labis]:** Terima kasih Ahli Parlimen dari Gombak. Saya ingin penjelasan ialah tentang *tax cut* yang telah dibincangkan atau telah diperkatakan iaitu jika *tax cut* diberi sebanyak 5% kepada 28% *tax cut*, maka ia hanya akan dinikmati oleh orang yang kaya sahaja dan bukan menolong rakyat yang memerlukan pertolongan dari kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih sahabat saya daripada Labis. Saya bersetuju soal perincian itu kita boleh bincang, ini soal dasar *tax cut* ini. Kita boleh putuskan pendapatan sekian banyak ataupun golongan pekerja yang mendapat pendapatan sekian banyak, itu perincian boleh dibuat di peringkat Kementerian Kewangan. Saya setuju sebab kita tidak mahu insentif seperti ini akan akhirnya pergi kepada orang-orang yang kaya yang berpendapatan tinggi. Pendekatan saya ialah supaya rakyat yang terbanyak ini apabila diberikan *tax cut* ini yang boleh diputuskan oleh kementerian pada tahap dan bidang masing-masing, maka rakyat terbanyak akan ada kuasa untuk membelanjakan dan ini boleh merencanakan lagi ekonomi dalam negara kita.

Kalau boleh saya tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua, *government spending* ini dia memerlukan masa yang agak lama. Dia perlukan perbincangan, perancangan hendak buat sekolah, hendak buat jambatan dan sebagainya sedangkan kalau *tax cut* ini dia punya respons itu *immediate*. Dia masuk poket rakyat ini terus gajinya meningkat, *tax* nya berkurangan jadi kitaran aktiviti ekonomi itu akan dapat kita mulakan secepat mungkin. Hujah ini boleh diperincikan seperti saya kata tadi tetapi yang pentingnya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua di antara dua opsyen atau pilihan yang saya nyata tadi.

*Government spending* ini dalam konteks Malaysia ini amat berbahaya. Ini kerana ianya lebih bersifat kroni ataupun *political* neksus yang memberikan kuasa untuk orang-orang tertentu mendapat kontrak. Akan tetapi yang penting sekali salah satu dasar pendekatan *tax cut* ini kita dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara kita dengan lebih rancak lagi. Saya ingin memberikan satu cadangan Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hari ini kita mahu krisis ini tidak berterusan dan dapat kita tangani dengan cepat, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengambil satu pendekatan segera untuk merangsang sektor hartanah negara.

Ini dapat dilakukan oleh kerajaan yang memberikan penekanan terhadap program rakyat untuk memastikan setiap keluarga ataupun warganegara mempunyai rumah mampu milik



masing-masing. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi aktiviti penjualan rumah yang banyak belum terjual oleh sebab masalah dan krisis yang sedang kita bincangkan.

■1730

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mambong, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, sila.

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya memang setuju juga dengan *tax cut* agar rakyat di negara kita ada duit berlebihan dan oleh itu mereka berbelanja tetapi adakah semestinya mereka akan berbelanja?

Yang kedua, golongan pekerja-pekerja di negara kita kemungkinan besar lagi golongan mereka yang tidak membayar cukai, adakah *tax cut* ini diperlukan? Akan tetapi saya sarankan begini, kepada syarikat-syarikat lebih-lebih lagi syarikat kecil dan sederhana, pada masa kini, mereka memang mengalami kerugian tetapi pada masa lepas, semasa ekonomi amat baik sekali, mereka membayar cukai. Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan bahawa cukai yang mereka bayar dulu diagih balik kepada mereka ini supaya mereka ini masih boleh lagi beroperasi dan masih menyimpan pekerja-pekerja mereka. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Mambong. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Mambong, saya pada peringkat awal hampir-hampir setuju dengan cadangan tersebut. Saya berbincang dengan teman-teman dan yang pakar dalam bidang ekonomi, kita bicarakan soal *corporate tax* kalau boleh terus dikurangkan oleh kerana *demand* sekarang berkurangan khususnya industri dan kilang-kilang yang mengeksport barangan mereka ke Amerika dan luar negara .

Oleh kerana *now demand* sudah berkurangan, maka *profit* juga tidak ada dan untuk mengelakkan daripada kilang-kilang ini membuang pekerja mereka, ada cadangan untuk kita menurunkan *corporate tax*. Akan tetapi, setelah kita bincang dan bahas, pandangan yang agak kuat mengatakan, siapa yang akan bayar *corporate tax* ini kalau mereka tidak ada *profit*? Maknanya kalau kita kurangkan *corporate tax* itu, ianya tidak menjamin industri ini daripada terus tidak membuang pekerja-pekerjanya. Pasti oleh kerja pendapatannya sudah berkurangan, maka dia tidak perlu membayar *tax* tersebut. Jadi, kesannya tidak begitu kuat berbanding dengan beberapa cadangan yang telah saya nyatakan tadi.

Oleh sebab itu saya ingin menyatakan, Yang Berhormat Mambong juga menyatakan bagaimana kita boleh membelanjakan wang ini. Saya nak cadangkan yang saya hampir tiba untuk membahaskan perkara ini, bagaimana cara kita boleh meningkatkan kita punya *spending* secara berhemah dan bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, sementara kita boleh tingkatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk rakyat miskin dan berpendapatan rendah, khususnya yang pendapatan RM1,500 ke bawah, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan juga harus mengambil kira rakyat Malaysia yang belum lagi memiliki hartanah ataupun rumah kediaman.

Sama ada khususnya golongan muda, graduan, golongan profesional muda, pasangan yang baru mendirikan rumah tangga, yang pastinya biasanyalah anak-anak muda yang baru dapat pekerjaan, baru mendirikan rumah tangga, kelamin-kelamin baru dan biasanya harapan mereka ialah kalau boleh mereka nak memiliki sebuah rumah sendiri. Akan tetapi, dalam suasana hari ini pastinya sukar untuk mereka memiliki rumah tersebut.

Jadi, saya hendak mencadangkan kepada kerajaan, kalau saya teliti, ada satu dasar yang dijalankan di Australia yang disebut *first time home buyer* di mana kerajaan Australia memberikan satu geran kepada rakyat mereka yang belum memiliki *property* sama ada rumah ataupun hartanah, diberikan AUD14,000 potongan.

Maknanya kalau rumah itu AUD100,000, mereka hanya membayar AUD86,000 sahaja dan ini juga akan meningkatkan lagi aktiviti ekonomi. Cuma di peringkat kita, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan dapat meneliti cadangan ini kalau boleh diberikan geran ini, mungkin kita boleh.

Ini cadangan sahaja, kita kena lihat kekuatan dan keupayaan kita, RM30,000 untuk pembeli-pembeli rumah pertama iaitu *first time buyer* ini kepada keluarga yang mempunyai pendapatan terkumpul mungkin sebanyak RM5,000 sebulan. Kalau pendapatannya RM50,000 sebulan, saya kira kita tidak perlu memberikan pertimbangan yang begitu serius tetapi golongan profesional muda, pasangan muda, kelamin muda yang pendapatan mereka mungkin RM3,000-RM4,000 sebulan, sukar untuk mereka memiliki rumah. Kalau dalam konteks hari ini, saya cadangkan kalau kita boleh memperkenalkan satu dasar *first time home buyer* ini dalam negara kita.

Kita boleh semak Tuan Yang di-Pertua, pendapatan terkumpul itu berdasarkan pendapatan yang diisytiharkan dalam borang taksiran cukai masing-masing dan sekiranya ada penipuan seperti berlaku juga dalam konteks pemberian rumah-rumah kos rendah ini Tuan Yang di-Pertua, kita boleh kenakan denda mungkin dua kali daripada jumlah geran yang telah diberikan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, ini juga untuk menggalakkan rakyat Malaysia memiliki hartanah termasuk rumah supaya kalau boleh kita menghapuskan duti setem yang dikenakan kepada pembelian rumah-rumah tersebut. Akan tetapi sekali lagi kita boleh perincikan, kalau dia beli rumah nilainya RM1 juta, saya ingat kita tidak perlu beri perhatian tetapi kalau rumah itu kurang daripada RM500,000, maka bolehlah kita cadangkan supaya duti setem itu dihapuskan. Dengan cara ini, sekali lagi kita dapat menggalakkan aktiviti ekonomi dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu topik yang sedang panas dibahaskan hari ini iaitu berhubung pembinaan LCCT.

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mambong sekali lagi berdiri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya.

**Dato Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat dari Gombak. Pembeli-pembeli rumah di Amerika satu ketika dulu mengakibatkan kejatuhan ekonomi negara itu juga dan mengakibatkan banyak bank-bank bankrap kerana pada satu ketika dulu, bank-bank memberi pinjaman dengan mudah kepada pembeli-pembeli rumah yang pertama, *first timer* dan memberi faedah hampir 0% kepada mereka walaupun mereka tidak layak membayar cagaran ataupun *down payment*.

Selepas itu, apabila pasaran meningkat dengan 11% di Amerika Syarikat, kadar faedah juga meningkat dan mereka ini yang membeli rumah dulu tidak dapat membayar *loan* mereka. Jadi, adakah cadangan Yang Berhormat akan gagal juga seperti di Amerika Syarikat ataupun lebih baik? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Kita sedia maklum sekarang ini banyak perbincangan sedang rancak berjalan tentang sistem kewangan dan sistem ekonomi di Amerika itu sendiri yang harus diteliti semula dan dipinda dalam banyak bahagian-bahagiannya. Persoalan saya ialah, ini satu cadangan yang harus kita teliti. Kalau Amerika gagal melaksanakannya, tidak semestinya kita tidak mampu memperbaiki sistem tersebut. Mengapa Australia boleh berjaya dalam konteks ini?

Jadi, perkara ini saya kira kita juga sedia maklum tentang kegawatan ekonomi di Amerika Syarikat. Selain daripada apa yang telah kita lihat dalam akhbar, kita juga terima hakikat bahawa sistem pinjaman *mortgage* itu bukan sekadar dia memberikan pinjaman yang terlalu mudah tetapi ianya bertukar tangan berkali-kali dan menyebabkan keseluruhan sistem itu runtuh dan apakah kita perlu mengikut sistem yang sama? Yang ini perlu kita bincang dan bahaskan.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, hari ini surat khabar *The Star* muka depan melaporkan LCCT at *Labu off*. Surat khabar *The Star* hari ini melaporkan kerajaan mengambil keputusan untuk membatalkan pembinaan *Low Cost Carrier Terminal* (LCCT) di Labu ini yang menelan belanja sebanyak RM1.7 bilion. Banyak perbincangan yang kita dengar sebelum ini berhubung cadangan untuk membangunkan LCCT di Labu dan saya yakin keputusan kerajaan yang diumumkan pada hari ini untuk membatalkan pembinaan tersebut adalah hasil daripada desakan pelbagai pihak khususnya Pakatan Rakyat untuk meneliti semula perkara ini. Akan tetapi yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua kita perlu merujuk semula kepada pelan induk pembangunan KLIA yang jelas telah pun diperuntukkan keperluan pembesaran lapangan terbang tersebut.

Maknanya ada keperluan yang telah diperuntukkan dalam pelan induk ini untuk pembangunan LCCT tetapi sekali lagi dasar UMNO dan Barisan Nasional ini tidak jelas, tidak terancang, tergesa-gesa. Mengapa tidak daripada awal lagi Tuan Yang di-Pertua sebaik selesai sahaja KLIA ini kita boleh meneruskan berdasarkan pelan induk yang sedia ada yang telah diluluskan untuk membina LCCT yang telah pun diperuntukkan satu kawasan di KLIA itu sendiri di dalam pelan induk.

Akan tetapi kita lihat LCCT Sepang ini dibina pada tahun 2005 Tuan Yang di-Pertua dengan kos RM108 juta. Kononnya untuk mengendalikan trafik 10 juta setahun. Pada bulan Mei tahun yang lalu 2008, terminal ini dibesarkan pada kos RM160 juta. Dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2009 dan unjurannya ialah untuk mengendalikan trafik berjumlah 15 juta.

Saya tidak nampak kewajarannya Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah membelanjakan RM268 juta untuk membina LCCT di KLIA yang bersifat sementara dan sekarang ini sudah timbul ura-ura dan diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri hari ini bahawa tidak boleh dibina di Labu kerana Sime Darby tidak mempunyai dana dan akan dibina LCCT di KLIA oleh Malaysia Airports Holding Berhad bersama AirAsia. Mengapa? Kita sudah ada pun LCCT yang menelan kos RM268 juta. Hari ini nak dipindahkan semula ke tapak yang lain di KLIA juga. Di mana perancangan dan kebertanggungjawaban Menteri Kewangan ini?

Saya hendak tanya mengapa dari awal tidak dibina LCCT ini secara tetap ditapak yang telah diperuntukkan dalam pelan induk KLIA itu sendiri? Ini harus dijawab oleh Menteri Kewangan dalam jawapan pada minggu depan. Maknanya pembayar cukai kita rakyat termasuk ahli-ahli UMNO kita telah rugi RM268 juta kerana perancangan yang tidak bertanggungjawab itu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apa dia? Hendak tanya bangun. Tuan Yang di-Pertua, itu satu soal pengurusan, pertanggungjawaban Menteri Kewangan yang mungkin ataupun tidak mungkin menjadi Perdana Menteri pada bulan Mac ini, kita belum tahu lagi tetapi yang lebih besar Tuan Yang di-Pertua ialah soal urus tadbir korporat ini.

Saya telah berulang kali dalam sesi yang lepas saya tegur soal *corporate governance* apabila Menteri Kewangan yang sama juga meluluskan pembelian BII oleh Maybank di Indonesia. Soal *corporate governance* ini senantiasa diketepikan oleh Menteri Kewangan yang baru ini. Saya hendak beri bukti Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Gombak, penjelasan tentang *corporate governants* ini. Saya tengok orang korporat jadi Menteri Besar pun jadi kelam-kabut, macam-macam hal banyak masalah salah guna dan sebagainya. Itu apa masalahnya? Itu orang korporat itu. Hendak mentadbir negeri pun tidak boleh.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Batu Pahat, saya hendak nasihatkan jangan ingat rakyat ini semua lembu, jangan. Rakyat dapat teropong. Ya, kita boleh bicarakan soal bagi lembu salah. Bagi lembu salah? Bukan dia mencater darah lembu itu Tuan Yang di-Pertua. Ambil lembu bagi pada rakyat miskin. Inilah UMNO bila tolong orang miskin salah. Tolong Timbalan Perdana Menteri beri komisen RM500 juta sampai sekarang tidak ada siasatan. *[Tepuk]*

Apakah kita bodoh? Apakah kita lembu? Mungkin 30 tahun dahulu UMNO boleh cocok hidung orang Melayu, tarik sebagai lembu. Kali ini lihat orang Melayu akan bangun dan kuburkan UMNO dan Barisan Nasional di Bukit Gantang dan Bukit Selambau.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Cukup. Kalau hendak jadi penyokong Timbalan Perdana Menteri pun tunggu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ya, bagilah sedikit.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tak apa, saya sudah jawab sudah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Kalau ya pun ikutlah peraturan. Ada prosedur.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya sudah jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya tak bagi laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Mana boleh suka-suka hati luluskan tanpa ikut prosedur...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...dan anggap itu sebagai amal jariah. Mana boleh. Ini lembu korban.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat Batu Pahat, sudahlah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tak apalah. Dia Islam Hadhari Tuan Yang di-Pertua. Dia tak faham soal korban ini. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Elok juga sekali-sekala ada begini supaya saya tidak mengantuk tapi jangan terlampau keterlaluan. Sila, sila teruskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Soal lembu ini memang seronok Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, cucuk hidung ini pemimpin UMNO sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya teruskan. Itu memang...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini bukan soal cucuk hidung Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tapi janganlah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat sudahlah Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...Yang salah, salahlah. Jangan dipertahankan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak pertahankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat Batu Pahat jangan berdialog.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini amal jariah pun hendak menyalahgunakan kuasa.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak pertahankan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Lepas itu hantar kepada kawasan yang tidak berkenaan...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak pertahankan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** ...Ke Wilayah Persekutuan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Sebab di bawah pentadbiran UMNO jangan kata orang Melayu di kampung sahaja susah, orang Melayu di Kuala Lumpur pun susah. Ini masalahnya. Jadi kita bertanggungjawab untuk tolong. Dahlah Tuan Yang di-Pertua, dia bukan hendak tanya soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat sudah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Kalau hendak berkorban pun ikut peraturanlah.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bagi peluang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat sila duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Duduk, duduk, duduk. Tak payah. Kemudian. Bagi saya teruskan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tahulah Yang Berhormat Pekan sudah setuju lantik dia menteri penuh Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat tahulah, insya-Allah.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Ini bukan soal menteri penuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat, sudahlah Yang Berhormat Batu Pahat.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya tahulah Yang Berhormat Gombak pun teringin hendak jadi Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Cukuplah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan. Saya tak ada masa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya tetapi Yang Berhormat Gombak...

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Itulah yang jadi kelam-kabut itu sebab Yang Berhormat Permatang Pauh tak dapat jadi Perdana Menteri jadi Yang Berhormat Gombak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah Yang Berhormat Batu Pahat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, dia cunghil saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah terbangun ini daripada tadi saya mengantuk. Sudah cukup, sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya tidak cunghil, dia cunghil saya. Saya kena jawab Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, jangan lagi mencunghil dia. Sila.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua, mana *point* saya pun sudah hilang. Tuan Yang di-Pertua, ini soal LCCT, soal urus tadbir korporat ini yang sering dipandang remeh oleh pimpinan UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa satu contoh untuk mendedahkan pada 23 Disember 2008 Bursa Saham Malaysia Tuan Yang di-Pertua membuat pengumuman rasmi tentang syarikat Sime Darby Berhad. Ini bursa saham menyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Sime Darby Berhad wishes to announce that the company and AirAsia Berhad have jointly express an interest to the government of Malaysia to develop and operate a private low cost carrier terminal (LCCT) on the Sime Darby Group land's in Negeri Sembilan.* Saya boleh terima lagi sebab ini sekadar memaklumkan kepada pemegang-pemegang saham tentang rancangan untuk bekerjasama di antara AirAsia dan Sime Darby membangunkan LCCT di Labu.

■ 1750

Pada 5 Januari 2009, sekali lagi Bursa Malaysia Berhad membuat pengumuman rasmi kepada semua pemegang-pemegang saham. Apa katanya? *The company wishes to announce that it had today, ini bertarikh 5 Januari 2009, obtained approval from the Government of Malaysia to proceed with the proposed LCCT project.* Maknanya Bursa Malaysia mendapat maklum balas daripada Sime Darby bahawa Sime Darby telah mendapat kelulusan daripada kerajaan Malaysia untuk meneruskan pembangunan LCCT projek di Labu pada 5 Januari 2009.

Malangnya pada 23 Januari 2009, yang dilaporkan oleh *Bernama*, yang dikuasai oleh Anuar Zaini di mana beliau menyatakan bahawa, ini Timbalan Perdana Menteri menyatakan, *'the government has yet to decide on the Low Cost Carrier Terminal in Labu'*. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya siapa yang berbohong? Ini perkara penting sebab Bursa Saham telah membuat pengumuman rasmi pada 5 Januari 2009 menyatakan Sime Darby telah mendapat kelulusan. Akan tetapi 23 Januari bulan yang sama tahun yang sama, Timbalan Perdana Menteri menyatakan belum ada keputusan daripada kerajaan. Saya tidak tuduh Timbalan Perdana Menteri berbohong tetapi saya hendak tahu dalam Dewan Rakyat ini, siapa berbohong?

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rasah minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Ya, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya tertarik dengan topik LCCT di Labu ini kerana projek yang sepatutnya bina LCCT yang baru ini terletak di kawasan Parlimen saya iaitu Labu. Saya ada tanya satu soalan pada hari Selasa yang lepas kepada Menteri Pengangkutan, apakah status projek ini? Dan jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bahawa, *"untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rasah, walaupun Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan pembinaan LCCT di Labu baru-baru ini, namun keputusan muktamad masih belum dibuat lagi sama ada cadangan projek ini diteruskan atau sebaliknya."*

Baru minggu lepas kata belum diputuskan tetapi hari ini Timbalan Perdana Menteri mengatakan batal. Jadi ini sesama sendiri, Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri tidak tahu

siapa yang betul atau salah. Ini macam sekejap ada, sekejap tidak ada, *choc fudge*. Ini sekarang *flip-flop government* kita, kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada. Keputusan Kabinet, Menteri tidak tahu. Apa dah jadi dengan Kabinet kita ini?

Saya nak katakan, jawapan yang diberikan secara rasmi mengatakan bahawa projek ini adalah projek penswastaan. Oleh itu kos pembinaan projek akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta iaitu AirAsia Berhad. Ini termasuk kos *connectivity* yang melibatkan pembinaan jalan raya dan rel kereta api ke LCCT tersebut. Jawapan terang tetapi hari ini Timbalan Perdana Menteri mengatakan projek dibatalkan kerana Sime Darby tidak ada wang untuk membina infrastruktur yang sepatutnya. Jadi saya hendak tanya apakah pandangan Yang Berhormat terhadap perkara yang begitu *flip-flop* ini dalam Kabinet kita. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Ini masalah besar Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri yang bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri dalam sebulan lagi boleh berbohong kepada rakyat, di mana lagi rakyat hendak letakkan sandaran dan harapan mereka. Di mana? Ini melibatkan wang rakyat, kita pembayar cukai tetapi *flip-flop government*, UMNO dan Barisan Nasional ini semakin hari semakin rakus kerana dia tahu tidak ada tindakan yang boleh diambil kepada mereka.

Sebab itu saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks yang telah saya dedahkan seperti tadi, saya tidak tahu siapa yang berbohong sama ada Sime Darby ataupun Bursa Saham ataupun Menteri Kewangan. Akan tetapi kalau Timbalan Perdana Menteri tidak berbohong, maknanya Sime Darby berbohong dan kalau Sime Darby berbohong kepada Bursa Saham, maka tindakan oleh Suruhanjaya Sekuriti mesti diambil segera terhadap syarikat yang memberikan maklumat palsu kepada pelabur-pelabur dan pemegang saham dalam syarikat tersebut.

Jangan dalam kes lembu, 24 jam bergegas hendak ambil tindakan tetapi kes seperti ini yang melibatkan ratusan juta ringgit, boleh dipadamkan, dihilangkan kerana yang terlibat ialah Timbalan Perdana Menteri. Inilah yang menjadi desakan Dewan Rakyat pada hari ini supaya dia tampil dalam masa beberapa hari ini untuk menjawab persoalan ini. Kalau dia tidak bersalah, saya mahu tindakan diambil terhadap Sime Darby ataupun pihak yang tidak bertanggungjawab dalam kes urus tadbir korporat ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Lalan Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Machang.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gombak. Isu LCCT ini juga saya bangkitkan dalam sesi soal jawab pada hari Selasa lepas, minggu lepas. Dan jawapan Menteri waktu itu ialah kerajaan belum membuat keputusan terhadap status kelulusan. Kajian dan perbincangan sedang



dijalankan, kalau pun kerajaan memberikan kelulusan jawab Menteri, ia harus mampu menyelesaikan beberapa perkara menyentuh soal teknikal, soal keselamatan dan soal *connectivity* antara *airport* baru dengan *airport* yang sedia ada sekarang, itu jawapan Menteri.

20 Februari, Ketua Pengarah EPU, Dato' Sulaiman Mahbub sebut, kerajaan masih meneruskan rundingan. Gambarnya ialah belum ada keputusan apa-apa, bahkan kata Dato' Sulaiman Mahbub bahawa menjadi tanggungjawab kepada pihak penganjur yakni AirAsia dan juga Sime Darby dan pihak-pihak yang berkaitan mengemukakan pelan dan rancangan ini dan mengadakan perbincangan dengan Menteri Pengangkutan. Dan itu belum dilakukan kata Ketua Pengarah EPU. Sudah tentu aksesnya kepada rasional dan juga latar belakang idea ini timbul cukup baik – Ketua Pengarah EPU.

48 jam kemudian, Timbalan Perdana Menteri kata tak jadi, telah diputuskan. Alasannya ialah Sime Darby telah pun menghantar surat bahawa dia tidak akan membiayai, minat Sime Darby cuma nak jual tanah dia sahaja. Jadi kita dapati bahawa dalam urusan untuk membuat satu keputusan terhadap keperluan satu Lapangan Terbang Tambang Murah yang dianjurkan oleh pengguna iaitu AirAsia yang menjadi pelanggan utama MAB di KLIA itu. Lantaran kerana mengikut hujah AirAsia Tuan Yang di-Pertua, unjuran penumpang yang disebut oleh pihak kerajaan mengikut jawapan menteri cuma sekadar 20/11 iaitu sekitar RM15 juta.

Pada ketika AirAsia telah pun membuat unjuran sehingga tahun 2015 iaitu sudah tentu akan mencecah katanya RM27 juta, jadi dia bimbang kerana dia satu operasi tambang murah yang sangat sensitif tentang kos. Jadi kelihatannya bahawa kerajaan gagal untuk memberikan satu garis panduan ataupun proses membuat keputusan yang betul-betul meyakinkan. Kita ada sebab untuk membimbangi perkara ini dan sementara apabila Yang Berhormat Gombak membangkitkan perkara ini, sudah tentulah platform terbaik untuk kita mendapat penjelasan tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua, ialah jawapan yang bertanggungjawab daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya mohon Yang Berhormat Gombak untuk mengekalkan tempo ini, kita akan terus mengikuti isu ini dengan dekat demi untuk kepentingan masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Machang, jangan bimbang, saya akan kejar Yang Berhormat Pekan sampai ke lubang cacing untuk mendapatkan penjelasan. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Machang tadi ialah persoalan yang berpaksikan kepada persoalan *good governance and corporate governance* Tuan Yang di-Pertua, ini penting. Apatah lagi dalam krisis yang sedang kita hadapi hari ini, ekonomi pun gawat, politik pun gawat. Jadi di mana hala tuju kepimpinan negara hari ini? Kalau kita ada ketua yang *flip-flop* begini, hancur, hancur negara.

Inilah menjadi keprihatinan rakyat sekarang. Kita mahu seorang ketua yang bertanggungjawab, yang amanah, yang dapat menjalankan kerja secara telus tetapi kalau, saya tidak salahkan EPU ataupun Dato' Sulaiman Mahbub, saya kenal dia baik, seorang pegawai

yang bertanggungjawab. Akan tetapi pegawai-pegawai ini duduk dalam satu sistem yang cukup menekan kerana kepentingan politik, maruah digadaikan, wang rakyat dihabiskan begitu mudah, tidak ada pertanggungjawaban dalam persoalan ini. Ini bukan soal ceramah politik atau saya cakap tepi jalan, saya cakap di dalam Dewan Rakyat dengan bukti yang cukup kukuh. Di mana, di mana Menteri Kewangan? Di mana Timbalan Menteri Kewangan?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Pahat, minta penjelasan.

■1800 ptg.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia bakal Menteri Kewangan, harapan dialah Tuan Yang di-Pertua tetapi duduk dulu. Jadi saya hendak minta, saya setuju dengan Yang Berhormat Machang, saya minta Yang Berhormat Pekan gunakan forum ini. Tidak payah pergi masjid angkat sumpahlah. Gunakan Dewan Rakyat untuk menyatakan fakta-fakta yang saya kemukakan ini betul atau tidak.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Kalau saya berbohong saya hendak tahu siapa yang boleh mengeluarkan kenyataan seperti ini. Saya mahu tindakan, *Security Commission* harus bertindak segera terhadap pihak yang telah *misled* ataupun melaporkan salah kepada pelabur-pelabur yang saya maksudkan tadi. Ya, sila Yang Berhormat Batu Pahat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)

**mempengerusikan mesyuarat]**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Dia tidak mahu Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Sebab hendak bagi, memang hendak bercakaplah ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Lambat sangat. Saya sudah tidak ada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Tidak Yang Berhormat Gombak. Sebab tadi hendak bagi laluan kepada Tuan Yang di-Pertua hendak beralih tempat duduk.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tidak apa. Tuan Yang di-Pertua dia boleh dengar.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Saya kena hormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tuan Yang di-Pertua ini dia punya kehebatan, dia boleh dengar semua perbincangan. Jadi tidak payah tunggu.

**Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]:** Okey, okey tidak apa saya sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Gombak, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita hendak melaksanakan sesuatu projek, dia mesti ada pertimbangan *pros and cons*. Saya cukup yakin

bahawa memang belum ada satu keputusan muktamad. Maksudnya memanglah ada orang yang mencadangkan sesuatu projek seperti untuk membina LCCT di Labu ini.

Akan tetapi timbullah banyak *pros and cons* ada yang membantah dan sebagainya Yang Berhormat Gombak termasuklah dulu dalam pembelian helikopter dan sebagainya. Pembangkang pun banyak membantah dan sebab itulah kerajaan menarik balik keputusan tersebut. Maka dalam kes LCCT ini banyak juga suara yang saya dengar kata AirAsia ini menjadi anak emas dan sebagainya sedangkan ini tidak wajar dilaksanakan. Jadi kerajaan ada pertimbangan dalam keadaan keputusan pun belum muktamad. Maka dibuat keputusan di tarik balik dan Menteri Kewangan pun kata bahawa memang dibatalkan.

Jadi apa masalahnya hendak dibangkitkan-bangkitkan lagi. Maksudnya memang sudah dibatalkan kerana ada *pros and cons* ini. Jadi saya rasa janganlah hendak di teruskan dipolitikkan perkara ini.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Batu Pahat, saya tidak politikkan. Kalau Yang Berhormat Batu Pahat berminat untuk duduk dalam Jemaah Menteri Kabinet, mesti tahu peraturan prosedur. Tuan Yang di-Pertua, sebelum syarikat Sime Darby berani membuat pengumuman di bursa saham saya, saya yakin bursa saham mesti mendapat kelulusan secara bertulis daripada Menteri Kewangan. Dia tidak akan berani, sebab dia bukan UMNO, dia sebuah syarikat yang bertanggungjawab.

Dia tidak akan berani buat pengumuman di bursa saham kerana dia tahu risikonya tinggi. Suruhanjaya Sekuriti boleh mengambil tindakan tegas dan menghadapkan syarikat ke mahkamah kalau dia membuat laporan palsu, pernah berlaku. Saya yakin apabila bursa saham membuat pengumuman ini setelah mendapat maklumat daripada Sime Darby bertarikh 5 Januari 2009 dengan jelas namun hanya beberapa hari selepas itu, Timbalan Perdana Menteri menafikan. Jadi sebab itu saya bukan hendak tuduh, ini bukan soal hendak bincang dalam proses perbincangan. Pengumuman telah dibuat Tuan Yang di-Pertua. Kalau belum saya faham. Ada setuju, ada tidak setuju. Akan tetapi saya minta hari ini untuk menyelesaikan perkara ini, Timbalan Perdana Menteri mesti datang dalam Dewan Rakyat menjawab ....

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Apakah Sime Darby sudah berbohong? Kalau Sime Darby berbohong saya minta tindakan tegas diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam perkara ini. Yang Berhormat Sungai Siput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, berapa panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya ada satu sahaja topik yang akhir Tuan Yang di-Pertua, dalam sepuluh minit lagi. Terima kasih

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya mahu dapat penjelasan berkenaan satu lagi *flip-flop* yang

telah berlaku dalam bulan Disember di mana Menteri Kewangan telah mengatakan IJN akan dijual kepada Sime Darby juga. Lepas dua hari, saya ingat ditarik balik. Adakah itu juga lagi satu contoh, *flip-flop* ini?

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Memang persepsi umum nampaknya Sime Darby sekarang ini menjadi anak emas kepada UMNO dan Barisan Nasional. Ladang-ladang besar dapat kepada Sime Darby. Mujurlah IJN ini ada Pakatan Rakyat. Kalau tidak ada Pakatan Rakyat habis sudah IJN ini Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu rakyat sekarang sedar Pakatan Rakyatlah pilihan yang terbaik di Bukit Gantang dan Bukit Selambau.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merumuskan perbincangan saya petang ini dengan isu yang telah banyak juga diperkatakan iaitu isu pembuangan pekerja-pekerja di Malaysia. Saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, ini pun satu lagi *flip-flop*. UMNO ini memang *flip-flop*.

Tentang jumlah pekerja di Malaysia yang telah dibuang. Yang Berhormat Kota Belud marah saya. Dia kata saya ini tidak faham bahasa. Saya faham, siapa kata saya tidak faham. Bila kita tanya dengan Kementerian Sumber Manusia, Menteri datang beberapa hari yang lepas, dia jawab seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, satu angka. MEF memang saya beritahu, ini unjuran dia untuk tahun 2009. Saya sebut, saya sebut itu unjuran dia. Akan tetapi yang membimbangkan saya ialah kementerian dan menteri mengambil ini satu perkara yang kecil. Dia kata tidak serius.

Alasan dia apa, sebab orang yang berhenti kerja tidak datang jumpa dia. Siapa hendak pergi jumpa dia? Tidak akan setiap orang yang diberhentikan kerja hendak pergi rumah menteri, hendak laporan saya sudah dibuang kerja? Ini satu jawapan yang tidak bertanggungjawab. Apakah dengan alasan itu menyebabkan kementerian tidak ada angka yang tepat. Sedangkan saya bentangkan tadi Tuan Yang di-Pertua, satu laporan yang disediakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia yang diserahkan yang menunjukkan menteri hadir dan MEF juga hadir. MEF telah pun *caution*, peringatkan kementerian dan kerajaan bahawa mengikut kajian mereka tahun ini sahaja 200 ribu akan diberhentikan.

Persoalan yang lebih penting ialah apakah peranan dan dasar kerajaan untuk menangani masalah ini. Kita tidak mahu setiap kali timbul masalah dan krisis, kerajaan bertindak secara *ad-hoc*. Kita mahu satu dasar yang jelas. Apakah kerajaan dan tindakan yang harus kita ambil. Saya hendak tamatkan perbincangan dengan mencadangkan Tuan Yang di-Pertua dua perkara. Kalau boleh kerajaan menimbang yang pertama, pekerja-pekerja Malaysia yang dibuang kerja ini diberikan latihan ataupun *retraining skills* sementara tempoh mereka diberhentikan itu. Saya tahu memang kementerian ada program ini tetapi tidak secara komprehensif dan *retraining skills* ini juga mestilah berdasarkan pakej yang hendak dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 10 Mac.

Sebab kita hendak tahu, industri juga tahu, kilang hendak tahu, masyarakat perniagaan juga hendak tahu apakah tumpuan dan *emphasis* kerajaan untuk menangani krisis kewangan global pada hari ini. Barulah *retraining* itu kita *tailored* kepada keperluan yang ditunjukkan oleh kerajaan pada 10 Mac yang akan datang. Pada masa yang sama kita yakin kalau rakyat Malaysia dan pekerja-pekerja ini telah pun diberi latihan, insya-Allah apabila ekonomi kita bertambah baik dan pulih, sekurang-kurangnya mereka ini sudah pun da bekalan itu kepakaran untuk memasuki semula pasaran dalam negara kita.

Ketiga yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau boleh kerajaan menimbang sedikit elaun untuk pekerja-pekerja yang telah dibuang ini, yang menjalani latihan ataupun *retraining skills* ini supaya sementara mereka tidak ada pendapatan tetap kerana diberhentikan. Mereka ada sedikit elaun untuk menampung keluarga mereka. Kita boleh kaji berapakah kos yang terpaksa kita tanggung untuk membiayai pekerja-pekerja Malaysia yang dibuangkan kerja. Akan tetapi kalau kita berhemah, kita tidak rasuah, kita bertanggungjawab, kita tidak ambil komisen saya percaya dana dalam negara cukup untuk membiayai rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Tawau.

**6.09 ptg.**

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang bagi saya berucap menjunjung kasih atas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan yang mulia ini.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, semasa kemelesetan ekonomi global semakin teruk adalah sangat penting bagi kerajaan memastikan dasar-dasar yang baik terutama sekali dasar-dasar ekonomi boleh memanfaatkan rakyat jelata. Lebih penting lagi adalah bahawa segala dasar yang sedia ada atau yang baru tidak akan membebankan sektor-sektor perdagangan ataupun individu sehingga syarikat-syarikat terpaksa menghentikan pekerja-pekerja atau terus golong tikar. Kerajaan seharusnya lebih peka kepada kesulitan sektor-sektor perdagangan serta melakukan perubahan yang sesuai untuk meringankan bebanan kewangan bagi semua pihak. Ingin saya menyentuh beberapa isu kepentingan rakyat terutama sekali yang berkaitan perlindungan hak-hak rakyat jelata.

Isu yang pertama, pendidikan untuk kanak-kanak atau murid-murid yang bukan warganegara tetapi salah seorang ibu bapa adalah warganegara. Ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Pelajaran atas pengumuman beliau baru-baru ini di Tawau

bahawa kementeriannya akan membenarkan kanak-kanak ini terus bersekolah pada Tingkatan Satu atau sekurang-kurangnya seorang daripada ibu bapanya adalah warganegara. Saya sangat mengambil berat tentang isu ini.

Saya telah berucap banyak kali di Parlimen dan juga telah menulis surat kepada Kementerian Pelajaran pada tahun lepas. Perkara yang berkenaan bukan hanya untuk murid-murid terus belajar pada tingkatan satu sahaja sebab kanak-kanak dan murid-murid dihentikan daripada persekolahan pada semua peringkat pada hujung tahun lepas, baik sekolah rendah mahupun menengah, terutama sekali yang akan mengambil peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM tahun ini apabila sijil beranak mereka menunjukkan bahawa mereka bukan warganegara.

Saya menggesa Menteri Pelajaran agar dapat menjalankan penyelarasan yang rapi dengan Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah kerana:

- (i) hanya kanak-kanak yang dilahirkan oleh seorang bapa warganegara dengan seorang warga asing, dengan pasport sah tetapi tanpa pendaftaran perkahwinan atau pendaftaran lewat dibenarkan bersekolah. Apa pula jika wanita asing berstatus pendatang tanpa izin kerana tidak memiliki sebarang dokumen sah, adakah anak-anaknya dibenarkan bersekolah? Bukankah masa sudah sampai sekarang untuk penguatkuasaan syarat bahawa si ibu yang tidak sah perlu diberi status yang sah oleh si suami terlebih dahulu sebelum anaknya layak bersekolah. Sepatutnya tanggungjawab bapa warganegara Malaysia yang melakukan hak perlindungan sivilnya bahawa dia berkahwin dengan seorang wanita warga asing secara sah dengan sekurang-kurangnya dokumen yang sah, jika tidak masalah pendatang tanpa izin (PTI) akan menimbulkan masalah seperti ini.
- (ii) biasanya apabila seorang kanak-kanak dilahirkan oleh seorang wanita warganegara di Malaysia kanak-kanak ini menjadi warganegara Malaysia secara automatik. Oleh itu tiada masalah yang dibangkitkan oleh seorang ibu warganegara. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan memeriksa secara teliti status kanak-kanak bukan warganegara yang ibunya seorang warganegara terutama sekali dalam kes-kes anak angkat yang diragui. Sistem amalan Malaysia patut lebih melindungi hak kanak-kanak keturunan warganegara Malaysia daripada membenarkan PTI menikmati kelebihan daripada sistem kita. Sebenarnya bilik-bilik darjah sudah terlalu penuh sesak dengan murid-murid dan murid-murid tempatan tidak patut dirampas peluang pendidikan berkualiti terutama sekali di Sabah. Bagaimanakah Kementerian Pelajaran dapat

membuktikan bahawa kanak-kanak ini mempunyai identiti warganegara sedangkan mereka langsung tidak memiliki sebarang sijil beranak.

- (iii) saya membantah amalan Kementerian Pelajaran yang membenarkan kanak-kanak memasuki sekolah tanpa bukti sebarang dokumen atau sijil beranak. Saya masih menghadapi masalah wujudnya banyak tempat masuk haram digunakan PTI untuk mencuri masuk ke Sabah setiap hari. Tidak ada anggaran atau tinjauan untuk menunjukkan bilangan kanak-kanak...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan.

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** ...haram yang sebenar di Sabah. Tunggu sekejap. Dengan membenarkan mereka ini bersekolah di Sabah, Kerajaan Malaysia seolah-olahnya memberi isyarat yang salah kepada mereka iaitu mereka dialu-alukan masuk ke Malaysia lalu menetap di sini. Kerajaan sepatutnya melindungi hak-hak rakyat Malaysia dan tanah air kita. Jangan buka sebarang jalan yang boleh menggalakkan PTI datang beramai-ramai.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tawau. Memang kita sedar kenyataan bahawa, "*keras di hutan diberikan susu, anak di rumah mati kelaparan*". Begitulah hakikatnya di negeri Sabah.

Saya bersetuju sepenuhnya kepada kenyataan hujah-hujah Yang Berhormat tadi. Akan tetapi masalahnya, Yang Berhormat, kita sedar kerajaan sedang bertungkus-lumus untuk mengurus soal kanak-kanak di tepi jalan ataupun PTI yang kian ramai di negeri Sabah. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, oleh kerana kita ini terlalu bergantung pada pekerja buruh asing yang kian ramai bekerja di Malaysia, bersetujukah Yang Berhormat kalau anak-anak tepi jalan ini diberikan latihan sebagaimana kita mempraktikkan bahawa negara kita ini adalah negara penyayang.

Keduanya, lagipun hak asasi manusia (*human rights*) kita harus lindungi permasalahan kanak-kanak yang tanpa warganegara ini. Jadi, kalau kita hantar ke negara asal mereka di mana negaranya kerana kesemuanya ini tidak ada kertas, *paperless people*, dengan izin. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kerajaan membelanjakan sedikit untuk menubuhkan satu pusat latihan untuk melatih mereka sebagai *skilled workers*, dengan izin, supaya kita tidak bergantung kepada tenaga pekerja asing. Kalau boleh kita juga boleh mengeksport tenaga mereka ini kepada negara luar. Minta penjelasan.

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih, Yang Berhormat Putatan. Masalah PTI ini adalah begitu rumit di Sabah. PTI, *stateless children* atau anak-anak jalanan ini semuanya adalah masalah yang *accumulate throughout 30* tahun yang lalu. Jadi, kita hendak menyelesaikan identiti mereka. Kalau seseorang tidak ada identiti di Malaysia bagaimana kita boleh memberi latihan kepada mereka. Mungkin satu hari mereka akan 'merampas' dan sebagainya. Inilah masalahnya identiti untuk kanak-kanak jalanan (*stateless children*) ini. Jika

kita ada cukup belanjawan untuk membina satu pusat latihan dan tidak mengganggu kanak-kanak tempatan warganegara kita dan merampas peluang pendidikan tempatan kita, saya tidak ada *objection* bagi masalah ini.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui apa rasionalnya Jabatan Pelajaran Negeri di Setawau yang menghendaki semua ibu bapa murid SK atau SMK supaya dapat dokumen-dokumen anak-anaknya disahkan mulai tahun ini. Anak-anak pegawai-pegawai kerajaan pun tidak dikecualikan dan semuanya tiga salinan setiap dokumen perlu disahkan bagi tujuan aktiviti akademik dan kokurikulum. Ini sudah menimbulkan porak-peranda di Jabatan Pendaftaran di Setawau kerana ribuan salinan perlu disahkan pada awal penggal sekolah tahun ini.

Adakah amalan ini hanya terpakai di Tawau atau di Sabah sahaja atau untuk seluruh Malaysia? Bukankah ini adalah satu *double standard* kerana murid-murid warganegara dikehendaki menunjukkan dokumen-dokumen yang disahkan manakala kanak-kanak bukan warganegara dikecualikan iaitu masuk sekolah tanpa dokumen. Walaupun kita mengalu-alukan langkah positif bertujuan identifikasi dijalankan untuk kes-kes yang diragui sesungguhnya terutama sekali kes-kes yang pernah di mana ibu bapa telah memohon dan menunggu untuk kelulusan kewarganegaraan Malaysia selama lebih daripada 10 hingga 30 tahun.

Saya mahu Kementerian Dalam Negeri mempercepatkan pertimbangan kes-kes tersebut supaya status kanak-kanak dapat disahkan dari segi undang-undang. Kita perlu berhati-hati supaya kes-kes yang diragui diperiksa dengan teliti dan disahkan secara sempurna. Kita jangan biarkan PTI mengambil kesempatan dari sistem-sistem hak-hak dan tanah air kita terutama sekali di Sabah. Saya menggesa kementerian agar dapat memahami kerumitan masalah ini sebelum cuba menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah pekerja-pekerja tanpa izin di Sabah. Semasa operasi pendaftaran kes khas, operasi bersepadu di Sabah mulai 1 Ogos hingga Oktober lepas, seramai 312,827 orang pekerja asing tanpa izin yang digaji telah didaftar. Sejumlah 312,827 pekerja tanpa izin ini 11% di antara *population* Sabah. Tidak kira lagi PTI yang duduk di Sabah tanpa kerja.

Memandangkan perkara ini yang sangat serius, kerajaan Sabah telah menambahkan satu had masa iaitu sehingga bulan Mei tahun ini untuk majikan-majikan mereka mendapatkan dokumen-dokumen yang sah iaitu passport-pasport untuk mengesahkan status pekerja-pekerja asingnya dan membayar levinya.

Saya ingin mengetahui bilangan PTI yang merupakan pendatang baru dan bilangan PTI yang merupakan pekerja-pekerja yang tinggal di sini melampaui tempoh dengan permit pekerja dan passport yang sudah habis tempoh sahnya. Sudah cukup teruk. Terdapat PTI yang baru sampai lebih teruk lagi apabila orang-orang yang bergantung pada mereka dan kanak-kanaknya juga turut datang.



Apakah tindakan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dari segi penguatkuasaan di Sabah? Nampaknya masalah seumpama ini tidak berlaku di Sarawak atau di Semenanjung Malaysia. Tinggal hanya tiga bulan lagi sebelum hujung Mei tahun ini. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk membantu? Pastikan permohonan lancar bagi PTI ini untuk mendapatkan dokumen sah, pasport atau permit kerja. 312,827 merupakan satu angka yang agak besar. Bagaimanakah Malaysia boleh mendapatkan kerjasama pihak-pihak berkuasa kerajaan Filipina dan Indonesia supaya mempercepatkan permohonan-permohonan tersebut? Jika tidak, masalah ini kekal tidak diselesaikan.

Saya sudah banyak kali menyebut sebelum ini bahawa majikan-majikan di Sabah yang menggaji pekerja-pekerja asing sangat sudi membayar levi pekerja asing. Masalah yang dihadapi adalah sebaik pekerja-pekerja asing meninggalkan majikan asal, selepas khidmat beberapa bulan sahaja. Majikan terpaksa membuat bayaran levi untuk pekerja asing baru. Ini adalah rugi dua kali ganda bagi majikan. Dengan kekurangan penguatkuasaan terhadap pekerja-pekerja asing yang lompat, keadaan ini telah menggalakkan sekurang-kurangnya 40% kes lompat tanpa sebarang denda dikenakan kepada majikan baru.

Saya berharap pihak-pihak berkuasa agar dengan sesungguhnya berkomitmen untuk menyelesaikan masalah bayaran levi dan menegah suara majikan-majikan terutama sekali semasa kebanyakan sektor perdagangan sedang menghadapi kemerosotan ekonomi. Cadangan-cadangan pihak majikan adalah seperti berikut:-

- (i) bayaran levi seharusnya boleh dipindahkan jika seorang pekerja asing hilang selepas tiga bulan katanya bayaran levi bagi tempoh sembilan bulan itu boleh dipindahkan kepada seseorang pekerja asing yang baru;
- (ii) penguatkuasaan dan denda yang lebih tegas bagi majikan yang menerima pekerja asing yang melompat;
- (iii) kurangkan bayaran levi. Buat sekarang semasa krisis ekonomi supaya semua majikan mampu mendaftarkan pekerja-pekerja asingnya.

Masalah ini akan kekal wujud seperti apa yang ada lebih 10 tahun lalu. Melainkan dan sehingga terdapat satu rancangan dan panduan yang lebih komprehensif dari pihak-pihak berkuasa.

Saya ingin tahu berapakah jumlah bayaran levi yang telah dikutip oleh kerajaan sejak 1997 dan berapakah jumlah yang telah digunakan demi kepentingan rakyat dan majikan?

Isu yang ketiga, dua orang pekebun kecil dan pemilik ladang ditetak mati dan sekurang-kurangnya lima orang cedera parah di ladang diserang sekumpulan PTI di Tingkayu Kunak pada jam 2.00 petang, hari Khamis – 12 Februari tahun ini. Mengikut laporan *Daily Express* pada 14 Februari tahun ini, serangan yang membawa maut itu telah dilakukan oleh sekumpulan seramai 100 orang PTI kepada sekumpulan lebih kurang 50 pekebun kecil tempatan yang pergi ke ladang untuk mengutip buah sawit.

Lebih awal bulan ini, pekebun-pekebun kecil itu telah memperoleh *injunction* Mahkamah Tinggi Tawau untuk memasuki ladang sawit tersebut. Kumpulan PTI itu menghalang mereka masuk ladang tersebut. Menembak secara liar dengan senapang buatan sendiri dan lembing. Pekebun-pekebun yang terkejut lari tetapi dua orang telah mati manakala lima orang yang lain tercedera parah. Beberapa kenderaan milik mereka telah di rosak oleh kumpulan PTI itu.

Valentino James, peguam yang turut bersama untuk menjalankan kuasa perintah mahkamah juga diserang dan terpaksa lari untuk menyelamatkan dirinya.

#### ■ 1830

Serangan ini sudah tentunya merupakan suatu penghinaan mahkamah. Bulan April 2008, Bernama telah melaporkan bahawa Badan Pencegah Rasuah Sabah telah menyiasat seorang pegawai penguat kuasa berpangkat tinggi yang dikatakan bergelar Dato' dan beberapa anggota polis di Kunak yang disyaki menawarkan khidmat perlindungan kepada sebuah syarikat harta milik tanah yang disyaki merampas ladang kelapa sawit seluas 787 hektar yang dimiliki pekebun-pekebun kecil di Tingkayu.

Syarikat itu dilaporkan telah menggunakan khidmat lebih daripada 100 orang samseng yang terdiri daripada PTI untuk merampas tanah tersebut yang bernilai RM40 juta. Kes-kes tersebut di atas yang membabitkan PTI menunjukkan bahawa pekebun-pekebun kecil tempatan yang sah dan yang juga rakyat Malaysia telah dibuli oleh PTI yang mungkin bersubahat dengan orang-orang tempatan yang berpengaruh dan yang disyaki mengambil rasuah. Ini adalah satu perkara yang serius.

Saya menggesa Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia atau MACC supaya memulakan satu penyiasatan segera terhadap kes-kes tersebut di atas yang mungkin saling berkait hubung secara rumit. Macam mana kerajaan boleh biarkan orang-orang yang sesungguhnya rakyat Malaysia di Sabah dibuli oleh PTI di atas tanah air sendiri? Nampaknya PTI sudah mengambil undang-undang dalam tangan sendiri. Mereka sudah mencuri air dan elektrik kita, mereka sudah mencero bohi hospital dan prasarana-prasarana kita. Kini mereka sudah mengambil alih tanah kita dan mencabar undang-undang kita.

Adakah kita buta sahaja sehingga biarkan mereka merampas hak-hak kita, membunuh orang kita dan merampas tanah kita. Saya menggesa pihak-pihak berkuasa yang berkenaan supaya bangkit segera dan menjalankan kerja penguatkuasaan bersungguh-sungguh untuk mengawal masalah-masalah semakin teruk ini. Kita mahu hak-hak kita, kehidupan kita dan tanah kita dilindungi sekarang juga.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat, industri pembinaan semula *lorries* menghadapi masalah kuota terhad daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau MITI. Pengusaha-pengusaha industri pembinaan semula *lorries* di Sabah ingin mengetahui daripada MITI, apakah rasionalnya untuk mengurangkan serta mengehadkan kuota lori binaan semula di

Malaysia. Industri ini yang mempunyai pengeluaran tahunan sebanyak 13 ribu kenderaan di antara jumlah 45 ribu kenderaan terpakai atau baru dan merupakan 30% jumlah penjualan kenderaan di Malaysia akan menghadapi kesulitan. Dengan kelulusan baru ini, kuota 5,000 kenderaan sahaja bagi tahun ini iaitu pengurangan 8,000 kenderaan di antara 18 buah syarikat terlibat.

Pengurangan daripada 30% dahulu ke 9% sekarang daripada jumlah pasaran merupakan kejatuhan 20% dalam pengeluaran dan akan memaksa sebilangan syarikat menggulung tikar atau menamatkan perkhidmatan lebih kurang 2,000 orang pekerja. Adakah ini dasar kerajaan atau pihak-pihak berkuasa untuk memaksa syarikat-syarikat itu menggulung tikar atau menambahkan perkhidmatan pekerja-pekerjanya pada ketika sulit kita sedang menghadapi tsunami ekonomi. Bukankah lebih patut kerajaan atau pihak-pihak berkuasa meluluskan kuota mengikut kapasiti pengilang-pengilang atau daya pasaran atau faktor keperluan pengguna berbanding tindakan memaksa pencapaian-pencapaian yang baik industri ini mencari jalan keluar.

Industri pembinaan semula lori memainkan satu peranan yang relevan dalam sektor SME yang melatih serta menggaji pekerja-pekerja mahir serta mempromosikan industri-industri sokongan SME lain yang berkaitan. Yang penting sekali industri ini memanfaatkan pekebun-pekebun kecil dalam sektor perladangan dan petani yang tidak mampu membeli kenderaan baru terutama sekali di Sabah. Saya menggesa Menteri supaya meningkatkan kuota secepat mungkin untuk mengelakkan syarikat-syarikat menggulung tikar dan pekerja-pekerja dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kelima, kapal-kapal asing menangkap ikan di perairan Sabah. Rakyat Sabah terutama sekali nelayan dan pemilik kapal di Sabah sangat bimbang berkenaan stok ikan yang kian merosot dan kepupusan stok ikan di Sabah termasuk Labuan seperti ditunjukkan oleh satu kajian yang dijalankan bagi tempoh 30 tahun yang lalu. Bagi beberapa tahun lepas, kapal-kapal Vietnam telah mencero bohi perairan Sabah termasuk Labuan dengan menggunakan teknologi yang canggih, semua ikan dan hidupan laut, besar atau kecil, semua tidak terlepas.

Justeru itu, ini sudah menyebabkan stok ikan kecil terpusus atau tidak berterusan lagi. Penceroboh-penceroboh itu juga didakwa menangkap spesies-spesies yang dilindungi seperti penyu, jerung dan lain-lain. Jika dibiarkan tidak dijaga sahaja, perbuatan mereka ini juga akan merosakkan program pemuliharaan marin Sabah yang terkenal sedunia dan menarik ramai pelancong di Sabah.

Sektor menangkap ikan di Sabah ingin mengetahui sama ada Jabatan Perikanan Persekutuan telah secara rasmi mengeluarkan lesen-lesen dan berapakah bilangan lesen untuk kapal-kapal asing menangkap ikan di perairan Sabah dan Labuan. Selepas pemerhatian baru-baru ini, kapal-kapal asing daripada Vietnam di hadapan Kota Kinabalu, bandar raya Pusat Kerajaan Sabah. Mengapakah kelulusan lesen-lesen itu diberi tanpa perundingan atau

rekomendasi daripada Jabatan Perikanan Negeri Sabah. Ini sudah tentulah bercanggah dengan kepercayaan pihak berkuasa Sabah kepada pihak berkuasa Persekutuan.

Apakah sebabnya kelulusan yang membenarkan kapal-kapal asing dari Vietnam menangkap ikan di perairan Sabah dan Labuan masih dikeluarkan, sedangkan nelayan-nelayan Sabah sudah menghadapi kesulitan-kesulitan selain tangkapan yang sangat kurang. Adakah ini amalan *dual standard* dari Jabatan Perikanan Persekutuan yang hanya diamalkan di perairan Sabah tetapi tidak di perairan Sarawak pula.

■1840

Tidak guna langsung jika hanya mengkaji atau menyiasat kemerosotan tangkapan ikan, sementara yang ternyata sedang berlaku di depan mata kita. Kapal-kapal asing dibenarkan menangkap ikan di perairan Sabah. Satu lagi pengetahuan biasa iaitu di mana ada sebuah kapal menangkap ikan dari Vietnam tentulah dapat juga sebuah kapal ibunda yang tersembunyi dan menunggu dekat situ supaya tangkapan ikan boleh dipindah dengan mudah sekali. Jika bayaran lesen menangkap ikan adalah sekadar jumlah tangkapan ikan oleh kapal-kapal itu jumlah tangkapan ikan yang sebenar tentulah sudah pun dipindah secara luasnya ke kapal ibunda.

Saya mendesak kepada kementerian dan Jabatan Perikanan Persekutuan supaya memahami kesusahan yang dihadapi sektor-sektor nelayan Sabah dan terus menghalang kapal-kapal Vietnam itu menangkap ikan di perairan Sabah dan Labuan. Ini juga harus menjadi satu dasar jangka panjang untuk menyelamatkan seluruh industri menangkap ikan di Sabah serta menggalakkan pemeliharaan hidupan laut di Sabah dan sumber-sumber makanan marin untuk rakyat Malaysia di Sabah. Tuan Yang di-Pertua dengan setinggi-hormat saya menjunjung kasih atas Duli Yang Maha Mulia yang di-Pertuan Agong. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ranau.

**6.43 ptg.**

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kesempatan ini saya mohon menjunjung kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-12 berkenaan dengan 16 Februari 2009. Saya juga ambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana walaupun pada tahun lepas di mana dunia telah dilanda krisis kewangan global yang bermula di Amerika Syarikat dan kemudiannya merebak ke Eropah dan juga dirasai oleh kebanyakan negara termasuk Malaysia. Akan tetapi pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih lagi boleh bertahan sehinggakan pada tahun lalu ekonomi negara terus berkembang pada kadar sekitar 5% dan jumlah perdagangan antarabangsa kekal melebihi RM1 trilion dolar ataupun RM1 trilion.

Ini adalah merupakan bukti bahawa kerajaan telah bersungguh-sungguh mengambil satu tindakan yang proaktif bagi memperkukuhkan asas ekonomi dan sistem kewangan negara

melalui pengamalan krisis kewangan dalam masa yang lampau terutama sekali krisis kewangan pada tahun 1997 dan 1998. Tuan Yang di-Pertua, walaupun dunia pada masa ini menghadapi cabaran ekonomi yang amat getir namun ekonomi negara masih bertahan kerana langkah-langkah telah diambil oleh kerajaan. Saya sebagai Ahli Parlimen Ranau dan rakyatnya akan terus menyokong usaha-usaha dan apa sahaja langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan supaya krisis ekonomi negara yang semakin teruk tidak akan membawa keadaan yang lebih buruk kepada ekonomi negara kita.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua kerajaan apabila membuat tindakan sesuatu yang mungkin menyebabkan kenaikan harga barangan seperti apa yang berlaku semasa kerajaan menaikkan harga minyak beberapa kali sewaktu harga minyak dunia melambung tinggi. Hari ini apabila harga minyak sudah turun begitu rendah, harga barangan di pasaran yang ikut naik tidak lagi dapat diturunkan. Masyarakat umum masih lagi menganggap tindakan tersebut tidak 'ngam' kata orang Sabah. Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang keadaan lebuhraya dari Kota Kinabalu - Tamparuli ke Ranau dan Telupid - Sandakan yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Kalabakan baru-baru ataupun hari ini dalam ucapan perbahasan beliau.

Saya bersetuju keadaannya sangat teruk Tuan Yang di-Pertua. Saya lebih berminat menyentuh mengenai jalan di antara pekan Tamparuli dan pekan Ranau iaitu di kawasan saya. Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengetahui bilakah Kementerian Kerja Raya akan membuat penurapan semula lebuhraya terutama sekali di antara pekan Tamparuli ke pekan Ranau. Ini kerana keadaannya pada masa ini sangat teruk jika kita bandingkan lebuhraya yang terdapat di Semenanjung bukan hanya begitu jahat keadaannya tetapi sudah begitu menyedihkan. Sedangkan saya sendiri merasa kasihan dengan keadaan jalan raya tersebut yang penuh dengan tampal-tampal sehinggakan kita merasa menggunakan lebuhraya tampal-tampal, berlubang-lubang, berombak-ombak dan pecah sini serta pecah sana di sepanjang jalan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya di antara pekan Tamparuli ke Ranau ini sudah pun diturap semula pada beberapa tahun yang lalu tetapi sekejap sahaja berlubang-lubang, pecah dan kemudian ditampal-tampal. Kita dapati bahawa kerja penurapan terlalu nipis. Jelas kelihatan melalui lubang-lubang di atas jalan raya yang tebalnya hanya lebih kurang satu inci walaupun seharusnya dua inci tebal kalau mengikut piawaian JKR. Kalau setengah inci sahaja daripada itu seharusnya dua inci tebalnya Tuan Yang di-Pertua. Jelas sekali keadaan jalan raya itu tidak tahan. Tuan Yang di-Pertua saya tidak berbohong tentang perkara ini. Saya mohon pihak Kementerian Kerja Raya supaya menyasat keadaan jalan raya ini sama ada betul ataupun tidak apa yang saya katakan. Jika betul mohon tindakan dengan segera supaya jalan raya ini betul-betul merupakan lebuhraya ataupun *highway* dan bukan lebuhraya tampal-tampal.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh beberapa perkara penting tentang pendidikan di kawasan saya.

**■1850**

Tahun lepas saya banyak mengutarakan masalah bangunan-bangunan sekolah rendah yang sudah terlalu tua, usang dan perlu diperbaiki. Pada kali ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran, berapakah projek dan peruntukan yang sedang dan akan dilaksanakan di daerah Ranau yang saya wakili terutama sekali tahun ini.

Baru-baru ini dalam bulan Januari, satu kejadian bangunan sekolah roboh di SK Kinapulidan, tidak jauh daripada Pekan Ranau. Walaupun tidak melibatkan kesedaran murid-murid atau pun guru-guru tetapi kejadian tersebut adalah mencerminkan betapa teruknya keadaan di kebanyakan bangunan sekolah-sekolah di daerah Ranau.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga, saya melawat di sekolah SJK(C) Pai Wen, satu-satunya sekolah Cina di kawasan saya. Saya dapati dua perkara penting untuk keperluan sekolah tersebut yang sangat mendesak dan perlu diberi perhatian.

Pertama, memerlukan bangunan tambahan bilik darjah. Saya difahamkan bahawa sudah lama ada permohonan tetapi kelulusan peruntukan tersebut belum ada lagi. Saya mohon Kementerian Pelajaran supaya memberi pertimbangan khusus tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah ini juga mempunyai 60% murid-murid adalah terdiri daripada kaum bumiputera. Pada tahun lepas, sekolah tersebut mendapat lima orang murid yang mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR tetapi saya difahamkan mereka yang *graduate* di sekolah ini walaupun mendapat keputusan yang cemerlang tetap apabila memohon masuk belajar di sekolah Maktab Rendah Sains MARA atau (MRSM) mereka tidak dapat kelulusan. Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran adakah ini betul atau pun tidak?

Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa murid-murid yang mendapat kelulusan cemerlang iaitu 5A daripada sekolah ini tidak diberi perhatian atau pun tidak boleh masuk ke sekolah MRSM. Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa tidak lama lagi, saya cuba pendekkan ucapan saya ini. Saya hanya mempunyai sedikit sahaja dan perkara yang akhir sekali, saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin memohon dan merayu kepada Kementerian Pelancongan terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri supaya membantu Kerajaan Negeri Sabah terutama sekali ke atas usaha Kementerian Pelancongan, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Sabah untuk menjadikan Pulau Sipadan dengan izin as *the new vendor of nature in the world*. Bukan hanya dari segi promosi serta mengundi tetapi mendapatkan status tersebut bagi kebanggaan penduduk Sabah dan juga Malaysia.

Saya juga mohon kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di dalam Barisan Nasional atau pun pihak pembangkang supaya menyokong usaha ini melalui promosi dan mengundi sebagai tanggungjawab kita bersama. Ini adalah pesanan kepada saya daripada sahabat saya, Yang Berhormat Menteri Pelancongan untuk memohon sokongan tentang hasrat

kementerian tersebut iaitu untuk tujuan ini termasuk juga Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *please log on to [www.news7wonder.com/nation](http://www.news7wonder.com/nation).*

Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jerai.

**6.57 ptg.**

**Tuan Mohd Firdaus Jaafar [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua. Bismillaahir Rahmanir Rahiim, terima kasih kerana memberi ruang dan masa kepada saya dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong .

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sedang kita hadapi pada hari ini adalah merupakan isu rakyat. Isu yang kita bahas di Parlimen yang mulia ini yang merupakan isu yang sedang berlaku di hadapan rakyat di luar sana, yang memohon daripada kita semua agar dapat diatasi dengan penuh hikmat dan bijaksana. Apa yang saya sebut adalah merupakan perkara yang sedang menjadi isu besar di dalam negara kita. Ingin saya berkongsi dengan semua rakan-rakan dan Tuan Yang di-Pertua iaitu isu politik dendam.

Ini menyebabkan rakyat dan seluruh masyarakat merasa bimbang melihat perkembangan politik tanah air. Apa yang saya maksudkan adalah merupakan antara lain, kita melihat di Kedah khususnya, dalam soal mempersoalkan tentang derhaka dan seumpamanya. Kami di Kedah, kita menerima tamparan hebat apabila walaupun isu kecil, tetapi ia merupakan bahan cakap-cakap dan ia merupakan bahan ketawa rakyat dan seumpamanya. Contoh, gambar Menteri Besar Kedah tidak dibenarkan digantung atau pun dilekatkan di sekolah rendah kebangsaan atau pun menengah kebangsaan di seluruh negeri Kedah.

Ini merupakan Menteri Besar yang diperkenankan oleh Tuanku Sultan yang menjaga rakyat negeri Kedah, diketepikan soalnya oleh Kementerian Pendidikan. Saya bertanya khabar rakan-rakan yang menjawat jawatan guru besar atau pengetua sekolah, mereka menerima arahan lisan supaya tidak bertidak sedemikian iaitu tidak meletak gambar Menteri Besar di seluruh sekolah-sekolah negeri Kedah.

Pada kita sebagai rakyat, sebagai pemimpin politik, kita melihat isu ini merupakan isu besar yang diperkatakan oleh semua pihak khususnya rakyat sedang ketawakan kita terutama Menteri Pelajaran perlu ambil perhatian dalam soal ini. Kemudian, kita melihat lagi, berlaku lagi perkara yang sama, pelantikan pentadbiran N27 penghulu dan sebagainya sedangkan penghulu mukim ini adalah dalam bidang kuasa Sultan Kedah.

Perkara ini perlu dilihat secara teliti supaya tidak bertembung pengagihan kuasa dan sebagainya. Kita faham dan kita memahami bahawasanya kerajaan mempunyai dua kuasa, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Apakah dengan adanya kuasa pusat dan negeri ini menyebabkan kita bertembung sesama kita. Yang ruginya adalah rakyat dan rakyat pada hari ini

adalah rakyat yang cerdas, rakyat yang mula bijak. Rakyat memahami dan rakyat akan menghukum ahli politik yang menjadikan mereka mangsa politik.

■ 1900

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menurut kepada isu perkauman. Di Malaysia tidak akan habis isu ini sebab masyarakat majmuk. Berbilang kaum, bangsa, agama, kebebasan dan seumpamanya dibenarkan oleh Perlembagaan menyebabkan isu ini akan terus ada. Cuma pihak Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mestilah pandai dan bijak menyusun atur agar mana rakyat saling kasih mengasihi, saling memahami budaya sama sendiri dan seketika pada masa yang lalu, kita mendengar media-media sentiasa menyerang PAS di antaranya meletakkan kerana PAS tidak akan dapat memperjuangkan dasar Islamnya kerana Malaysia ini masyarakat majmuk. Terbukti Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini, masyarakat melihat kini PAS dan Pakatan Rakyat berjaya menyatupadukan perpaduan ummah dan perpaduan masyarakat ini kerana hasil daripada kesungguhan dan perjuangan kita bersama.

Maka sebab itulah saya melihat isu masyarakat majmuk merupakan satu isu yang besar. Sekiranya kita hadapi dengan penuh hikmah, kita yakin perpaduan masyarakat berbilang kaum dan agama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya menyentuh persoalan kementerian di Jabatan Perdana Menteri berkenaan agama. Kita sebagai umat Islam kita semua disatukan mimbar khutbah. Di sinilah umat Islam dididik dan di tarbiah. Kita pohon supaya mimbar ini menjadi medan terbaik bagi melahirkan modal insan yang dikehendaki oleh semua pihak terutama Islam meletakkan dasar ketakwaan dan nilai-nilai kepatuhan kepada Allah dan Rasul-Nya. Melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangan Allah. Maka nilai takwa ini perlu didukung dan di perkasa oleh kementerian tersebut supaya rakyat menerima didikan agama sama ada di alam persekolahan mahupun menjadi warga rakyat, menjadi warga masyarakat umumnya saya yakin dan saya percaya rakyat akan ke masjid pada hari Jumaat.

Di sana adalah tempat yang paling istimewa untuk kita mendidik rakyat kita menjadi orang yang bertakwa apabila masyarakat umat Islam khususnya dididik dengan sebaik mungkin dengan nilai-nilai takwa, maka sudah pastilah tidak akan ada isu-isu yang kita sebut pada hari ini pengkhianatan ataupun kita sebut isu-isu perkauman, perbalahan dan seumpamanya kerana umat Islam dibentuk dengan roh mimbar khatib, mimbar khutbah pada hari Jumaat. Saya pohon kementerian tersebut supaya mengambil teliti dan menjadikan medan terbaik. Bukan menjadi medan politik, tetapi mendidik generasi masyarakat khususnya umat Islam menjadi contoh moden terbaik dalam negara kita ini.

Kemudian saya merujuk kepada ucapan Titah Yang di-Pertuan Agong menyatakan 4.1% warganegara ini di kalangan remaja ataupun golongan muda. Tuan Yang di-Pertua, kita melihat Kementerian Belia dan Sukan mestilah berani mendidik generasi muda berhadapan isu cabaran dunia pada hari kalangan isu moralnya, isu dadahnya, gengsterismenya, rompakan dan sebagainya yang kita melihat menjadi isu besar dalam kehidupan dunia remaja. Kita berhadapan



dengan isu pembunuhan, isu pukul, isu-isu rompakan, pembunuhan dan seumpamanya. Isu-isu ini yang melibatkan golongan remaja atau golongan belia. Jadi bagaimana? Kita pohon KBS atau Kementerian Belia dan Sukan mestilah begitu cermat berhadapan isu ini.

Antara lain kita mencadangkan mengaktifkan semula sukan-sukan di peringkat kampung, desa, bandar dan seumpamanya. Di peringkat PBT, Parlimen dan DUN seperti yang disebut di dalam kementerian tersebut ingin mencadangkan gelanggang futsal terbuka. Kita menyokong supaya ini dapat menghindari rakan-rakan belia kita daripada terjerumus dalam hal-hal berkaitan dengan jenayah dan kita melihat sekarang ini, dalam persatuan belia dan persatuan sukan tempatan yang sering kali kita berhadapan dengan pergaduhan dalaman atau kemelut dalaman. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kementerian dan menteri tersebut yang berhadapan isu-isu kemelut dalaman ini.

Saya pohon supaya dan pertubuhan-pertubuhan memastikan kemelut dapat diatasi segera untuk menyelamatkan sukan dan golongan muda yang ada kaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan ini. Kita pohon kepada pertubuhan ini supaya mengetepikan soal dalaman dan memberi tumpuan kepada olahraga, sukan badminton, hoki, bola sepak dan sebagainya. Kita pohon juga kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pagi tadi kita mendengar jawapan kementerian bagaimana melihat kepada bomba sukarela yang menjadi isu pada hari ini. Bomba sukarela merupakan bomba yang dihasilkan oleh rakyat yang menerima bantuan daripada pihak kementerian.

Namun apa yang menyedihkan kita apabila pihak kementerian tidak dapat menyediakan elaun ataupun insurans kerana mereka penyelamat kepada keadaan yang berlaku seperti kebakaran. Akan tetapi pada masa yang sama mereka tidak diselamatkan. Seperti mana angkatan tentera, mereka menjadi penyelamat atau menjadi pertahanan negara tetapi keadaan mereka tidak selamat. Begitu juga dengan bomba sukarela. Di kawasan saya terdapat lapan yang aktif. Bukan sekadar mereka berkhidmat di kawasan Jerai, bahkan Kuala Muda, Pendang dan sebagainya. Jadi kita pohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini supaya melihat semula jasa baik dan pengorbanan anggota bomba sukarela ini hanya 307 pasukan bomba yang aktif dan berdaftar lebih kurang 12,704 orang anggota sukarela meminta pembelaan secepat mungkin kerana mereka sebahagiannya telah membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama juga saya pohon kepada Perbadanan *Pengurusan Sisa Pepejal* dan Pembersihan Awam yang menjadi isu untuk mengambil alih sisa pepejal di negeri-negeri seluruh negara, apa yang ditimba hasil pertemuan kita dengan pekerja-pekerja khususnya PBT yang berkaitan dengan sisa pepejal ini, pekerja-pekerja rakyat memohon supaya mana mereka diserapkan masuk di bawah staf ataupun kakitangan suruhanjaya daripada mereka diserap masuk kepada syarikat kontraktor. Mereka diberi jaminan selama lima tahun. Selepas lima tahun, di manakah jaminan mereka. Apakah kekal bekerja dengan syarikat

tersebut ataupun mereka dibuang kerja dan sebagainya. Ini jaminan yang menyebabkan pekerja-pekerja PBT rasa bimbang dan cemas sekira mana Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam tidak mengambil alih ataupun tidak memberi perhatian kepada masa depan mereka.

Kita pohon supaya kementerian yang sama meneruskan peruntukan PBT yang kita menerima tekanan dan kita menerima aduan tong-tong sampah dan seumpamanya tidak dapat kita sediakan dengan baik. Difahamkan kementerian ataupun kerajaan pusat menghentikan atau mengecilkan peruntukkan kepada PBT ini. Pada masa yang sama, kementerian yang sama saya ingin menyebut baru-baru ini ada akademi PBT di Melaka yang sepatutnya berada di Rawang. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut dipindahkan ke Melaka kerana sayangkan Barisan Nasional walaupun kabinet telah meluluskan seminar tersebut, akademi tersebut berada di Selangor. Mungkin disebabkan dendam politik yang akhirnya berubah ke Melaka.

Namun pada kita, kenapakah dalam usaha untuk membangunkan rakyat dan memastikan rakyat selesa dan sejahtera, kita masih bercakap tentang isu perkauman politik dan sebagainya. Kita pohon kementerian di semua peringkat supaya melihat kepada amanah yang diberi kepada rakyat supaya rakyat ini mendapat pembelaan sewajarnya. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, isu rakyat Jerai. Saya ingin sebut ada sembilan perkara.

Yang pertama sekali isu banjir. Jabatan Perairan dan Saliran telah pun menyediakan RM2 juta. Terima kasih mengatasi masalah banjir di Teroi di Pekan Gurun. Namun, dalam banciaan JPS Kedah, JPS Kuala Muda meletakkan hampir RM30 juta untuk mengatasi masalah banjir ini dan ia menelan belanja yang begitu tinggi. Namun kita minta kementerian tersebut supaya menambah kementerian ini supaya rakyat lebih selesa. Kemudian apa yang berlaku hari ini apabila yuran sekolah PIBG tidak dapat dipungut oleh pihak sekolah sehingga selesai Mesyuarat Agung PIBG. Perkara ini tidak pernah berlaku selama ini. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, yang merupakan Yang di-Pertua PIBG sekolah, apabila selesai Mesyuarat Agung PIBG kita ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan kenapa ini dilaksanakan yang menyebabkan kerja guru bertambah.

Bermula Mac hinggalah bulan Mei saya yakin guru terpaksa menyediakan masa untuk memungut yuran-yuran sekolah yang sebelum ini diselesaikan pada hari pertama persekolahan. Ini menjadi tanda tanya kepada semua waris melihat kenapakah ini berlaku. Adakah ini berkaitan dengan lobi untuk naib presiden dan sebagainya. Kemudian yang ketiga, saya mewakili rakyat Parlimen Jerai memohon balai polis kepada Kementerian Dalam Negeri iaitu di pekan Jeniang bersempadan dengan Sik kerana di sana terdapat pondok polis sedangkan penduduk di sana menghampiri 10,000 orang. Keselamatan tidak terjamin dan rakyat menjadi resah dan gelisah. Setiap kali berlakunya kecemasan, rakyat terpaksa bergerak ke balai polis Sik mahupun balai polis Gurun.

## ■ 1910

Kita minta Kementerian Dalam Negeri supaya melihat benda ini dengan penuh kepekaan dan keprihatinan, ini adalah keselamatan rakyat. Keempat, kepada Kementerian Pertahanan, status empat pulau yang terdapat di Pulau Jerai, Pulau Telur, Pulau Sumsu, Pulau Bunting dan Pulau Bidan yang hari ini dijadikan tempat latihan tentera, namun apakah wajar diteruskan kerana ia merupakan destinasi pelancongan yang cukup menarik. Kita pohon Kementerian Pertahanan supaya mengkaji semula dalam masa yang sama berlaku kecurian pasir yang cukup tinggi disebabkan tiada pengawalan daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia.

Kelima, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, kita pohon supaya diteruskan peruntukan jalan-jalan kampung yang menjadi masalah pada hari ini apabila mana peruntukan tidak disalurkan mengikut seperti tahun-tahun lalu, seolah-olah dia dianaktirikan maka kita melihat ia menjadi masalah rakyat. Apakah pemimpin politik ini masih mahukan hukuman seterusnya kita minta ketelusan perlu diberi kerana ia merupakan sebahagian besar wang rakyat.

Keenam, kita pohon Kementerian Asas Tani yang berkaitan dengan MADA supaya menaik taraf jalan. *Real* MADA di kawasan Parlimen Jerai kerana mengganggu ketenteraman lalu lalang rakyat kerana jalan ini adalah jalan di bawah kawal selia MADA dan terakhir sekali Kementerian Kesihatan. Saya menyeru supaya Kementerian Kesihatan melihat semula projek hemodialisis di Hospital Yan yang tergendala begitu lama menyebabkan menjadikan projek ini projek sakit, bukan projek untuk merawat orang sakit tetapi bertukar menjadi projek sakit kerana lambat dalam proses penambahan klinik dan juga mesin-mesin dapat disegerakan menyebabkan pesakit-pesakit buah pinggang terpaksa menunggu lama dan menyebabkan mereka lebih tekanan setelah mereka menerima keadaan begitu.

Jadi saya pohon Kementerian Kesihatan supaya melihat semula projek hemodialisis di Hospital Yan supaya dapat disegerakan pembinaannya mengikut jadual yang diperuntukkan dan terakhir sekali saya menyokong ucapan tersebut dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya menghargai ucapan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen dan bukan Ahli Parti Yang Berhormat ya? Ha, Sarikei.

**Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan titah menjunjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku. Tuan Yang di-Pertua, isu pertama ialah penambahbaikan menaik taraf jalan Bukit Huang-Sekuman-Sarikei ke Tanjung Manis, Jalan Bukit Huang-Sekuman-Sarikei sepanjang 15 kilometer merupakan satu laluan paip air yang hanya dilalui oleh motosikal pada masa ini.

Laluan atau jalan raya tersebut boleh ditambah baik dan dinaik taraf kepada laluan kereta dan lori mampu menghubungkan kawasan bandar Sarikei dengan Tanjong Manis. Sehubungan itu, ia sekali gus menghubungkan jaringan jalan raya di kawasan Julau, Pakan,

Bintangor, Sarikei, Sibul, Sepaoh dan Betong. Selain itu, ia juga akan menjayakan platform halal Tanjung Manis yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru ini.

Dengan ini baik langsung mahupun tidak langsung akan memberi faedah dan rangsangan kepada kawasan pembangunan koridor dan Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE). Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini pernah di cadang dalam projek RMK-9 setelah hasil peninjauan oleh JKR Sarikei. Sepanjang laluan tersebut juga diharungi oleh dua sungai iaitu Sungai Loba Semareng dan Batang Rajang.

Halangan kedua-dua sungai ini boleh dilalui dengan jambatan atau menggunakan perkhidmatan feri. Anggaran kos perbelanjaan adalah lebih kurang RM50 juta. Saya juga berharap penambahbaikan dan penaiktarafan jalan ini boleh dilaksanakan di bawah projek Rangsangan Ekonomi Jabatan Kerja Raya dan kementeriannya. Tuan Yang di-Pertua, isu nombor dua mempercepatkan pembinaan sekolah menengah kerajaan Sarikei nombor dua di bandar Sarikei.

Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan kerana telah meluluskan projek pembinaan SMK Sarikei nombor dua dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebagai langkah menyelesaikan masalah kesesakan pelajar di sekolah akibat penambahan migrasi penduduk ke kawasan bandar. Akan tetapi saya menyeru kepada pihak kementerian mempercepatkan proses pembinaan sekolah tersebut.

Ini kerana kebanyakan sekolah perlu menyambung lebih banyak bilangan pelajar dalam satu kelas pada satu masa, menyebabkan ketidakselesaan suasana pembelajaran. Sehubungan itu, kebanyakan sekolah perlu mengadakan dua sesi kelas iaitu pagi dan petang. Ini telah mengurangkan kualiti kegiatan kokurikulum kelas dan tenaga pengajar. Saya berharap kerajaan mempertimbangkan, mempercepatkan proses pembinaan sekolah berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Institusi Pengajian Tinggi di bahagian Sarikei, kawasan Sarikei merupakan satu-satunya kawasan yang diliputi kawasan pembangunan koridor pembaharuan tenaga Sarawak atau SCORE dan masih mempunyai keluasan luar bandar yang luas.

Oleh itu, penduduk Sarikei dan Bintangor sangat mengharapkan sebuah institusi pengajian tinggi didirikan di kawasan mereka agar pembinaan institusi tersebut akan merancang pembangunan dan ekonomi di kawasan sekitarnya. Untuk makluman pihak Kementerian Pelajaran, bahawa satu tapak telah dirancang di Sarikei beberapa tahun yang lalu untuk pembinaan sebuah sekolah vokasional, tetapi sehingga kini pembinaan tersebut masih menghampakan penduduk.

Di dalam Dewan yang mulia ini, saya berharap pihak kementerian mempercepatkan pembinaan tersebut. Jika pihak Kementerian Pelajaran menghadapi masalah, saya menyeru dan mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi mengambil alih cadangan tersebut untuk membina sebuah Kolej Komuniti atau Politeknik adalah lebih relevan. Ini adalah kerana anak-

anak penduduk Sarikei dan sekitarnya yang gagal memasuki mana-mana institusi pengajian tinggi seperti universiti, boleh melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi menerusi institusi-institusi pengajian tempatan.

■ 1920

Tuan Yang di-Pertua, pengisian jawatan pembantu pegawai perubatan dan masalah tempat letak kereta di Klinik Mindango. Menurut makluman dari Klinik Kesihatan Mindango, daerah Meratong bahawa sebanyak enam jawatan pembantu pegawai perubatan ditempatkan tetapi sehingga masa sekarang masih ada satu jawatan lagi masih belum diisi. Disebabkan dua pembantu tersebut sering buat tindakan susulan di desa dan sekolah dan hanya tiga pembantu yang menjalankan tugas dalam satu masa khasnya waktu pagi.

Keadaan ini menyebabkan pesakit mendapat rawatan perlu mengambil masa antara 40 minit hingga satu jam. Angka pesakit kemuncak dalam satu masa adalah di antara 115 hingga 130 pesakit. Saya menyeru pihak Kementerian Kesihatan mempercepatkan pengisian kekosongan jawatan tersebut. Berikut kesesakan tersebut telah menimbulkan masalah tempat letak kereta di Klinik Kesihatan Mindango. Lebih-lebih lagi jika berlaku kes kecemasan. Saya memohon kepada kerajaan supaya pemberian peruntukan untuk membina tempat letak kereta dan tindakan segera perlu diambil agar kesesakan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang akhir ialah menambah peruntukan untuk menambah baik jalan tanah liat dan jalan bersimen. Jalan raya merupakan nadi kehidupan penduduk luar bandar khususnya kawasan Sarikei yang menghubungkan kawasan kediaman dan tempat mencari rezeki saban hari bagi penduduk ke kawasan pekan atau jalan raya besar. Oleh sebab kebanyakan jalan-jalan di kawasan luar bandar adalah diperbuat daripada tanah liat, tetapi apabila jalan berkenaan ditimpa dengan hujan lebat dan dinaiki air banjir, maka jalan tanah liat akan mengalami kerosakan teruk. Maka saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar menyediakan dan menambah bajet untuk menaik taraf jalan raya ke jalan bersimen yang lebih tahan lama dan menjimatkan kos pada masa akan datang. Dengan itu saya mohon menyokong.

**7.24 mlm.**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, beri peluang kepada saya menyokong usul menjunjung kasih atas titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Kesan kemelesetan ekonomi telah mula dirasai oleh rakyat Malaysia. Ini merupakan satu ancaman yang terbesar kepada masyarakat Malaysia untuk tahun ini. Semua lapisan masyarakat terima kesan buruk tetapi lapisan kaya, lapisan pendapatan sederhana mungkin mereka kena menundakan pembelian kereta ataupun komputer baru. Akan tetapi untuk golongan miskin, ada juga keluarga yang terpaksa hentikan anak mereka daripada pergi ke sekolah, ada keluarga yang tidak cukup makan. Ini telah berlaku di Sungai Siput dan juga di Ipoh.

Jadi saya rasa adalah tanggungjawab kita semua untuk memastikan dalam masa kegawatan ini, keperluan asas semua keluarga di Malaysia dijamin, dengan izin kita mesti memastikan *no one is left behind*. Kerajaan telah mengumumkan beberapa skim untuk menangani masalah ini, satu ialah latihan untuk para pekerja yang dibuang kerja dengan memberi elaun RM500 sebulan. Minggu lalu saya telah telefon Jabatan Buruh di Kuala Kangsar dan juga di Ipoh, Perak untuk mendapat tahu macam mana kita hendak daftarkan pekerja-pekerja untuk skim ini tetapi mereka tidak tahu, tidak ada borang. Dia kata mereka tidak terima lagi.

Jadi saya ingin tahu daripada Menteri apakah syarat-syaratnya, bagaimana kita hendak daftarkan pekerja? Adakah had umur, adakah kelayakan daripada segi pelajaran mereka, apakah kursus yang diadakan? Saya harap Menteri dapat beritahu Dewan ini dalam sesi ini semua jawapan ini dan juga apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia, untuk memastikan dana yang dipakai untuk sediakan latihan ini dipakai secara yang betul bahawa program yang diberi hasilkan pekerja dengan kemahiran dan bukan dia ini program-program yang palsu hanya semata-matanya untuk mengadakan program untuk dapat peruntukan kerajaan tetapi dia tidak bagi kemahiran yang sebenarnya kepada para pekerja.

Jadi jika program latihan tidak begitu berkesan, jauh lebih baik untuk terus memberi pampasan bulanan kepada para pekerja yang dibuang kerja. Dalam perkara ini kita mesti mengambil kira satu konsep dengan izin ialah *marginal propensity to consume*. Ertinya, jika kita beri 100 orang pekerja RM500 sebulan sebagai pampasan hilang kerja, mereka akan pakai duit ini untuk beli makanan untuk keluarga, untuk beli pakaian, untuk hantar anak-anak ke sekolah. Jadi ini semua akan jana pemasaran pasaran dalaman. Manakala jika duit yang sama, wang yang sama, RM500 x 100 ialah lebih kurang RM50,000 diberi kepada seorang pemilik kolej ini, seorang yang kaya.

Pasaran yang dijana oleh ini jauh lebih kurang daripada pasaran yang dijana oleh beri duit yang sama kepada 50 orang yang miskin. Orang yang kaya mungkin akan membeli barang-barangan yang dibuat di luar negara. Dia akan beli barang ini dekat KLCC atau lain-lain kedai yang canggih. Jadi ini tidak akan menjana pasaran dalaman. Jadi jika kita hendak menjana pasaran dalaman ini, jauh lebih baik kita memberi program yang beri dana ini kepada orang-orang miskin, orang-orang biasa. Kita pun kena ingat dalam masa kegawatan ini, peniaga kecil yang merupakan satu kumpulan yang besar lebih kurang dua juta orang di Malaysia, mereka bergantung kepada para pekerja untuk beli barang-barang mereka.

Di pasar-pasar malam, di pasaran semua. Semua peniaga kecil ini dia bergantung pada pekerja. Bila pekerja ada masalah dengan *overtime*, pekerja ada masalah dengan bilangan hari kerja, pekerja dihentikan kerja, kumpulan peniaga pun menghadapi masalah ekonomi. Jadi kita mesti memastikan perbelanjaan yang dipakai dalam latihan para pekerja ini sampai ke sasaran yang betul dan tidak menjadi satu kesempatan kepada pihak-pihak yang mempunyai

perhubungan baik dengan pihak berkuasa untuk mendirikan RM2.00 *colleges*, kolej-kolej yang pura-pura bagi latihan tetapi hanya mereka yang jadi kaya dan dia tidak bagi latihan yang sebenarnya.

Satu lagi pelan yang dibawa oleh Menteri Kewangan ialah perbelanjaan tambahan RM7 bilion. Menteri Kewangan harus memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang sedang diambil dan akan diambil untuk memastikan projek-projek yang berguna, yang berkualiti akan dibekalkan dalam skim ini. Adakah pekerja tempatan yang akan dapat kerja melalui skim ini? Ada beberapa pihak yang khuatir, skim ini, RM7 bilion ini akan dibazirkan atas projek-projek infrastruktur yang tidak begitu perlu dan juga akan hanya beri kerja kepada pekerja migran yang tidak ada permit kerana mereka ini jauh lebih kurang gaji dia. Satu contoh ini adalah projek High Tech Park di Kantan, Perak. Ini sebelah kawasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sambung besok. Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 24 Februari 2009.

***Dewan ditangguhkan pada jam 7.31 petang.***